

# **Malaysian Journal of Youth Studies**

---

**VOLUME  
JILID 15**

**ISSN 2180-1649**

**DEC  
DIS 2016**

---

## *Makalah/Articles*

<b>Indeks Belia Malaysia: Pengukur Kesejahteraan Hidup Belia</b> ZAINAH SHARIFF, SHARIFFAH MAMAT, MOHD RIZAL MOHD SHAM & NUR AQILAH SYAZWANI MOHD NOR	<b>1-7</b>
<b>Indeks Belia Malaysia: Gambaran Impak Pelaksanaan Dasar Belia Malaysia</b> AHMAD HUZAIRI RAWEE	<b>9-16</b>
<b>Cybercrime among Malaysian Youth</b> ABDELHAK SENADJKI, SAIDATULAKMAL MOHD, SITI ROHAYA MAT RAHIM, THURAI MURUGAN NATHAN, CHIN-YU LEE & MAHMUD ABD WAHAB	<b>17-51</b>
<b>Pendidikan dan Kemahiran Belia Luar Bandar</b> ALIAS MASEK, BADARUDDIN BIN IBRAHIM, LAI CHEE SERN, MIMI MOHAFFYZA MOHAMAD	<b>53-65</b>
<b>Belia dan Ancaman ISIS Di Malaysia</b> MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI, CHE MOHD AZIZ YAACOB, BAKRI MAT, FAKHRORAZI AHMAD, RUSDI OMAR & KAMARUL ZAMAN YUSOFF	<b>67-87</b>
<b>Kefahaman dan Penerimaan Mahasiswa Universiti Awam terhadap Gerakan ISIS</b> CHE MOHD AZIZ YAACOB, BAKRI MAT, FAKHRORAZI AHMAD, MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI, RUSDI OMAR, KAMARUL ZAMAN HAJI YUSOFF	<b>89-106</b>
<b>Perkembangan Modal Sosial dalam Kalangan Komuniti Atas Talian</b> WAN MUNIRA WAN JAAFAR	<b>107-120</b>

<b>Cyberbullying among Malaysian Youth</b>	<b>121-134</b>
LAI CHEE SERN, MIMI MOHAFFYZA MOHAMAD, LEE MING FOONG, KAHIROL MOHD SALLEH, NOR LISA SULAIMAN, D'ORIA ISLAMIAH ROSLI, WILSON CHANG VUI SENG	
<b>Pendidikan dan Keciciran Belia (NEET)</b>	<b>135-148</b>
ASMAADDY HARIS, RUSMAWATI SAID, ZULKARNAIN YUSOP, AZMAWANI ABDUL RAHMAN & YUHANIS ABD AZIZ	
<b>Belia dan Penggunaan Media Sosial</b>	<b>149-165</b>
MOHD SOBHI ISHAK, AWAN ISMAIL, BAKRI MAT, AZAHAR KASSIM, SHARIFFAH MAMAT & NORATI'QAH TALIB	
<b>Pengaruh Program Televisyen terhadap Perkembangan Sosial Belia</b>	<b>167-181</b>
MOHD SOBHI ISHAK, AWAN ISMAIL, BAKRI MAT, AZAHAR KASSIM, SHARIFFAH MAMAT, NORATI'QAH TALIB	
<b>Peranan Institusi Kewangan dalam Kesejahteraan Ekonomi Belia Luar Bandar</b>	<b>183-201</b>
SITI KHARIAH MOHD ZUBIR, MOHD RA'IN SHAARI	
<b>Motivasi dan Penglibatan Belia Felda dalam Kesukarelawanan di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan</b>	<b>203-218</b>
AZLINA MOHD KHIR, NUR AFIQAH ABDUL AZIZ & NOOR SHAHIRAH MUHAMMAD NIZAM	
<b>Stress among Young Adults</b>	<b>219-235</b>
MASTURA JOHAR , WASITAH MOHD YUSOF , SAMSILAH ROSLAN, ZAINAH SHARIFF & NADHRATUL WARDAH SALMAN	
<b>Belia dan Kesederhanaan Global: Ke Arah Pembentukan Komuniti Asean</b>	<b>237-252</b>
MUHAMMAD ISMAIL AMINUDDIN	
<b>Aset Perkembangan dan Kepuasan Hidup Remaja Melayu</b>	<b>253-270</b>
SITI MARNIZAH ABDUL RAHIM & SITI NOR YAACOB	
<b>Mat Rempit dan Pengambilan Bahan Terlarang Di Pulau Pinang</b>	<b>271-280</b>
ZALMIZY HUSSIN & P. SUNDRA MOORTHY	
<b>Gaya Keibubapaan dan Komunikasi Interpersonal Belia</b>	<b>281-293</b>
ARVIN LAWRENCE LAMPAKAS & AKMAR HAYATI AHMAD GHAZALI	

## INDEKS BELIA MALAYSIA: PENGUKUR KESEJAHTERAAN HIDUP BELIA

ZAINAH SHARIFF, SHARIFFAH MAMAT, MOHD RIZAL MOHD SHAM  
& NUR AQILAH SYAZWANI MOHD NOR

### PENGENALAN

Penerbitan Edisi Khas *Malaysian Journal of Youth Studies* (MJYS) kali ini membawa tema Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15). Kesemua artikel yang diterbitkan dalam Edisi Khas IBM menggambarkan 12 Domain yang menjadi tunjang pembentukan IBM. Antaranya adalah: Domain Pembangunan Kendiri; Hubungan Sosial; Identiti; Potensi Diri; Kesihatan; Pendidikan; Kesejahteraan Ekonomi; Keselamatan; Sosialisasi Politik; Penggunaan Media; Waktu Senggang; dan Bebas Tingkah Laku Devian. Penerbitan ini merupakan edisi khas kali kedua MJYS sejak diterbitkan pada tahun 2008.

#### Latar Belakang Indeks Belia Malaysia (IBM)

Malaysia merupakan negara Asia Tenggara terawal yang telah membentuk Indeks Belia sebagai usaha menambah baik inisiatif dan strategi pembangunan belia di Malaysia. Pertama kali IBM dibangunkan pada tahun 2006 (IBM'06) sebagai tahun asas kepada pengukuran kesejahteraan hidup belia. IBM seterusnya dibangunkan pada tahun 2008 (IBM'08) dan 2011 (IBM'11). Pencapaian kesejahteraan hidup belia yang diperoleh dalam IBM'08 dan IBM'11 dijadikan perbandingan dengan IBM'06.

IBM merupakan satu ukuran komposit mengenai kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia secara menyeluruh atau dengan kata lain bertindak sebagai penanda aras dalam mengukur sejauh mana pencapaian tahap kesejahteraan hidup belia sama ada berlaku peningkatan atau penurunan daripada nilai skor yang diperoleh. IBM'15 mengandungi 12 domain dan 58 indikator sosial yang dianggap penting dalam pembangunan kendiri belia. Penentuan bukanlah kepada aspek sama ada belia yang ada masa kini lebih bercorak positif atau negatif tetapi ia adalah untuk melihat perubahan dalam gaya hidup belia pada masa kini dan masa akan datang sejajar dengan pembangunan negara. IBM menjadi *benchmark* dalam mengukur kesejahteraan hidup belia Malaysia serta menjadi rujukan untuk membuat perancangan pembangunan program-program belia pada masa akan datang. IBM dikemas kini selaras dengan Rancangan Malaysia bagi memberi input dan gambaran senario semasa kesejahteraan belia dan memudahkan kementerian dan agensi serta pemegang taruh pembangunan belia mengatur inisiatif dan strategi yang dapat memanfaatkan golongan belia secara maksimum.

IBM'06 dan IBM'08 merangkumi lapan domain yang mengukur kesejahteraan hidup belia manakala IBM'11 merangkumi sembilan domain. IBM'15 telah dibangunkan dengan mengambilkira pelbagai penambahbaikan

berasaskan pembentukan Indeks Belia Malaysia terdahulu. Penambahbaikan ini berlaku berteraskan kepada senario semasa yang turut disokong oleh kepesatan perkembangan teknologi. Selaras dengan itu, IBM'15 dibangunkan dengan merangkumi 12 Domain dan 58 Indikator. Antara domain yang menjadi pemacu utama dalam mengesan kesejahteraan hidup belia Malaysia adalah: Pembangunan Kendiri; Potensi Diri; Kesejahteraan Ekonomi; Penggunaan Media; Hubungan Sosial; Kesihatan; Keselamatan; Waktu Senggang; Identiti; Pendidikan; Sosialisasi Politik; dan Bebas Tingkah Laku Devian.

### **Kualiti dan Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia menerusi IBM'15**

IBM'15 telah dibangun dengan melibatkan 6,098 orang responden berusia di antara 15-30 tahun dengan menggunakan kaedah Blok Perhitungan.

Skor Indeks Belia Malaysia dibangunkan dengan menggunakan skor "100" sebagai asas pengiraan skor maksimum manakala "0" adalah nilai skor minimum. Ini bermakna, lebih tinggi skor IBM maka lebih baik kesejahteraan hidup golongan belia di Malaysia dan begitulah sebaliknya. Skala ini menggambarkan bahawa, sekiranya nilai skor yang diperoleh antara 80 hingga 100, maka skala yang diberikan adalah 'Sangat Memuaskan'. Bagi nilai skor 75 hingga 79, skala yang diberikan adalah 'Memuaskan', diikuti 60 hingga 74 'Sederhana', 50 hingga 59 'Kurang Memuaskan', 40 hingga 49 'Tidak Memuaskan' dan nilai skor 0 hingga 39, adalah 'Sangat Tidak Memuaskan'.

Hasil IBM'15 secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kesejahteraan hidup belia Malaysia berada pada tahap Sederhana iaitu pada skor 70.22. Berteraskan kepada 12 domain dalam IBM'15, terdapat dua domain yang berada pada tahap Sangat Memuaskan iaitu skor bagi Bebas Tingkah laku Devian (skor 89.45) dan Waktu Senggang (skor 81.02).

Nilai skor bagi domain Bebas Tingkah Laku Devian menggambarkan bahawa tingkah laku devian dalam kalangan belia Malaysia berada dalam keadaan terkawal. Secara keseluruhannya majoriti belia Malaysia mempunyai kesedaran yang jelas tentang tingkah laku yang bertentangan dengan norma-norma masyarakat dan berupaya mengawal diri mereka daripada terjerumus dengan tingkah laku devian. Nilai skor domain Waktu Senggang pula membawa maksud bahawa belia Malaysia sangat aktif terlibat dalam aktiviti sukan dan juga pelbagai aktiviti seperti blogging, melayari laman sosial, membeli belah, melakukan aktiviti hobi, berekreasi dan sebagainya.

Walau pun domain Tingkah Laku Devian dalam IBM'15 dan IBM'11 kedua-duanya berada pada tahap Sangat Memuaskan, namun skor 89.45 di dalam IBM'15 adalah sedikit menurun berbanding skor 98.0 di dalam IBM'11. Dapatkan ini disokong dengan kes yang diperoleh daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berhubung Report Tangkapan Mengikut Pecahan Umur (15-30 tahun) dan Jantina di Malaysia, Januari – Disember 2014 yang mencatat 54,554 kes dibandingkan

dengan tahun 2013 dengan catatan 48,535 kes. Pertambahan kes berjumlah 6,019 ini menunjukkan situasi yang membimbangkan. Situasi ini boleh dikaitkan dengan penurunan skor kesejahteraan daripada aspek domain Tingkah Laku Devian pada tahun 2015.

Terdapat satu domain yang berada pada tahap Memuaskan iaitu domain Hubungan Sosial (skor 78.18). Skor yang diperoleh menunjukkan masih kurangnya pergaulan antara belia dengan masyarakat atau jiran tetangga menyebabkan hubungan belia dan masyarakat menjadi renggang. Hasil penemuan ini mungkin berkait rapat dengan peningkatan peluang komunikasi seperti melalui jaringan media sosial yang membatasi komunikasi yang berkualiti bersama keluarga, rakan dan masyarakat.

Sementara itu tujuh domain berada pada tahap Sederhana iaitu domain: Penggunaan Media (skor 73.59); Pembangunan Kendiri (skor 72.60); Pendidikan (skor 71.22); Keselamatan (skor 70.82); Identiti (skor 69.14); Kesihatan (skor 68.42); dan Potensi Diri (skor 68.13).

Domain penggunaan media berada dalam kategori Sederhana (skor 73.59) yang memberikan gambaran bahawa, belia Malaysia melibatkan diri secara sederhana dalam menggunakan media dan tidak menjurus kepada ketagihan kecuali penggunaan telefon bimbit lebih tinggi secara relatif. Hasil dapatan domain penggunaan media ini memberi kesedaran tentang kepentingan untuk mewujudkan satu garis panduan yang berupaya untuk memandu belia Malaysia dalam menggunakan media secara sihat dan beretika.

Domain Pembangunan Kendiri dengan skor 72.60 perlu diberi perhatian agar inisiatif pembangunan belia dapat dimantapkan lagi pelaksanaannya bagi meningkatkan skor domain ini ke peringkat Memuaskan atau Sangat Memuaskan. Indikator ini yang merupakan aset penting bagi pembangunan diri individu sewajarnya dibangunkan secara kolektif agar berada pada tahap skor yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Pencapaian Pendidikan merupakan indikator penting bagi mengukur kesejahteraan individu kerana ia sering kali dikaitkan dengan kebolehpekerjaan dan juga upah atau gaji diperoleh. Justeru itu, domain Pendidikan dengan skor 71.22 (tahap sederhana) menggambarkan perlunya usaha-usaha meningkatkan lagi taraf pendidikan di kalangan belia di negara ini. Adalah diharapkan skor bagi Domain Pendidikan akan meningkat ke tahap Memuaskan atau Sangat Memuaskan pada masa akan datang.

Domain Keselamatan (skor 70.82) secara keseluruhan berada pada tahap sederhana memberikan gambaran perlunya usaha oleh pihak penguat kuasa bagi menyediakan program yang bersesuaian kepada belia Malaysia agar golongan belia sedar akan aspek keselamatan. Kempen keselamatan boleh digerakkan secara

bersepadu bagi meningkatkan keselamatan di kawasan komuniti setempat.

Domain Identiti (skor 69.14) pula mencerminkan sejauh mana belia Malaysia mengekalkan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia. Lima indikator telah digunakan untuk mengukur indeks bagi domain Identiti iaitu Daya Saing, Kesukarelaan, Patriotisme, Semangat Perpaduan dan Integriti. Dapatan ini menunjukkan terdapatnya keperluan untuk mengemas kini dan membuat penambahbaikan program-program berkaitan yang memberi fokus untuk meningkatkan daya saing, kesukarelaan, patriotisme, perpaduan dan integriti dalam kalangan belia.

Domain Kesihatan (skor 68.42) juga masih di tahap sederhana. Berdasarkan tujuh indikator dalam domain ini, indikator amalan pemakanan mempunyai nilai skor terendah (43.52) dan berada pada tahap tidak memuaskan. Ini menggambarkan bahawa generasi belia kurang memberi penekanan terhadap corak pemakanan yang berkhasiat mengikut piramid makanan yang disarankan oleh pakar kesihatan. Justeru amat penting untuk memastikan tahap kesihatan belia dipertingkatkan supaya kesejahteraan yang holistik boleh dicapai.

Domain Potensi Diri (skor 68.12) berada di tahap sederhana dan ia perlu digilap bagi memperkuuh dan menyerlahkan lagi potensi golongan belia menerusi ekosistem yang lebih kondusif. Di bawah potensi diri terdapat dua indikator utama iaitu kepimpinan dan keusahawanan. Belia memerlukan bimbingan khususnya dalam aspek kepimpinan agar mereka mampu menjadi pelapis pemimpin masa depan negara yang berkualiti. Begitu juga inisiatif keusahawanan perlu dipertingkatkan lagi bagi melahirkan belia yang mampu bersaing dan kurang kebergantungan kepada pihak kerajaan.

Daripada 12 Domain IBM'15 terdapat dua domain yang perlu diberikan perhatian yang lebih khusus iaitu Kesejahteraan Ekonomi (skor 54.26) berada pada tahap Kurang Memuaskan dan domain Sosialisasi Politik (skor 45.82) berada pada tahap Tidak Memuaskan. Tahap kesejahteraan ekonomi yang rendah akan membawa kepada pelbagai masalah seperti ketidakseimbangan dalam taraf kehidupan, mengundang faktor-faktor masalah sosial dan kurangnya keharmonian khususnya dalam keluarga dan masyarakat. Manakala bagi isu sosialisasi politik pula, belia masih kurang terlibat dengan aktiviti-aktiviti dan kurang ambil kisah tentang isu-isu politik semasa. Kedua-dua domain ini memerlukan satu diagnosis yang terperinci bagi mengenal pasti faktor-faktor penyebab dan juga kaedah penyelesaian yang boleh diambil.

Secara keseluruhan, IBM'15 menunjukkan bahawa masih banyak ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak bagi memastikan kesejahteraan generasi belia Malaysia meningkat ke tahap yang lebih baik. Pelbagai inisiatif perlu digerakkan secara bersepadu agar potensi belia dapat diserlahkan dalam pelbagai bidang selaras dengan hala tuju Dasar Belia Malaysia.

## Pengiktirafan IBM di peringkat Nasional dan Antarabangsa

Pada tahun 2016, IBM telah diperakui sebagai Key Performance Indicator (KPI) Nasional oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Ianya memberi implikasi kepada pemantauan ke atas program-program pembangunan belia secara holistik berpandukan domain-domain dan indikator-indikator yang menggambarkan kesejahteraan hidup belia Malaysia.

Bagi merealisasikan pencapaian KPI Nasional ini, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia bertanggungjawab menggerak dan menyelaraskan satu gerakan Technical Working Group (TWG) yang dibangunkan menerusi pendekatan Goverment Wide Approach dengan melibatkan 32 Kementerian/Agensi/NGO yang berkaitan dengan pembangunan belia sama ada secara langsung atau tidak langsung. TWG ini telah mencapai persefikatan untuk menetapkan peningkatan sebanyak lima skor bagi setiap lima tahun - ini bermakna peningkatan satu skor pada setiap tahun. Penetapan skor ini dirasakan wajar khususnya atas komitmen dan usaha semua pihak dalam membangunkan belia. Sasaran skor ini akan mengambil masa selama 20 tahun iaitu selaras dengan pembentukan Dasar Belia Malaysia (2015-2035). Sehingga tahun 2035 skor keseluruhan yang disasarkan adalah pada nilai 90.0 atau pada tahap Sangat Memuaskan.

Di peringkat ASEAN, IBM telah menjadi sebahagian daripada rujukan dalam membentuk ASEAN Youth Development Index. Indek di peringkat ASEAN ini masih dalam proses penggubalan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2017.

IBM juga telah diperakui di peringkat antarabangsa melalui Asia Region Commonwealth Youth Ministers Meeting yang diadakan di New Delhi, India pada 2015. Berdasarkan maklum balas daripada mesyuarat tersebut, Malaysia diperakui sebagai negara terawal yang telah mempunyai indeks belia. Sehubungan itu, Malaysia telah diminta untuk berkongsi kepakaran bagi menghasilkan indeks belia di negara-negara anggota yang lain.

Di peringkat kerajaan negeri, terdapat dua buah negeri yang telah menyambut baik penghasilan IBM untuk melaksanakan Indeks Belia di negeri masing-masing. Negeri Sabah telah menjadi negeri pertama yang menghasilkan Indeks Belia Sabah 2015 dan kini IYRES sedang giat membangunkan Indeks Belia Johor. Tujuan utama pembentukan Indeks Belia mengikut negeri ini adalah bagi menghasilkan satu pengukuran tahap kualiti dan kesejahteraan belia di peringkat negeri dan daerah. Pembangunan indeks belia mengikut negeri dan daerah ini membolehkan kerajaan negeri membuat pemantauan dan perancangan strategik pembangunan belia negeri dengan lebih tepat dan holistik.

Sehingga kini, pembentukan IBM telah mendapat pengiktirafan di peringkat

tempatan dan antarabangsa. IBM juga telah diperakui untuk digunakan bagi mengukur pencapaian pembangunan belia dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Adalah diharapkan agar IBM menjadi panduan kepada inisiatif pembangunan belia bagi memastikan segala inisiatif berkaitan dapat dilaksanakan mengikut keperluan dan kepentingan belia. Pastinya, pendekatan ini dapat meningkatkan kesejahteraan hidup belia dari semasa ke semasa.

### **IBM dan Dasar Belia Malaysia (DBM)**

Menyedari bahawa cabaran yang dihadapi oleh belia adalah pelbagai dan sentiasa berubah, maka penilaian berterusan terhadap tahap kesejahteraan belia Malaysia adalah penting. Selaras dengan itu, IBM digunakan sebagai salah satu kaedah pengukuran kepada pencapaian pelaksanaan DBM. DBM telah menggariskan empat cabaran utama belia iaitu: politik, ekonomi, teknologi dan sosial. Cabaran-cabaran ini juga adalah selari dengan domain dan indikator IBM.

## **RUMUSAN**

IBM'15 merupakan pencetus kepada pengembangan usaha dan kepakaran pembangunan belia bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa. Justeru, penerbitan edisi khas ini adalah sebagai salah satu usaha untuk mendokumentkan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh IYRES di sepanjang tahun 2015-2016 selaras dengan domain-domain IBM'15. Semoga terbitan khas ini menjadi rujukan kepada usaha memperkasakan agenda pembangunan belia di pelbagai peringkat.

## **RUJUKAN**

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. 2007. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia. 2015. Dasar Belia Malaysia. Bahagian Dasar Dan Strategik. Putrajaya.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2015. Indeks Belia Malaysia 2015. Putrajaya.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2011. Indeks Belia Malaysia 2011. Putrajaya

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2008. Indeks Belia Malaysia 2008. Putrajaya.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2006. Indeks Belia Malaysia 2006. Putrajaya.

Polis Diraja Malaysia. 2015. Report Tangkapan Mengikut Pecahan Umur dan Jantina di Malaysia, 2015. Kuala Lumpur.

Jabatan Perdana Menteri. 2015. Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020. Putrajaya.

***Profil Penulis:***

***Zainah Shariff, PhD***

*Pembangunan Sumber Manusia*

*Universiti Victoria, Melbourne*

*Ketua Pegawai Eksekutif*

*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)*

*drzainah@iyres.gov.my*

***Shariffah Mamat***

*Sarjana Sains Komunikasi Korporat*

*Universiti Putra Malaysia*

*Penyelidik Kanan IYRES*

*shariffah@iyres.gov.my*

***Mohd Rizal Mohd Sham***

*Sarjana Muda dengan Kepujian Psikologi Pembangunan Belia Dan Komuniti*

*Universiti Malaysia Sabah*

*Eksekutif Penyelidik IYRES*

*rizal@iyres.gov.my*

***Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor***

*Sarjana Muda Sastera Sains dengan Kepujian Statistik*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Pegawai Penerbitan, IYRES*

*aqilah@iyres.gov.my*



## INDEKS BELIA MALAYSIA: GAMBARAN IMPAK PELAKSANAAN DASAR BELIA MALAYSIA

AHMAD HUZAIRI RAWEE

Dasar Belia Malaysia (DBM) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Mei 2015 bersempena dengan Hari Belia Negara 2015. DBM terbentuk hasil daripada suatu usaha bagi mengemas kini dan mengukuhkan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997. Pengukuhan dasar mengenai belia di negara ini adalah dilihat amat penting dalam konteks memenuhi keperluan kerangka kerja dan ekosistem pembangunan belia abad baru berdasarkan asas yang telah terbina dalam dasar-dasar terdahulu.

### Mengenali Belia Malaysia

DBM ketika ia dalam proses pembentukan, melihat akan keperluan penting untuk mengenali belia-belia Malaysia dengan lebih mendalam. Oleh itu, satu proses perbincangan dengan golongan belia dalam pelbagai segmen di seluruh negara telah dilaksanakan. Sesi perbincangan berkenaan dilengkapkan dengan perbincangan bersama pemegang taruh lain seperti agensi kerajaan, ahli akademik dan barisan kepimpinan politik negara. Rujukan kepada pelbagai sumber penyelidikan juga dilaksana bagi membolehkan situasi semasa belia-belia Malaysia dapat difahami dengan lebih baik. Hasilnya, DBM mengenali belia-belia Malaysia berdasarkan: cabaran-cabaran yang dihadapi dalam dekad ini; karakter belia masa kini; serta dapatan daripada penyelidikan yang mengukur tahap kesejahteraan hidup belia. Ia turut disokong dengan dapatan daripada pelbagai kajian mengenai hal ehwal belia.

Cabaran-cabaran yang dikenal pasti dihadapi golongan belia Malaysia dekad ini adalah daripada segi politik, ekonomi, sosial dan teknologi. Cabaran politik yang dihadapi belia hari ini antara lainnya berkaitan dengan literasi politik, kematangan berpolitik, kepemimpinan dan geopolitik antarabangsa. Cabaran ekonomi pula seperti kos sara hidup, budaya keusahawanan, pengurusan kewangan peribadi dan migrasi semula belia ke luar bandar. Manakala, perkara-perkara berkaitan: pendidikan; kehidupan sosial; jati diri; kesukarelawanan; kesihatan fizikal dan mental; sentuhan insaniah; institusi kekeluargaan serta institusi masyarakat telah dikenal pasti sebagai sebahagian cabaran sosial. Sementara itu, cabaran dalam bidang teknologi merangkumi antaranya: perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi; media sosial dan digital; inovasi dan kreativiti; serta keperluan negara dalam bidang sains dan teknologi.

Di samping itu, lapan karakter belia Malaysia masa kini telah dikenal pasti berdasarkan penyelidikan IYRES yang dilaksanakan pada tahun 2012 bertajuk *Understanding The Anxieties and Desires of Malaysia Youth*. Karakter-karakter belia Malaysia adalah: beragama; rajin dalam sesuatu yang diminati; berorientasikan keluarga; sedia untuk didekati; pengguna dinamik; cenderung ke arah konservatif; cenderung kepada teknologi; dan optimis akan masa hadapan yang diselubungi dengan kebimbangan.

### **Mengenali Belia Malaysia Melalui Indeks Belia Malaysia (IBM)**

Dua indeks utama yang menjadi sumber rujukan DBM adalah Indeks Belia Malaysia (IBM) dan *Global Youth Development Index* (GYDI). Kedua-dua indeks ini adalah sebahagian daripada enam Mekanisme Penilaian DBM yang membolehkan kumpulan pelaksana pembangunan belia lebih sensitif dengan perubahan-perubahan yang berlaku ke atas golongan belia di negara ini.

IBM merupakan satu gambaran kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). IBM bagi tahun 2015 adalah indeks terkini yang telah dibentuk dengan mengambil kira keperluan penyerahan potensi belia di bawah DBM dan indeks kesejahteraan belia di peringkat antarabangsa. Hasil dapatan IBM 2015 menunjukkan skor keseluruhan kesejahteraan hidup belia Malaysia adalah pada tahap sederhana dengan nilai sebanyak 70.22. IBM 2015 mengandungi 12 domain bagi mengukur kesejahteraan hidup belia. Daripada 12 domain tersebut, domain bebas tingkah laku devian dan domain aktiviti waktu senggang mencapai skor pada tahap sangat memuaskan; domain hubungan sosial berada di tahap memuaskan; tujuh domain (domain penggunaan media, pembangunan kendiri, pendidikan, keselamatan, identiti, kesihatan dan potensi diri) berada pada tahap sederhana; dan dua domain berada pada tahap kurang memuaskan iaitu domain kesejahteraan ekonomi dan domain sosialisasi politik. Dapatan IBM 2015 tersebut telah membuka ruang kepada semua pemegang taruh pembangunan belia untuk mengambil bahagian secara aktif bagi mengukuhkan lagi kesejahteraan hidup belia di negara ini.

GYDI dibangunkan oleh Sekretariat Komanwel untuk membuat penilaian tahap kesejahteraan hidup belia yang berumur di antara 15 dan 29 tahun di 183 buah negara di seluruh dunia. Indeks ini melibatkan penilaian ke atas lima domain iaitu: pendidikan; kesihatan dan kesejahteraan; peluang dan pekerjaan; penyertaan dalam bidang politik; dan penyertaan dalam masyarakat. Laporan GYDI terkini yang dikeluarkan pada 21 Oktober 2016 menunjukkan berlakunya peningkatan kesejahteraan hidup belia dari tahun 2010 sehingga 2015 di 143 buah negara. Peningkatan ketara berlaku di kawasan Sub Sahara Afrika, Asia Pasifik dan Amerika Tengah serta Kepulauan Caribbean. Negara-negara Komanwel pula, sebagiannya berlaku peningkatan yang lebih tinggi atau kekal pencapaian kesejahteraan belia bagi tempoh yang sama kecuali Pakistan. GYDI 2016 merekodkan pencapaian kesejahteraan belia Malaysia dalam kategori sangat tinggi dengan skor keseluruhan sebanyak 0.729. Malaysia menduduki tempat ke 34 dunia atau kesembilan di kalangan negara-negara Komanwel. Malaysia juga berada di tempat kedua bagi negara-negara di Asia Tenggara di belakang negara Brunei Darussalam. Berbanding GYDI 2013, GYDI 2016 menunjukkan peningkatan skor bagi: peluang dan pekerjaan; penyertaan dalam bidang politik; dan penyertaan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, domain penyertaan dalam bidang politik masih mencatat skor dalam kategori rendah iaitu 0.426 bagi GYDI 2016 berbanding 0.188 bagi GYDI 2013. Secara umumnya, hasil dapatan GYDI 2016 adalah selari dengan dapatan IBM 2015. Ini mengukuhkan lagi keperluan untuk meneruskan inisiatif

strategik bagi mempertingkatkan lagi tahap kesejahteraan hidup belia di negara ini.

### **Manifestasi Pembangunan Belia Malaysia Masa Hadapan**

Manifestasi hala tuju pembangunan belia masa hadapan di bawah DBM adalah dengan memberi penekanan untuk “Memperkuatkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.” Manifestasi ini diterjemahkan dengan semangat untuk menyepadukan segala sumber-sumber negara dan memberikan tafsiran semula ke atas ‘Belia’. Tafsiran semula ini berlandaskan keperluan untuk: meremajakan kepimpinan belia; mendaya upayakan orang muda selari dengan takrifan umur di peringkat antarabangsa; serta mengambil kira cabaran belia masa hadapan dan karakter belia masa kini. Keperluan lain yang diambil kira dalam penetapan tafsiran ‘Belia’ adalah; memastikan kesinambungan kepimpinan negara pada masa hadapan; mengurangkan jurang generasi di kalangan belia; mempercepatkan proses kematangan generasi muda; mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kelompok belia; menstabilkan identiti diri belia; memantapkan proses pembangunan belia; dan pendekatan lebih sistematik ke aras transisi belia-dewasa.

Oleh demikian, tafsiran semula ‘Belia’ di bawah DBM adalah individu belia yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun. Tafsiran ‘Belia’ ini akan dikuatkuasakan pada tahun 2018 mengambil kira proses pindaan ke atas Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) dan proses peralihan kepimpinan pertubuhan belia. DBM turut membuat ketetapan akan keperluan untuk mengkategorikan golongan belia secara lebih sistematik dan strategik melalui pendekatan strategi lautan biru. Lapan kumpulan sasaran belia telah dibentuk dengan mengambil kira peralihan transisi kehidupan belia dari segi pendidikan, kerjaya, pembinaan keluarga, tempat bermastautin dan cabaran dalam kehidupan. Kumpulan sasaran belia tersebut adalah: belia bersekolah; belia pengajian tinggi; belia berkerjaya; belia massa; perkumpulan belia; belia Malaysia antarabangsa; belia minoriti; dan golongan terpinggir; serta belia berisiko.

### **Penyerlahan Potensi Belia Malaysia**

DBM dalam mengukuhkan lagi kesejahteraan hidup belia mengambil pendekatan untuk mengukuh dan menyerlahkan potensi modal insan belia. Oleh itu, DBM menetapkan tiga matlamat untuk dicapai iaitu: meningkatkan keterlibatan belia sebagai warga bertanggungjawab dalam inisiatif di peringkat negara, serantau dan antarabangsa; menyerlahkan potensi setiap individu dengan meraikan kepelbagaiannya dan kelainan masing-masing; dan memperluas akses kepada bidang keutamaan serta inisiatif pembangunan belia untuk dimanfaatkan oleh kesemua kumpulan sasaran belia. Matlamat-matlamat ini diterjemahkan kepada bentuk pelaksanaan yang dipermudahkan dengan memperkenalkan empat konsep iaitu: Had Umur Setara Dengan Piawaian Antarabangsa; Holistik dan Berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; Futuristik, Relevan dan Terkini; serta Merentas Pelaksana dan Generasi.

### **IBM dan Teras Dasar**

Komitmen Kerajaan bagi menjayakan pelaksanaan matlamat DBM adalah didasari dengan tiga Teras Dasar iaitu: Pembangunan Belia Positif; Dari Belia Untuk Belia; dan Belia Sebagai Sumber dan Aset Negara. Teras Dasar yang pertama, Pembangunan Belia Positif atau Positive Youth Development (PYD) adalah satu pendekatan baru dalam mengukuhkan lagi kesejahteraan hidup belia. Pendekatan ini mengubah paradigma lama pembangunan belia yang berbentuk pengurangan defisit kepada paradigma baru yang berbentuk pembangunan aset belia. Pembangunan aset belia berkeupayaan untuk menyerlahkan potensi belia dengan sasaran bagi mencapai Matlamat 8C. Matlamat 8C tersebut adalah; Caring (penyayang); Competent (kecekapan); Character (perwatakan); Confident (keyakinan); Cooperation (kerjasama); Considerate (bertimbang rasa); Competitive (kompetitif); dan Contribution (sumbangan).

Matlamat 8C ini boleh dicapai dengan membangunkan kesejahteraan aset belia Malaysia. Ia juga berupaya melahirkan generasi belia yang sihat, penyayang dan bertanggungjawab. Sebanyak 48 aset pembangunan telah dikenal pasti yang disusun berdasarkan sepuluh domain dan dikategorikan kepada dua komponen utama iaitu Aset Luaran dan Aset Dalaman. Aset Luaran merangkumi set pengalaman dan perhubungan mencakupi konteks kehidupan belia yang dipengaruhi oleh orang dewasa dan rakan sebaya. Aset Luaran mengandungi empat domain iaitu sokongan, pendayaupayaan, batasan dan jangkaan dan penggunaan masa konstruktif. Aset Dalaman pula adalah set kualiti individu yang meliputi nilai, kemahiran dan persepsi diri sendiri bagi membantu belia mengawal diri. Terdapat enam domain bagi Aset Dalaman iaitu: komitmen untuk belajar; nilai positif; kompetensi sosial; identiti positif; amalan gaya hidup sihat; dan keagamaan.

Kajian Pembangunan Kesejahteraan Aset Belia Malaysia (Kajian Aset Belia) telah dilaksanakan oleh IYRES pada tahun 2015 melibatkan responden berumur di antara 15 dan 17 tahun. Kajian Aset Belia 2015 ini telah menghasilkan dapatan yang menunjukkan skor keseluruhan aset belia adalah pada tahap baik iaitu sebanyak 69.3 dengan purata Aset Luaran adalah sebanyak 61.2 dan Aset Dalaman adalah sebanyak 74.6. Perbezaan antara skor Aset Luaran dan Aset Dalaman merupakan tanda bahawa belia Malaysia mempunyai kekuatan dalaman yang lebih besar untuk berhadapan dengan cabaran yang ditempuhi. Namun, sokongan luaran atau ekosistem pembangunan belia pada hari ini masih tidak mencukupi untuk menyerlahkan potensi belia. Secara umumnya, pencapaian Aset Dalaman dalam Kajian Aset Belia ini dilihat sebagai kekuatan dalaman belia untuk mengukuhkan lagi tahap kesejahteraan hidup mereka yang digambarkan oleh IBM 2015. Kajian ini juga seperti mana dapatan Aset Luaran memberikan gambaran buat semua pemegang taruh agar dapat mengukuhkan lagi ekosistem yang melingkari kehidupan belia itu secara berstruktur dan lebih bersistematik.

DBM telah menyenaraikan usaha yang boleh dilaksanakan untuk mengukuhkan kesejahteraan hidup belia berdasarkan sembilan Bidang Keutamaan

Belia (BKB). Bidang-bidang tersebut yang membolehkan belia berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa adalah: pendidikan dan latihan kemahiran; kenegaraan dan jati diri; gaya hidup sihat dan sejahtera; kepemimpinan; kesukarelawanan dan masyarakat sivil; keusahawanan; penyelidikan dan inovasi; profesionalisme kerja belia; dan pengiktirafan. Domain-domain bagi IBM 2015 dan Kajian Aset Belia 2015 perlu diintegrasikan dengan BKB bagi memudahkan pelaksanaan intervensi dan penggalakan oleh pelaksana pembangunan belia. Sebagai perbandingan di sini, domain sosialisasi politik IBM 2015 boleh ditingkatkan dengan pelaksanaan program-program strategik di bawah BKB melalui pelaksanaan program-program kepemimpinan seperti Parlimen Belia Malaysia (PBM) dan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN). Di samping itu, program-program strategik BKB bagi kenegaraan dan jati diri, pendidikan dan latihan kemahiran serta pengiktirafan juga perlu digerakkan seiring bagi menyokong pelaksanaan intervensi di bawah BKB Kepemimpinan.

Teras Dasar kedua iaitu ‘Dari Belia Untuk Belia’ merupakan suatu proses berterusan bagi meningkatkan kapasiti kesejahteraan hidup komuniti belia dengan memanfaatkan pelbagai sumber. Ia juga bertujuan meningkatkan penyertaan belia sebagai warganegara dalam menyumbang kepada pembangunan negara melalui peningkatan penyertaan dalam komuniti. Penyertaan dalam komuniti boleh dilihat dengan sumbangan bermanfaat dalam organisasi-organisasi seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, Lembaga Pelawat Hospital sehingga pelantikan sebagai wakil rakyat sesuatu kawasan Parlimen ke Dewan Rakyat.

Teras Dasar DBM ini diperkuatkan dengan mewujudkan Ekosistem Pendayaupayaan Belia. Ekosistem ini membuka ruang yang lebih luas kepada golongan belia untuk bersama-sama menyumbang dalam pembangunan negara. Ekosistem Pendayaupayaan Belia ini telah tersedia wujud menerusi penubuhan MPBN di bawah Akta 668. Walau bagaimanapun, ekosistem ini akan diperkuatkan dan diserlahkan potensinya dengan memperkasakan MPBN sebagai platform menyuarakan idea, pandangan, nasihat dan teguran belia kepada Kerajaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Teras ketiga DBM adalah ‘Belia Sebagai Sumber dan Aset Negara’. Teras ini bertujuan untuk menyediakan generasi belia sebagai sumber dan aset kepada negara. Teras ini memberikan perspektif mengenai penekanan kepada penyelesaian jangka panjang, mengenal pasti keperluan dan merangka dasar bagi mengukuh dan menyerlahkan potensi belia sebagai warganegara. Tahap kejayaan pelaksanaan Teras ini diukur berdasarkan 11 petunjuk. Petunjuk-petunjuk tersebut adalah: pendidikan tidak formal; dasar latihan belia; badan penasihat belia; perundangan belia; dasar maklumat belia; dasar pelbagai peringkat; penyelidikan belia; penyertaan belia; kerjasama antara Kementerian; inovasi; dan dana pembangunan belia.


Pelaksanaan Teras ketiga ini disokong dengan pengiktirafan DBM ke

atas sumbangan Kumpulan Pelaksana DBM melalui Konsep Merentas Pelaksana. Konsep ini diwujudkan bagi mengetengahkan idea pembangunan belia secara kolektif yang mengambil kira fungsi dan keupayaan setiap pelaksana. Konsep ini membolehkan berlakunya pengintegrasian dan perkongsian sumber-sumber yang ada di kalangan pelaksana berdasarkan Strategi Lautan Biru. 10 Kumpulan Pelaksana DBM ialah: pertubuhan belia dan individu belia; keluarga; masyarakat; pertubuhan bukan Kerajaan; KBS dan Agensi Persekutuan; Kerajaan Negeri; institusi pendidikan dan penyelidikan; pihak media; syarikat berkaitan Kerajaan dan pihak swasta; dan kepimpinan politik di pelbagai peringkat. Walau bagaimanapun, Kajian Aset Belia 2015 menunjukkan aset berkaitan masyarakat menilai belia berada pada tahap sederhana iaitu 49.3 dan belia sebagai sumber berada pada tahap lemah iaitu 24.9. Oleh itu, terdapat keperluan kritikal untuk 10 Kumpulan Pelaksana DBM diupayakan kompetensinya di bawah BKB melalui : program latihan standard dan mengakreditasi profesional kerja belia.

## RUMUSAN

Kerangka Kerja Strategi Pelaksanaan DBM telah menggariskan keperluan untuk menyediakan pelan strategi pelaksanaan DBM selaras dengan Rancangan Malaysia Lima Tahun. Ini bermakna pelan strategi pelaksanaan DBM yang pertama adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Keselbelas (RMKe11) iaitu bagi tempoh 2016 sehingga 2020. Kerangka Kerja juga menetapkan agar penyediaan pelan strategi pertama ini hendaklah berasaskan Mekanisme Penilaian DBM dengan keutamaan kepada IBM 2015 yang telah diterima sebagai Key Performance Indicator (KPI) nasional di bawah RMKe11. Ini menunjukkan pelan strategi pelaksanaan DBM ini adalah berasaskan pencapaian keberhasilan kesejahteraan belia secara berfasa berpandukan impak kesejahteraan belia yang disasarkan bagi tempoh 20 tahun pelaksanaan DBM.

Pelan strategi ini juga perlu memberikan gambaran strategi-strategi di bawah Konsep Merentas Generasi yang meliputi strategi intervensi, penggalakan dan pasca belia. Konsep Merentas Generasi ini adalah proses pembangunan modal insan belia secara strategik dan sistematis yang melibatkan keseluruhan pembangunan generasi meliputi pra belia, belia dan pasca belia dengan lima fasa. Kelima-lima fasa ini yang saling berintegrasi dan berhubungan adalah fasa institusi perkahwinan dan fasa kanak-kanak di bawah tempoh waktu pra belia. Ia diikuti dengan fasa belia dan berakhir dengan fasa dewasa dan fasa warga emas sebagai tempoh pasca belia. Oleh itu, kewujudan konsep ini menjadikan DBM adalah dasar yang melengkapkan dan menghubungkan dasar-dasar Kerajaan sedia ada berkaitan pembangunan generasi belia. Secara keseluruhannya DBM ini boleh digambarkan dalam Rajah 1 di bawah yang lebih mudah difahami.



28

**Rajah 1: Rumusan Dasar Belia Malaysia (DBM)**

Namun, terdapat cabaran dalam menjadikan pelan strategi pelaksanaan DBM yang pertama ini sebagai sumber rujukan utama pelaksanaan pembangunan belia. Cabaran terbesar adalah menterjemahkan skor hasil dapatan IBM 2015 ke dalam bentuk yang mudah difahami oleh masyarakat umum dan membuat keputusan dalam hal ehwal pengurusan kewangan negara. Masyarakat umum harus didekah mengenai skor IBM 2015 dalam bentuk seperti peningkatan skor domain bebas tingkah laku devian digambarkan dengan penutupan berfasa pusat serenti di seluruh negara. Dengan ini, pembuat keputusan dalam hal ehwal pengurusan kewangan negara akan dapat melihat dan merasai setiap sen pelaburan ke atas pembangunan sosial belia memberikan pulangan yang berbaloi dengan limpahan berganda kepada sektor sosial dan ekonomi negara.

## **RUJUKAN**

Kementerian Belia Dan Sukan. 2015. *Dasar Belia Malaysia*. Putrajaya : Bahagian Dasar Dan Strategik, Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia.

Kementerian Belia Dan Sukan. 2015. *Kertas Makluman Dasar Belia Malaysia*. Putrajaya : Bahagian Dasar Dan Strategik, Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2015. *Indeks Belia Malaysia 2015*. Putrajaya.

Commonwealth Secretariat. 2016. *Global Youth Development Index and Report*. United Kingdom : Malborough House, Pall Mall, London.

Commonwealth Secretariat. 2013. *Global Youth Development Index and Report*. United Kingdom : Malborough House, Pall Mall, London.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2015. *Kajian Pembangunan Kesejahteraan, Aset Belia Malaysia*. Putrajaya.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2012. *Understanding The Anxieties And Desires Of Malaysia Youth*. Putrajaya.

### ***Profil Penulis :***

**Ahmad Huzairi Bin Rawee**

*Ketua Penolong Setiausaha Kanan*

*Cawangan Dasar, Bahagian Dasar & Perancangan Strategik*

*Kementerian Belia dan Sukan*

*huzairi@kbs.gov.my*

## CYBERCRIME AMONG MALAYSIAN YOUTH

SAIDATULAKMAL MOHD, ABDELHAK SENADJKI , SITI ROHAYA MAT RAHIM, THURAI MURUGAN NATHAN, CHIN-YU LEE & MAHMUD ABD WAHAB

### **ABSTRACT**

*This study investigates the impact of modern technologies on Malaysian youth engagement in cybercrime. A cross-sectional survey is used to provide information about the youth behaviour. The study population comprises Malaysia youth aged between 15 and 35 years old. A total of 1,150 questionnaires were distributed to youth. The study finds that longer hours spent on Internet or technology related activities promote cybercrime activities. From the regression analysis, the study finds that the common mediums or channels to carry out cybercrime activities are emails, blog creation, online transactions and new technology. The regression analysis also finds that age (younger youth), gender (male), ethnicity (Bumiputera), accommodation (Flat/Apartment/Condominium) and region (Klang Valley) are the significant socio demographic variables influencing youth involvement in cybercrimes. The study proposes recommendations that are divided into two main sections. The first section of recommendations is based on direct findings of the study while the second section of recommendations is more of a general recommendation to curb negative influence of technology on youth.*

**Keywords:** Cybercrime, Modern Technology, Youth

### **ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan untuk menyiasat impak teknologi moden kepada penglibatan remaja Malaysia dalam jenayah siber. Satu soal selidik keratan rentas telah digunakan untuk mendapatkan informasi mengenai tingkah laku remaja. Kajian ini telah dijalankan ke atas 1,150 remaja Malaysia yang berumur antara 15 dan 35 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa jumlah masa yang lebih panjang diluangkan untuk melayari internet atau aktiviti lain yang melibatkan teknologi menyumbang kepada aktiviti jenayah siber. Berdasarkan analisis regresi, kajian juga mendapati bahawa medium yang sering digunakan untuk menjalankan aktiviti jenayah siber adalah melalui emel, laman blog, transaksi dalam talian dan teknologi baru. Selain itu, hasil analisis regresi juga menunjukkan bahawa umur (awal remaja), jantina (lelaki), etnik (Bumiputera), jenis penginapan (Flat/Apartmen/Kondominium) dan kawasan (Lembah Klang) merupakan pemboleh ubah sosio demografi yang signifikan dalam mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam jenayah siber. Beberapa cadangan telah diutarakan dan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merangkumi hasil kajian secara terus manakala bahagian kedua lebih menjurus kepada cadangan secara umum bagi membendung pengaruh negatif teknologi terhadap remaja.*

**Kata Kunci:** Jenayah Siber, Teknologi Moden, Remaja

## INTRODUCTION

Easy access to modern technologies had resulted in many socio-cultural changes especially among young people. Technology changes the way youth interact and communicate with each other that may easily influences their way of life. Youth of different skills, backgrounds and educational levels develop different capacities dealing with technology in a new virtual world. There is no doubt that modern technology has brought both positive and negative sides to our societies (Bakar & Bidin, 2014; Goggin, 2010; Goggin, 2013; Jonsson, Priebe Bladh, & Svedin, 2014; Lenhart, 2009; Lim, 2013; Shade & Shepherd, 2013; Shank & Cotten, 2014; Tsukayama, 2013; Wells & Mitchell, 2008; Ybarra & Mitchell, 2004; Yusop & Sumari, 2013).

While the positive sides of modern technologies could be the motives in obtaining and facilitating such technologies to youth, past studies have warned on the negative sides of modern technologies that could be detrimental, harmful and change one's social behaviour. Longe et al. (2009) claim that majority of youth are involved in various cybercrimes related activities including e-mail scam, cyber bullying and intimidations, lying, internet pornography, child and drug trafficking, examination fraud and sabotaging internet network providers. Igbo, Egbe-Okpene, and Awopetu (2013) point out that although the positive impact of modern technologies benefit education, economy and society, cautions must be taken when providing and investing in such technologies, both at individuals and the national levels. They emphasize that parents, school guidance, counsellors and professionals outside the school need to play their roles in directing and protecting youth against the negative consequences of modern technologies that may cause youth behaviour problems.

The easy access to modern technologies may influence youth ways of thinking and behaving due to the absorption of abroad culture and behaviour that are incompatible with the nature of our societies, hence creating a gap between youth and their communities. Abrupt behaviour includes involvement in cybercrime activities. To that extent, many researchers such as Baturay and Toker (2015), Passey et al. (2004), Al-Zahrani (2015), Mareschal et al. (2007) are calling for efficient and strict legal actions to be taken against youth found guilty practicing and involving in such demeaning activities. Other researchers, practitioners and policymakers call (Jonsson et al., 2014; Quayle & Taylor, 2011; Blinka & Smahel, 2012; Gupta & Parvesh, 2014) for the imposition of concrete and efficient mechanisms to control the use of modern technologies to reduce their negative effects on youth.

Evidently, that misuse of modern technologies may bring unbearable consequences to society particularly youth. Although the misuse of modern technologies among Malaysian youth shows an increasing trend (The Star online,

2014) there is no significant effort that investigate this phenomenon. To the best of our knowledge there are no 1 empirical evidences that investigate the possible danger of modern technologies (cybercrime) on Malaysian youth. The available case studies on Malaysia investigate the positive impacts of technology usage on student and youth. Yusop and Sumari (2013) examine the role of technology in assisting students to achieve their academic goals. They find that students are actively engaged in social media sites for information sharing and educational purposes.

Shade and Shepherd (2013), and Tsukayama (2013) call for effective strategies that promote “digital policy literacy” to be directed to youth to help them understand communication policy process, the political economy of media, and the technological infrastructure of media institutions. Such policies may contribute to a more effective children development and empower youth in the digital economy. This study argues that control over technology era has passed and bring no result. This study envisages that designing and developing proper mechanisms enabling youth to attain the maximum benefit from technology revolution could be an appropriate solution. These mechanisms should be developed in ways that enable youth to be shareholders in the development of this technology rather than being recipients of it.

## RESEARCH PROBLEM

There are serious debates on the impact of Internet and modern technologies on youths in recent years (Barlett, 2015; Baturay, & Toker, 2015; Blinka, & Smahel, 2012; Francisco, Simão, Ferreira, & das Dores Martins, 2015; Gupta, & Lata, 2014; Igbo, Egbe-Okpene, & Awopetu, 2013; Lim, 2013). Many researchers (Longe, Ngwa, Wada, & Mbarika, 2009; Mareschal, McKee, Jackson, & Hanson, 2007; Nandhini, & Sheeba, 2015; Smith, Mahdavi, Carvalho, Fisher, Russell, & Tippett, 2008; Tsukayama, 2013; Wiener-Bronner, 2014; Wong, Chan, & Cheng, 2014), practitioners and policymakers voice up for the need to tackling and solving the negative impacts of modern technologies on youth to protect the future generations. As such, Malaysia is not exempted. In fact, the Sophos Security Threat Report 2013 list Malaysia as the sixth most vulnerable to cybercrime along with several countries such as Hong Kong, Taiwan, Thailand, China, India and Indonesia. Deputy Communication and Multimedia Minister Datuk Jailani Johari said Malaysians are also facing threats from international criminal organizations that abuse the Internet for illegal activities such as drugs, human trafficking, financial fraud and money laundering (Theantdaily, 2014). He points out that “Incidents of cyber harassment, fraud and spam have shown a slight increase with the highest reduction in intrusion incidents”. The Star Online (2009) raises an issue on the fact that Malaysian teenagers are exposed to the misuse of modern technologies. The Star Online (2009) claims that society may benefit from the millions of ringgit investment from organizations that promote their latest technology and at the same time being exposed to the negative sides of such technologies. A question arises on who is responsible to educate people and make them aware of the negative sides that

come along with the advancement in technology? Keeping this unchecked, many young Malaysians will be exposed to serious threats that may put them in danger. At the same time, youth are also exposed to other types of digital technology that is prominent in threatening and destroying their behaviour. Youth is always at risk not only due to cybercrime activities, but also due to other destructive physical and psychological problems that could be developed from the engagement of youth with advanced modern technology.

## LITERATURE

Technologies have become an essential element of our daily lives. Technologies have boosted up the social ability of users. Technological advancement is constantly observed at almost every stage of our lives. Although technologies create a lot of benefits, if used without discretion.

*The New Paper.* 2015. Growing trend? Malaysians taking up to \$7.5k loans to join terror group ISIS. 11 January. Diambil daripada <http://www.tnp.sg/news/growing-trend-msians-taking-75k-loans-join-terror-group-isis#sthash.bEEOZv0I.dpuf>

*The Star Online.* 2014a. ISIS fighters from Malaysia, Indonesia form military unit. 26 September. Diambil daripada <http://www.thestar.com.my/News/Nation/2014/09/26/Militant-Malaysia-Indonesia/>

*The Star Online.* 2014b. Hisham: Regional cooperation essential in combating Islamic State threat. 16 October. Diambil daripada <http://m.thestar.com.my/story.aspx?hl=Hisham+Regional+corporation+essential+in+combating+Islamic+State+threat&sec=news&id=%7B68B05EF3-FEE1-4A26-A8AF-EC85E08B1502%7D>

*The Star Online.* 2015. Probe into souvenir shop with a militant theme. 10 January. Diambil daripada [http://www.thestar.com.my/News/Nation/2015/01/10/Probe-into-souvenir-shop-with-a-militant-theme/?utm\\_source=dlvr.it&utm\\_medium=twitter](http://www.thestar.com.my/News/Nation/2015/01/10/Probe-into-souvenir-shop-with-a-militant-theme/?utm_source=dlvr.it&utm_medium=twitter)

*The Sun* (November 27, 2014). Battling IS. 1-2.

*The Wall Street Journal.* 2014. More than 9,000 Civilians Killed This Year, U.N. Says. 3 October. Diambil daripada <http://www.wsj.com/articles/SB220002230918103844761504580190573575153994>

*Today Online.* 2014. Islamic state recruiter targeted local schoolboy: Malaysia police. 14 October. Diambil daripada <http://www.todayonline.com/world/asia/islamic-state-recruiter-targeted-local-schoolboy-malaysia-police?singlepage=true>

*Today Online.* 2015. ISIS actively trying to recruit Malaysian students: Report. 19 March. Diambil daripada <http://www.todayonline.com/world/asia/isis-targeting-malaysian-students-report>

*Utusan Online,* 2014 Pengebom berani mati rakyat Malaysia: Laporan pada 19 Disember 2014. Diambil daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pengebom-berani-mati-rakyat-malaysia-1.34334>

van Bruinessen, M. 2002 Genealogies of Islamic radicalism in post-Suharto Indonesia. *South East Asia Research* 10(2): 117-154

Vanar, M. 2014 Claims of French tourist kidnapped by Filipino gunmen in Sabah refuted. *The Star Online.* 16 November. Diambil daripada <http://www.thestar.com.my/News/Nation/2014/11/16/Esscom-Sabah-French-hostage/>

Veldhuis, T. and J. Staun. 2009. *Islamist Radicalisation: A Root Cause Model.* The Hague: Netherlands Institute of International Relations Clingendael.

Vidino, L. 2009. Europe's New Security Dilemma. *The Washington Quarterly* 32(4): 61-75.

**Profil Penulis:**

**Mohd Azizuddin Mohd Sani, Phd**  
Pusat Pengajian Hal Ehwal Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia  
[azizuddin@uum.edu.my](mailto:azizuddin@uum.edu.my)

**Che Mohd Aziz Yaacob, Phd**  
Pusat Pengajian Hubungan Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia  
[cmaiziz@uum.edu.my](mailto:cmaiziz@uum.edu.my)

**Bakri Mat, Phd**  
Pusat Pengajian Hubungan Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia  
[bakri@uum.edu.my](mailto:bakri@uum.edu.my)

**Fakhrorazi Ahmad, Phd**  
Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
[fakhrorazi@uum.edu.my](mailto:fakhrorazi@uum.edu.my)

**Rusdi Omar, Phd**  
Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
[rusdiomar@uum.edu.my](mailto:rusdiomar@uum.edu.my)

**Kamarul Zaman Hj. Yusoff , Phd**  
Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
[kzaman@uum.edu.my](mailto:kzaman@uum.edu.my)



## KEFAHAMAN DAN PENERIMAAN MAHASISWA UNIVERSITI AWAM TERHADAP GERAKAN ISIS

CHE MOHD AZIZ YAACOB, BAKRI MAT, FAKHRORAZI AHMAD, MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI, RUSDI OMAR & KAMARUL ZAMAN HAJI YUSOFF

### **ABSTRAK**

*Kemunculan kumpulan ekstremis The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) di tengah-tengah kemelut dan pergolakan politik di Timur Tengah telah menjadi isu utama perbincangan mengenai ancaman terhadap keselamatan di peringkat domestik dan antarabangsa. Dalam konteks Malaysia, kemunculan kumpulan pengganas ini telah diberi perhatian serius oleh kerajaan. Serangan membabitkan rakyat Malaysia yang berlaku di rantau Timur Tengah dan siri tangkapan yang dilakukan oleh pihak berkuasa menunjukkan bahawa rakyat Malaysia telah dikenal pasti terlibat menyertai perjuangan ISIS. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan potensi penerimaan dan penolakan terhadap ISIS dalam kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia. Kajian menerusi kaedah kajian rentas (cross-sectional study) dengan menggunakan borang soal selidik dan perbincangan kumpulan fokus (focus group discussion, FGD) telah dilakukan ke atas 1200 responden dari kalangan pelajar-pelajar IPT awam dan swasta di Semenanjung Malaysia yang dibahagikan kepada 4 zon utama (Utara, Tengah, Selatan dan Pantai Timur). Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar IPT masih belum mempunyai pemahaman jelas tentang ISIS. Tahap kefahaman responden tersebut dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti media massa, media sosial dan rakan-rakan. Walaupun secara umumnya dapatan dari sudut tahap penerimaan dan penolakan menunjukkan bahawa majoriti responden didapati menolak perjuangan ISIS, masih terdapat sebilangan kecil responden yang masih belum pasti mengenainya malah ada yang didapati bersetuju dan menyokong ISIS. Hasil penyelidikan ini menunjukkan peranan lebih serius harus dimainkan oleh kerajaan untuk menangani isu ini sebelum ia berkembang menjadi ancaman yang lebih serius kepada keselamatan negara.*

**Kata Kunci:** Keselamatan Negara, The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS), Keganasan, Institusi Pengajian Tinggi

### **ABSTRACT**

*The emergence of the extremist group The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) in the midst of political upheaval in the Middle East makes it becoming a focal point, both at the domestic and the international fronts. In the Malaysian context, ISIS' emergence has been given serious attention by the government. Malaysians participants in ISIS in the Middle East, and series of detentions by the authorities, show that Malaysians are involved in ISIS. The objective of this study is to ascertain*

*the level of understanding about ISIS among students of higher learning institutions in Peninsular Malaysia and to ascertain the potential for their acceptance and rejection of ISIS' struggle. This study was a cross-sectional study using questionnaires and Focus Group Discussion (FGD). A total of 1200 respondents were selected among students of both public and private higher learning institutions in Peninsular Malaysia who were divided into four different zones (North, Central, South and East). This study revealed that most of the respondents still do not fully understand ISIS. As a whole, the level of acceptance of ISIS' struggle among the students is low. Their level of understanding is influenced by various factors such as the mass media, social media and friends. Although the result on the acceptance and the rejection levels of ISIS' struggle generally indicates that majority of the respondents resists ISIS, a small number of respondents is still uncertain about it while some even agree with and support ISIS. The result of this research shows that the government has to play a more serious role to tackle this issue before it becomes a more serious threat to the national security.*

**Keywords:** National Security, The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS), Violence, Higher Learning Institution

## PENGENALAN

Dalam era globalisasi, negara berhadapan dengan pelbagai ancaman yang boleh menjelaskan kedaulatan dan keutuhannya. Ancaman ini bukan sahaja melibatkan elemen dalaman tetapi juga luaran yang semakin dominan iaitu ancaman rangkaian kumpulan pengganas di peringkat antarabangsa. Dalam konteks semasa, pergolakan politik dunia yang semakin tidak menentu khususnya di negara-negara Timur Tengah telah menjadi antara faktor utama kewujudan ancaman The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) atau lebih di kenali sebagai Islamic State (IS). Malaysia secara jelas turut terkesan dengan penularan ancaman ini.

Keterlibatan rakyat Malaysia terhadap perjuangan ISIS ini sangat membimbangkan apabila kita digemparkan dengan serangan bom berani mati oleh Ahmad Tarmimi Maliki (26 tahun) di ibu pejabat SWAT Iraq di al-Anbar (The Malaysian Insider, 9 Disember 2014) dan satu insiden serangan di Homs, Syria oleh Ahmad Affendi Manaff (27 tahun) (Utusan Harian, 2014). Rentetan daripada itu, satu lagi peristiwa melibatkan rakyat Malaysia apabila Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay, Ketua Penolong Pengarah Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman mengesahkan rakaman video yang berdurasi selama 30 saat yang memaparkan penyembelihan warga Syria oleh lelaki Arab yang dipercayai pengintip tentera Bashar al Assad dilakukan oleh Mohd Faris Anuar yang berusia 20 tahun yang berasal dari Gurun, Kedah. Rakaman tersebut juga memaparkan Muhammad Wanndy Mohamad Jedi, 25 tahun yang berasal dari Durian Tunggal, Melaka yang turut bergambar dengan seorang lelaki yang mengangkat kepala mayat yang tersebut (Temu bual Dato Ayub Khan, 28 September 2015; Azrai,

2015). Melihat keadaan yang semakin serius, pihak Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengeluarkan statistik kepada umum bahawa seramai 61 orang melibatkan 10 keluarga termasuk 5 orang anak yang dibawa bersama telah berada di Syria untuk menyertai ISIS. Daripada jumlah tersebut, seramai 14 adalah wanita dan 6 orang merupakan kakitangan kerajaan (The Star, 3 Disember 2015). Sejurus itu, Malaysia sekali lagi digemparkan dengan penahanan remaja perempuan berumur 14 tahun di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) yang berasal dari Muar, Johor untuk ke Mesir dan seterusnya ke Syria bagi tujuan menyertai ISIS. Manakala kes-kes lain antaranya pihak polis menahan seorang suri rumah yang bertindak menghasut dan mempengaruhi beberapa wanita lain untuk berjuang menyertai ISIS di Syria dan Iraq (Temu bual Dato Ayub Khan, 28 September 2015).

Kejadian ini menyebabkan kerajaan mulai memandang serius akan perkara ini memaksa Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Mohd Najib Tuan Abdul Razak membentangkan Kertas Putih di Parlimen sebagai bantahan terhadap perjuangan ISIS ini. Kerajaan Malaysia melalui pembentangan Kertas Putih ini mengemukakan usul bagi mendapatkan sokongan parti pembangkang untuk sama-sama mencegah dan menentang anasir ISIS di Malaysia (Pejabat Perdana Menteri, 2015). Bersama dengan ini juga Perdana Menteri menyatakan kebimbangan terhadap potensi menjadi ancaman kepada negara khususnya kepulangan rakyat Malaysia dari kawasan konflik di Syria dan Iraq akan meningkatkan risiko keselamatan negara. Mereka yang dilengkapi dengan pengalaman, kemahiran, taktik peperangan dan lain-lain lagi berupaya melakukan aktiviti keganasan secara sendiri. Di samping itu, wujudnya sel-sel pengganas dan membentuk jaringan dengan kumpulan-kumpulan militan sedia ada dalam negara atau serantau. Beliau turut mencadangkan satu undang-undang baru digubal bagi menangani, membanteras dan mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti militan dan kumpulan penganas.

Justeru, dalam menghadapi ancaman pengaruh ISIS ini, pihak kerajaan menggunakan pendekatan pencegahan, pengawalan dan penyelesaian atau transformasi sebagai pendekatan utama. Pelaksanaan kaedah pencegahan (di awal kejadian), pengawalan (semasa kejadian) dan transformasi sebagai penyelesaian masa depan. Oleh yang demikian, penyelidikan yang dijalankan ini adalah sebagai usaha untuk membantu pihak kerajaan menangani ancaman ISIS ini dan sebagai panduan dalam membentuk polisi penyelesaian pada masa depan. Kajian yang berjaya dijalankan ini memfokuskan kepada kefahaman dan potensi penolakan atau penerima ideologi ISIS di kalangan belia-belia yang terdiri daripada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Pelajar IPT yang bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa depan sangat penting untuk difahami bagi membentuk generasi akan datang. Oleh yang demikian, pendekatan pencegahan adalah penting dalam memantau dan menyekat pengaruh ISIS dalam kalangan pelajar universiti. Mereka yang sentiasa terdedah dengan maklumat global untuk tujuan pengajian berkemungkinan turut mengikuti perkembangan konflik di Syria dan Iraq di media sosial. Justeru, fokus kajian ini adalah melihat kepada terhadap tahap penerimaan dan penolakan

pendekatan ekstrem ISIS dalam kalangan pelajar IPT di semenanjung Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif, secara survey dengan berdasarkan soalan soal selidik. Di dalam pembentukan soalan-soalan soal selidik untuk proses pengutipan data, penyelidik juga menjalankan kaedah fokus berkumpulan atau focus group dan juga temu bual. Tujuan kedua-kedua kaedah ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat penting yang akan digunakan di dalam soalan soal selidik.

Memandangkan tempoh masa yang agak terhad, penyelidik menggunakan teknik kajian rentas atau cross-sectional study. Teknik ini adalah yang paling sesuai untuk tujuan pengutipan data. Kajian ini mengaplikasikan teknik kajian keratan rentas yang memerlukan penyelidik untuk mengumpul data hanya sekali dalam apa-apa sampel yang dipilih daripada populasi kajian (Zikmund, 2003) itu.

Bagi kajian ini, satu sampling frame lengkap tidak berjaya diperoleh memandangkan senarai nama pelajar bagi setiap IPTA di Malaysia adalah maklumat sulit. Situasi ini menyebabkan pensampelan secara rawak tidak dapat dijalankan akibat ketiadaan satu senarai lengkap kerangka pensampelan (sampling frame). Oleh kerana kekangan tersebut, teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan pertimbangan (Judgmental sampling). Pensampelan pertimbangan “melibatkan pilihan responden yang berada dalam kedudukan yang terbaik untuk menyediakan maklumat yang diperlukan” (Sekaran, 2000, p. 278). Kaedah pensampelan adalah sesuai kerana sampel kajian ini memerlukan sifat-sifat tertentu dilampirkan kepadanya dalam rangka untuk memastikan tafsiran data adalah bermakna. Dalam proses menentukan sifat-sifat khusus yang akan dikenakan pada sampel, penyelidik membuat pertimbangan berdasarkan tujuan dan konteks kajian. Apa-apa unsur yang besar yang boleh diguna pakai dalam menjawab persoalan kajian dengan tepat dianggap satu ciri yang penting yang pengkaji perlu melihat.

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian ini, sifat yang digariskan untuk melayakkan responden menjadi sampel kajian adalah pelajar IPTA dan berstatus belia. Pensampelan pula dibuat mengikut kawasan iaitu zon utara (Kedah, Perlis, dan Perak), zon tengah (Selangor dan Kuala Lumpur), zon pantai timur (Kelantan dan Terengganu), dan zon selatan (Melaka, Negeri Sembilan, dan Johor). Setiap zon diperuntukkan 300 soalan soal selidik untuk diedarkan. Beberapa universiti awam di zon berkenaan akan di sampel. Ini menjadikan keseluruhan soal selidik yang diedarkan kepada pelajar IPT yang berstatus belia adalah sebanyak 1200 soal selidik.

Untuk kajian ini, unit analisis yang sesuai adalah unit individu. Secara khusus, unit analisis tersebut adalah pelajar-pelajar universiti awam dan swasta di

Semenanjung Malaysia. Satu lagi justifikasi penting mengapa individu digunakan sebagai unit analisis bagi kajian ini adalah disebabkan oleh hakikat bahawa kajian memerlukan pemahaman tingkah laku manusia di dalam konteks yang khusus. Mengkaji tingkah laku manusia memerlukan penyelidik untuk mengkaji orang dari tetapan persekitaran yang berbeza dan kumpulan-kumpulan sosial (Babbie, 2001). Ini membantu penyelidik untuk membuat generalisasi tentang populasi kajian.

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan satu set soalan yang telah dibangunkan berasaskan kepada temu bual dan focus group. Soalan yang dibangunkan ini kemudian dilakukan pengujian beberapa kali sebelum diedarkan kepada para responden. Secara umum, soal selidik ini dipecahkan kepada beberapa segmen yang merangkumi seksyen A, seksyen B, dan Seksyen C. Seksyen A adalah berkenaan dengan data demografi responden. Seterusnya seksyen B adalah data berkenaan dengan pengetahuan responden tentang ISIS. Manakala seksyen C pula adalah soalan-soalan instrumen kajian yang berkisar tentang beberapa pemboleh ubah utama kajian. Secara terperinci, pengagihan soalan soal selidik adalah seperti di bawah.

**Jadual 1: Susunan Soalan Soal Selidik Mengikut Dimensi Kajian**

Dimensi/klasifikasi	Jumlah Soalan
Demografi	9 butiran
Pemahaman pelajar berkenaan ISIS	7 item
Penerimaan terhadap ISIS	8 item
<b>Jumlah</b>	<b>24 item</b>

## DAPATAN KAJIAN

Responden kajian adalah dipilih dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Semenanjung Malaysia yang telah dipecahkan kepada empat zon iaitu Utara, Tengah, Selatan dan Pantai Timur. Jadual 2 menunjukkan responden berselerak di dalam zon yang berbeza, di mana majoriti, iaitu 37.2 peratus (256), adalah berada di dalam Zon Tengah, diikuti oleh Zon Utara, iaitu 26.2 peratus (180), Zon Pantai Timur, iaitu 19.6 % (135), dan Zon Selatan, iaitu 16.9 peratus (116).

**Jadual 2: Taburan Mengikut Zon**

Zon	Kekerapan	Peratus
Zon Utara	180	26.2
Zon Selatan	116	16.9
Zon Pantai Timur	135	19.6

Zon Tengah	256	37.2
<b>Jumlah</b>	<b>687</b>	<b>99.9</b>

Jadual 3 pula menunjukkan taburan mengikut. Dari sudut jantina pula menunjukkan majoriti, iaitu 69.9 peratus (481), daripada responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan manakala selebihnya, iaitu 30.1 peratus (207), adalah terdiri daripada pelajar lelaki.

**Jadual 3: Taburan Mengikut Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	207	30.1
Perempuan	481	69.9
<b>Jumlah</b>	<b>688</b>	<b>100.0</b>

Status perkahwinan responden dalam Jadual 4 menunjukkan hampir semua, iaitu 98.4 peratus (677), daripada responden adalah terdiri daripada pelajar bujang, diikuti oleh pelajar berkahwin, iaitu 1.5 peratus (10), dan pelajar janda, iaitu 0.1 peratus (1).

**Jadual 4: Taburan Mengikut Status Perkahwinan**

<b>Status Perkahwinan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bujang	677	98.4
Berkahwin	10	1.5
Janda	1	.1
<b>Jumlah</b>	<b>688</b>	<b>100.0</b>

Jadual 5 menjelaskan taburan mengikut anutan agama. Jadual menunjukkan hampir semua, iaitu 91.7 peratus (631), daripada responden adalah terdiri daripada pelajar agama Islam, diikuti oleh pelajar agama Buddha, iaitu 6.1 peratus (42), pelajar agama Hindu, iaitu 1.3 peratus (9), pelajar agama Kristian, iaitu 0.7 peratus (5), dan lain-lain, iaitu 0.1 peratus (1).

**Jadual 5: Taburan Mengikut Agama**

<b>Agama</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Islam	631	91.7
Buddha	42	6.1
Hindu	9	1.3

Kristian	5	.7
Lain-lain	1	.1
<b>Jumlah</b>	<b>688</b>	<b>100</b>

Jadual 6 menjelaskan taburan responden mengikut aliran persekolahan menengah. Taburan menunjukkan majoriti, iaitu 56.2 peratus (387), daripada responden adalah terdiri daripada pelajar Sekolah Kebangsaan, diikuti oleh pelajar Sekolah Agama, iaitu 36.2 peratus (249), pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan, iaitu 4.9 peratus (34), dan pelajar Sekolah Vokasional/ Teknik, iaitu 2.6 peratus (18).

**Jadual 6: Taburan Mengikut Aliran Persekolahan**

<b>Jenis Persekolahan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Kebangsaan	387	56.2
Jenis Kebangsaan	34	4.9
Vokasional/Teknik	18	2.6
Agama	249	36.2
<b>Jumlah</b>	<b>688</b>	<b>100</b>

Taburan mengikut jenis institusi pengajian tinggi (IPT) pula ditunjukkan melalui Jadual 7. Dapatkan menunjukkan majoriti, iaitu 69.5 peratus (478), daripada responden adalah terdiri daripada pelajar Universiti Awam, diikuti oleh pelajar Universiti Swasta, iaitu 30.5 peratus (210).

**Jadual 7: Taburan Mengikut Kategori Universiti**

<b>Kategori Universiti</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Awam	478	69.5
Swasta	210	30.5
<b>Jumlah</b>	<b>688</b>	<b>100.0</b>

Tahap pengajian responden pada Jadual 8 menunjukkan majoriti, iaitu 69.0 peratus (475), daripada responden adalah terdiri daripada pelajar Ijazah, diikuti oleh pelajar Diploma, iaitu 27.8 peratus (191), pelajar Sarjana, iaitu 2.9 peratus (20), dan pelajar PhD, iaitu 0.3 peratus (2).

**Jadual 8: Taburan Mengikut Tahap Pengajian**

<b>Tahap Pengajian</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Diploma	191	27.8

Ijazah	475	69.0
Sarjana	20	2.9
PhD	2	.3
<b>Jumlah</b>	<b>688</b>	<b>100.0</b>

Jadual 9 adalah mengenai pembiayaan pengajian responden yang menunjukkan majoriti, iaitu 62.2 peratus (428), daripada responden adalah terdiri daripada pelajar yang mendapat pembiayaan PTPTN, diikuti oleh pelajar yang mendapat pembiayaan Biasiswa, iaitu 23.4 peratus (161), dan pelajar yang menggunakan Perbelanjaan Sendiri, iaitu 14.4 peratus (99).


**Jadual 9: Taburan Mengikut Pembiayaan Pengajian**

Pembiayaan	Kekerapan	Peratus
PTPTN	428	62.2
Perbelanjaan Sendiri	99	14.4
Biasiswa	161	23.4
<b>Jumlah</b>	<b>688</b>	<b>100.0</b>


#### **Tahap Kefahaman Pelajar terhadap ISIS**

Secara keseluruhannya, tahap kefahaman pelajar IPT terhadap ISIS adalah agak rendah, khususnya apabila pertanyaan yang dikemukakan kepada mereka mengenai ISIS adalah pertanyaan yang spesifik seperti hubungan ISIS dengan al-Qaeda dan fahaman sebenar ISIS. Paling menonjol adalah apabila masih ramai di kalangan pelajar IPT gagal memahami bahawa ISIS adalah pertubuhan pengganas.


Graf 1 menjelaskan dapatan mengenai tahap pengetahuan tentang bentuk pertubuhan ISIS. Dapatkan menunjukkan 38 peratus (298) iaitu hampir separuh daripada responden, tidak memahami bentuk pertubuhan ISIS, iaitu, 14 peratus (90) menyatakan ISIS adalah pertubuhan politik dan 22 peratus (140) menyatakan ISIS adalah pertubuhan agama sedangkan ISIS sebenarnya adalah pertubuhan pengganas (62 peratus).

**Graf 1 : Bentuk Pertubuhan ISIS**



Graf 2 pula menjelaskan kefahaman tentang fahaman yang dianuti kumpulan ISIS. Sebanyak 60 peratus responden memberi respon merujuk kumpulan ISIS kepada fahaman Syiah, Sunni (24 peratus), Salafi (12 peratus) dan Sufi (4 peratus).

**Graf 2 : Bentuk Pertubuhan ISIS**


Selain itu, Graf 3 pula menunjukkan 51 peratus atau 330, iaitu hampir separuh daripada responden, tidak memahami perkaitan antara ISIS dengan Al-Qaeda dengan menyatakan ISIS dan Al-Qaeda tidak mempunyai hubungan sedangkan ISIS dan Al-Qaeda, sedangkan sebenarnya ISIS sebagai pertubuhan adalah berasal dari al-Qaeda.

**Graf 3 : Kaitan ISIS dan al-Qaeda**

Dari sudut penglibatan rakyat Malaysia terhadap ISIS, Graf 4 menunjukkan 67 peratus (454), iaitu majoriti daripada responden, memahami penglibatan rakyat Malaysia dalam perjuangan ISIS dengan menyatakan rakyat Malaysia terlibat dalam perjuangan ISIS .

**Graf 4 : Penglibatan Rakyat Malaysia Dalam ISIS**

Dapatan mengenai tahap kefahaman responden terhadap ISIS menunjukkan majoriti tidak mempunyai kefahaman jelas tentang ISIS walaupun mempunyai tahap akses terhadap sumber maklumat yang baik melalui pelbagai sumber sama ada bercetak ataupun dalam talian.

Dapatan ini amat menarik untuk dianalisa dengan lebih mendalam kerana jika sokongan kepada ISIS adalah berpunca daripada kepercayaan tidak betul responden mengenai ISIS maka salah satu langkah utama yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membendung pengaruh ISIS adalah membetulkan kepercayaan mereka mengenai ISIS. Selama mana rakyat Malaysia tidak meyakini bahawa ISIS adalah pertubuhan pengganas maka selagi itulah pengaruh ISIS akan tetap wujud.

### Potensi Penerimaan Pelajar Ipt Terhadap Perjuangan Isis

Instrumen kajian untuk seksyen ini dibentuk untuk memahami potensi penerimaan dan para pelajar IPT terhadap ISIS serta faktor-faktor yang mempengaruhi tindakan tersebut.

#### Jadual 10 : Keputusan Analisa Tahap Penerimaan Pelajar IPTA Terhadap Ideologi ISIS

	N	Purata	Std. Deviation		Skewness		Kurtosis	
	Statistic	Statistic	Std. Error	Statistic	Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
Penerimaan Pelajar IPT Terhadap ISIS	688	1.9233	.02761	.72412	.735	.093	-.059	.186

Jadual 10 di atas menjelaskan secara keseluruhannya tentang tahap penerimaan pelajar IPT terhadap ISIS. Dapat dilihat petunjuk positif bahawa tahap penerimaan pelajar IPT terhadap perjuangan ISIS adalah rendah, dengan min terkumpul sebanyak 1.92, dengan data bertaburan normal, dinilai dari segi skewness, 0.74 dan kurtosis -.059, iaitu kurang daripada 1/-1. Ini menunjukkan bahawa, secara keseluruhan, pelajar IPTA tidak dapat menerima ISIS sebagai satu pertubuhan yang perlu disokong. Jika dilihat secara mendalam, bagi setiap elemen, pecahan keputusan adalah seperti di bawah.

Jadual 11 pula menunjukkan secara lebih terperinci dapatan setiap untuk setiap item yang ditanya dalam soal selidik ini. Dari sudut kekerapan (frequency), dapatkan menunjukkan responden secara majoriti tidak setuju menerima (54%) atau mengiktiraf balasan syurga untuk perjuangan ISIS (66.7%), menyumbang tenaga atau duit (54.8%), berdebat mempertahankan (63.7%), menderma untuk perjuangan ISIS (72.1%), mengajak rakan-rakan menyertai ISIS (80.9%), tidak menghubungi kenalan media sosial untuk mengajak menyertai ISIS (83.4%) atau membeli barang-barangan berkaitan ISIS (81.2%).

Berbeza dengan peratusan majoriti yang tidak bersetuju, didapati sebahagian kecil responden memberi respons positif terhadap ISIS, antaranya: menghormati fahaman (15.1%) atau mengiktiraf balasan syurga untuk perjuangan ISIS (9.3%), menyumbang tenaga atau duit (19.5%), berdebat mempertahankan (6.8%), menderma untuk perjuangan ISIS (7.9%), mengajak rakan-rakan menyertai ISIS (4.8%), tidak menghubungi kenalan media sosial untuk mengajak menyertai ISIS (4.8%) atau membeli barang-barangan berkaitan ISIS (4.2%). Responden selebihnya telah mengambil sikap berkecuali.

Dapatannya amat menarik untuk dianalisa dengan lebih mendalam dan memerlukan pendekatan yang tuntas untuk mencari punca yang membawa kepada penerimaan sebahagian responden terhadap ISIS. Analisis yang lebih mendalam telah dilakukan terhadap beberapa faktor yang boleh mempengaruhi tahap penerimaan terhadap ISIS.

**Jadual 11: Kekerapan dan Peratus Penerimaan Pelajar IPTA Terhadap Ideologi ISIS Berdasarkan Item Keseluruhan**

<b>Item Kajian</b>	<b>Peratusan (Kekerapan/Frequency)</b>				
	<b>S.T.S</b>	<b>T.S</b>	<b>T.P</b>	<b>S</b>	<b>S.S</b>
Saya menghormati fahaman politik ISIS	230 (33.4%)	147 (21.4%)	176 (25.6%)	104 (15.1%)	30 (4.4%)
Menyertai ISIS boleh mendapat balasan syurga	351 (51.0%)	108 (15.7%)	160 (23.3%)	30 (4.4%)	34 (4.9%)
Saya sedia menyumbang wang ringgit	230 (33.4%)	147 (21.4%)	176 (25.6%)	104 (15.1%)	30 (4.4%)
Saya sentiasa berdebat mempertahankan	280 (40.7%)	158 (23.0%)	202 (29.4%)	42 (6.1%)	5 (0.7%)
Saya menderma untuk perjuangan ISIS	352 (51.2%)	144 (20.9%)	136 (19.8%)	44 (6.4%)	10 (1.5%)
Saya mengajak rakan-rakan untuk menyokong	433 (62.9%)	124 (18.0%)	98 (14.2%)	25 (3.6%)	8 (1.2%)
Saya menghubungi kenalan internet dan media sosial	422 (61.3%)	152 (22.1%)	80 (11.6%)	29 (4.2%)	4 (0.6%)
Saya membeli barang berkaitan ISIS	386 (56.1%)	173 (25.1%)	100 (14.5%)	25 (3.6%)	4 (0.6%)

**Nota:** S.T.S (Sangat Tidak Setuju), T.S (Tak Setuju), T.P (Tak Pasti), S (Setuju), S.S (sangat setuju)

### **PERBINCANGAN**

Ancaman keganasan oleh kumpulan ISIS telah menjadi isu utama di peringkat dalaman negara dan global. Kajian mengenai penerimaan pelajar IPT terhadap ISIS adalah penting untuk diteliti kerana golongan belia adalah sasaran utama propaganda dan perang saraf untuk tujuan penyebaran pengaruh, fahaman dan keahlian. Perbincangan akan dilakukan berkisar sekitar objektif, dapatan, penerangan dan perbandingan dengan literatur sedia ada.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar secara umumnya adalah rendah. Responden didapati gagal memberi jawapan yang tepat terhadap persoalan mengenai tahap kefahaman asas tentang kumpulan pengganas ISIS yang menjadi tumpuan penyelidikan ini. Walaupun majoriti mengakui bahawa ISIS adalah satu bentuk kumpulan pengganas dan wujud penglibatan rakyat Malaysia dalam pergerakan kumpulan tersebut, tetapi mereka masih kurang memahami isu yang lebih mendalam, seperti berkaitan fahaman dan kaitan ISIS dengan pertubuhan al-Qaeda. Jawapan terhadap soalan mengenai aliran fahaman ISIS yang majoriti merujuk kepada Syiah diandaikan adalah lebih didorong oleh faktor sentimen,

berbanding pengetahuan mereka yang sebenar. Tahap pengetahuan dan pemahaman yang rendah dalam kalangan responden kajian memberi petunjuk bahawa walaupun tahap akses terhadap sumber maklumat dan internet yang tinggi dan baik adalah tidak menjamin para pelajar akan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan tersebut untuk mendalami isu-isu sekeliling dan luar negara. Kekurangan pemahaman dan pengetahuan mengenai isu secara tepat boleh mendedahkan generasi belia terhadap anasir-anasir subversif yang cuba mempengaruhi pemikiran mereka.

Dalam konteks penyelidikan ini, secara khusus ia merujuk kepada ancaman perang saraf dan propaganda ISIS yang dilakukan secara umumnya melalui saluran media sosial yang menjadi tumpuan golongan belia masa kini. Malangnya, keadaan ini berlaku di sebalik peranan media tempatan dan antarabangsa memberi liputan meluas terhadap ancaman ISIS. Dapatan ini adalah selari dengan kajian lalu mengenai persepsi terhadap ancaman oleh Bakri & Ratnaria (2007). Tahap pengetahuan yang rendah adalah boleh dikaitkan dengan faktor sumber ancaman yang bukan bersifat domestik. Fokus responden adalah terarah kepada ancaman yang bersifat segera (immediate) yakni persekitaran di mana mereka berada. Ancaman ISIS tidak dilihat sebagai keutamaan kerana Malaysia secara umumnya dianggap selamat, dan ancaman ISIS pada dasarnya bukan berpunca daripada sumber domestik, tetapi berpusat di Timur Tengah. Kajian oleh Huddy, Feldman, Taber, & Lahav (2005) juga turut mengaitkan faktor psikologi di mana individu akan memberi keutamaan kepada ‘immediate threat’ berbanding dengan ancaman yang lain yang wujud walaupun ancaman tersebut juga dianggap penting. Dapatan ini amat menarik untuk dianalisa dengan lebih mendalam kerana jika sokongan kepada ISIS adalah berpunca daripada kepercayaan tidak betul atau songsang responden mengenai ISIS maka salah satu langkah utama yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membendung pengaruh ISIS di kalangan rakyat Malaysia adalah bagi memberikan kefahaman kepada mereka mengenai ISIS dan bahayanya ideologi ekstrem Salafi yang mereka bawa. Selama mana rakyat Malaysia tidak meyakini bahawa ISIS adalah pertubuhan penganas maka selagi itulah pengaruh ISIS akan tetap wujud. Tahap penerimaan pelajar IPT terhadap perjuangan ISIS juga adalah rendah dengan min terkumpul kurang daripada 2.00 dan nilai purata min yang konsisten di bawah 3.00 untuk setiap item yang dikaji. Fenomena ini menunjukkan tahap kesedaran yang baik dalam kalangan responden pelajar IPT yang dikaji. Ia adalah satu petunjuk yang baik dari aspek keselamatan negara. Ia juga bermaksud, walaupun pelajar IPT sebagai generasi yang terdedah kepada pelbagai sumber maklumat disebabkan faktor tahap akses yang tinggi terhadap internet, potensi penerimaan yang negatif menunjukkan bahawa majoriti pelajar adalah tidak terpengaruh kepada anasir subversif. Kajian ini pada asasnya juga menepati kajian-kajian lalu tentang persepsi terhadap ancaman seperti dilakukan oleh Bakri & Ratnaria (2007) dan Jacobson (1991) yang menunjukkan bahawa pembentukan persepsi ancaman (threat perception) adalah berkait rapat dengan terhadap kejadian-kejadian yang dianggap sebagai penunjuk aras kepada ancaman. Dalam hal ini, tindak tanduk ISIS seperti yang dipaparkan melalui media massa dilihat sebagai satu bentuk ancaman kepada keselamatan.

Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa masih terdapat sejumlah kecil responden (pada kadar 5-15%) yang menerima, masih tidak pasti, bersedia menyokong perjuangan ISIS atau tidak menolak perjuangan kumpulan ISIS. Ini bermaksud pihak berwajib harus mencari jalan mengenalpasti golongan sasaran dan mendekati golongan ini secara langsung untuk memahami dan menangani permasalahan yang wujud. Walaupun bilangan mereka adalah kecil, tetapi angka tersebut adalah signifikan kerana kumpulan pengganas radikal kebiasaannya beroperasi pada skala keanggotaan yang kecil selari dengan konsep peperangan tidak regular (irregular warfare). Hasil kajian ini amat menarik untuk dianalisa dengan lebih mendalam dan memerlukan pendekatan yang tuntas untuk mencari jalan penyelesaian yang baik kerana tindakbalas positif responden memberi persepsi negatif bahawa mereka mungkin boleh dipengaruhi ISIS, atau telah terpengaruh dengan propaganda ISIS secara langsung atau tidak langsung.

## CADANGAN DASAR

Walaupun sebelum ini ISIS tidak dilihat sebagai ancaman mendesak kerana pejuang ISIS dari kalangan warga Malaysia tidak melakukan aktiviti keganasan mereka di Malaysia, sebaliknya pergi ke Syria dan Iraq bersama pejuang ISIS lain di sana. Namun, dengan suasana konflik di Asia Barat yang semakin meruncing, Malaysia seharusnya perlu berhadapan dengan strategi baru ISIS yang mungkin cuba untuk menggugat keamanan di Malaysia. Ratusan rakyat Malaysia yang terlibat menyertai ISIS dibimbangkan akan menjalankan aktiviti keganasan mereka di Malaysia.

Oleh itu, satu strategi anti radikalisme dan anti keganasan harus dilaksanakan oleh agensi keselamatan negara khususnya yang melibatkan perkongsian maklumat risikan dan aktiviti ketenteraan antara Malaysia dan negara-negara lain khususnya ASEAN. Secara umumnya, di Malaysia beberapa langkah boleh dilakukan untuk menangani ancaman ISIS ini. Pertama, aktiviti pengambilan ahli baru ISIS di kalangan belia haruslah dipantau dan disekat. ISIS dilihat cuba menarik para belia Malaysia khususnya yang menghadapi masalah kehidupan, masalah sosial dan masalah pemahaman keagamaan untuk dikuasai minda mereka bagi menyertai ISIS. Malah ada kes yang menunjukkan bahawa golongan belia Malaysia yang tertarik dengan ISIS adalah kerana menyertai jihad adalah cara mudah menyucikan diri dari dosa yang dilakukan sebelumnya. Oleh itu, Kementerian Belia dan Sukan juga harus berstrategi untuk berhadapan dengan belia seperti melakukan kempen untuk belia ini menjauhi aktiviti ISIS.

Seterusnya, pelbagai pihak di dalam negara harus berhadapan dengan ideologi ISIS yang boleh menggugat keharmonian masyarakat Malaysia. ISIS dilihat menganut fahaman atau ideologi Jihadi Salafi atau Salafisme. Fahaman ini harus dibantersa melalui kaedah ilmiah kerana mereka berhujah akan keperluan menyertai jihad bersama ISIS melalui manipulasi ke atas al-Quran dan Hadis. Oleh itu, pihak yang harus bertanggungjawab berhadapan dengan hujah Jihadi Salafi ini haruslah

datang daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), majlis dan jabatan agama negeri. Seharusnya JAKIM mempunyai jentera gerak saraf yang berhadapan dengan pihak ISIS ini dengan hujah al-Quran dan Hadis sebenar. Perisyntahan fatwa mengharamkan ISIS dan aktiviti mereka tidak cukup. Perdebatan idea harus dilakukan supaya rakyat Malaysia faham akan perkara sebenar.

Akhir sekali, kawalan media sosial juga harus dilakukan. Ternyata bahawa ISIS mendapat sokongan dan simpati ke atas perjuangan mereka daripada golongan belia yang melayari media sosial. Malah ISIS berjaya mendapat merekrut ahli baru dan sumber kewangan juga daripada para warga media sosial yang bersimpati dengan perjuangan ISIS. Oleh itu, pemantau juga harus dilakukan oleh pihak Polis, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan agensi Cyber Security Malaysia untuk membendung penularan propaganda ISIS ini. Malah pihak JAKIM juga boleh mewujudkan tentera siber mereka untuk berhadapan dengan idea dan hujah jihadi salafi tadi.

## KESIMPULAN

Pada bulan November 2016 yang lalu, berlakunya serangan rambang di Paris, Perancis yang membunuh lebih 140 orang oleh pejuang kumpulan pengganas Negara Islam untuk Iraq dan Syria (ISIS). Malah pejuang ISIS juga telah mengaku bertanggungjawab mengebom pesawat Rusia yang meletup di udara Semenanjung Sinai, Mesir. Insiden tebusan di Mali juga dikatakan melibatkan pejuang ISIS (Mohd Azizuddin, 2015: 30). Kekerapan berlakunya insiden keganasan kini memperlihatkan strategi ISIS untuk memperluaskan konflik di Syria dan Iraq ke seluruh dunia. Ini kerana negara-negara sekutu Amerika Syarikat (AS) dan Rusia mula melancarkan serangan udara bertali arus ke wilayah yang dikuasai ISIS. Untuk mengalihkan tumpuan kuasa besar ini daripada serangan di Iraq dan Syria, mereka mula menyerang masyarakat di Eropah dan Afrika bagi menakut-nakutkan rakyat negara terbabit lantas mengalihkan tumpuan ketenteraan Barat khususnya ke atas keselamatan domestik berbanding terlibat dengan serangan di Asia Barat.

Ancaman yang hebat dari ISIS kini telah menyebabkan Presiden AS Barack Obama ketika menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 pada 18-22 November 2015 ini menjelaskan bahawa tumpuan utama sidang kali ini adalah membincangkan cara terbaik menghadapi ancaman ISIS selain isu utama lain seperti krisis di Laut China Selatan. Ketika sidang ASEAN ini, pihak keselamatan Malaysia telah mengerahkan seramai 4,500 tentera dan ribuan polis untuk mengawal keselamatan sepanjang sidang ASEAN ini berlangsung dengan kehadiran 18 pemimpin utama dunia di Kuala Lumpur (Mohd Azizuddin, 2015: 30).

Secara umumnya, ancaman ISIS ini telah menjadi ancaman mendesak bagi Malaysia menanganinya secara bijaksana. Setakat ini pihak keselamatan Malaysia dilihat dapat membendung ancaman ISIS ini kerana warga Malaysia yang terlibat

kini kebanyakannya adalah anggota veteran pejuang salafi yang sebelum ini pernah juga terlibat dengan al-Qaeda dan Jemaah Islamiyah. Namun, proses pembanterasan radikalasi dan keganasan harus diteruskan bagi memastikan Malaysia terus kekal aman dan makmur.

## **RUJUKAN**

- Azeem, I. (2014) The Resurgence of al-Qaeda in Syria and Iraq. Atas talian, akses: 15 Mac 2015. Boleh diperolehi melalui <http://www.strategicstudiesinstitute.army.mil/pdffiles/PUB1210.pdf>
- Azrai, M. 2015 Dua Militan IS Malaysia rakan video sembelih. Atas talian, akses: 14 Mac 2015. Boleh diperolehi melalui <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/dua-militan-is-malaysia-rakam-video-sembelih-1.66124>
- Bakri Mat & Ratnaria Wahid 2007. Ancaman Pengganas dan Keselamatan Negara Selepas Peristiwa 11 September 2001. Laporan Penyelidikan (Geran Fakulti). Universiti Utara Malaysia
- Barrett, R. 2014 The Islamic State. Atas talian, akses: 19 Mac 2015. Boleh diperolehi melalui <http://soufangroup.com/wp-content/uploads/2014/10/TSG-The-Islamic-State-Nov14.pdf>
- Elliot, F. 2014 Special Report, The Islamic State. Atas talian, akses: 22 Mac 2014. Boleh diperolehi melalui <http://www.clarionproject.org/sites/default/files/islamic-state-isis-isil-factsheet-1.pdf>
- Jabatan Perdana Menteri 2015. Kerta Putih ‘Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State’, Kementerian Dalam Negeri Malaysia, Atas talian, boleh diperolehi melalui [http://www.pmo.gov.my/home.php?menu=speech&page=1676&news\\_id=745&speech\\_cat=2](http://www.pmo.gov.my/home.php?menu=speech&page=1676&news_id=745&speech_cat=2)
- Jacobson, D. 1991 Toward a theoretical distinction between the stress components of the job insecurity and job loss experiences, Research in the Sociology of Organizations, 9: 1–19.
- Kenneth, K., Christopher, M.B., Carla, E.H., Rhoda, M. & Matthew, C.W. 2015 The “Islamic State” Crisis and U.S. Policy. Atas talian, akses: 20 Mac 2015. Boleh diperolehi melalui <https://fas.org/sgp/crs/mideast/R43612.pdf>
- Mohd Azizuddin Mohd Sani 2015. Malaysia perlu tangani ancaman IS secara bijaksana. Berita Harian, 24 Nov.2015: hlm.30.
- Organization of Islamic Cooperation (OIC) 2014. Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL). 36th Annual Conference of Organization of Islamic Cooperation

(OIC). Atas talian, akses: 12 Februari 2015. Boleh diperolehi melalui [http://www3.canisius.edu/~diciccoj/MUN\\_2014\\_OIC\\_ISIL.pdf](http://www3.canisius.edu/~diciccoj/MUN_2014_OIC_ISIL.pdf)

Patrick, B.J. 2014. Countering ISIL's Financing. Atas talian, akses: 19 Mac 2015.  
Boleh diperolehi melalui [http://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/testimonies/CT400/CT419/RAND\\_CT419.pdf](http://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/testimonies/CT400/CT419/RAND_CT419.pdf)

Pengebom berani mati rakyat Malaysia. 2014. Atas talian, akses: 13 Mac 2015.  
Boleh diperolehi melalui <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pengebom-berani-mati-rakyat-malaysia-1.34334>

Sageman, M. 2004. Understanding terror networks. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

Silber, M. D., and A. Bhatt. 2007. Radicalisation in the West: The Homegrown Threat. New York: The New York City Police Department

Zharif, B. 2015 Perangkap IS melalui media sosial. Atas talian, akses: 15 Februari 2015. Boleh diperolehi melalui <http://www.utusan.com.my/rencana/perangkap-is-8232-melalui-media-sosial-1.47329>

***Profile penulis:******Che Mohd Aziz Yaacob, Phd***

*Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
cmaziz@uum.edu.my*

***Bakri Mat, Phd***

*Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
bakri@uum.edu.my*

***Fakhrorazi Ahmad , Phd***

*Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
fakhrorazi@umm.edu.my*

***Mohd Azizuddin Mohd Sani, Phd***

*Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
azizuddin@uum.edu.my*

***Rusdi Omar , Phd***

*Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
rusdiomar@uum.edu.my*

***Kamarul Zaman Hj. Yusoff , Phd***

*Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM COLGIS  
Universiti Utara Malaysia  
kzaman@uum.edu.my*

## PERKEMBANGAN MODAL SOSIAL DALAM KALANGAN KOMUNITI ATAS TALIAN

WAN MUNIRA WAN JAAFAR

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan isu integrasi sosial dalam konteks modal sosial melalui kajian terhadap enam (6) komuniti atas talian terpilih di Malaysia. Modal sosial merujuk kepada model koperatif yang bermaksud kekuatan sesebuah komuniti itu terletak pada jaringan sosial yang terbina dalam kalangan ahlinya. Perubahan dalam hubungan sosial yang dibawa oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah memberikan idea untuk mengaplikasikan konsep modal sosial dalam konteks komuniti atas talian atau e-komuniti. Secara definisinya, e-komuniti bermaksud sekumpulan manusia yang membina komuniti dan berinteraksi di antara satu sama lain secara kerap dalam Internet. Kaedah pengumpulan data utama adalah melalui kajian tinjauan atas talian terhadap 162 ahli e-komuniti dan temubual bersama lapan (8) pentadbir e-komuniti, dua (2) orang wakil kerajaan dan 27 orang awam. Kajian ini menghasilkan empat (4) penemuan utama yang boleh disimpulkan sebagai; jaringan atas talian berpotensi membantu interaksi antara ahli tetapi elemen utama seperti dicadangkan oleh konsep modal sosial seperti kepercayaan dan hubungan timbal balik telah dihalangi oleh pelbagai faktor sosio-budaya. Keperluan berbeza ahli e-komuniti dan hakikat bahawa masyarakat masih dibelenggu modal budaya seperti kelas, identiti nasional, bahasa, agama dan cara hidup berbeza telah menghadkan perkembangan modal sosial di antara kelompok etnik. Justeru, mengaplikasikan konsep ini dalam konteks jaringan atas talian dan sosialisasi adalah suatu proses yang mencabar dan tidak menyakinkan.*

**Kata Kunci:** Modal Sosial, Integrasi Sosial, Jaringan Atas Talian, E-Komuniti

### ABSTRACT

*This article empirically addresses the issues of social capital and national integration in a study of six (6) selected online communities in Malaysia. In brief, social capital shows a cooperative model where people work with an underlying basis that the more one knows the more ties one holds in connecting with community members. The changing nature of social relationships resulting from advances in today's new information and communication technology (ICT) has brought about the idea of applying this concept within the context of online communities. The main methods of data collection were online survey across 162 online community's members and interviews with eight (8) online community's administrators, two (2) governments' representatives and 27 random publics. The research yields four (4) important insights that can be concluded as the followings: online networking does facilitate interactions between members but most of the basic elements, as suggested by the concept of social capital, such as trust and norms of reciprocity have been*

*contested by various socio-cultural factors. The different needs served by online community members is much influenced by various cultural capitals such as class, national identity, languages, religion and different ways of life. These arguably is said to limit the way social capital can be developed across ethnic lines. Therefore, utilizing this concept in terms of online networking and socialization is challenging. Therefore, the future this new medium national integration across the younger generation is thus, remains questionable.*

**Keywords:** Social Capital, Social Integration, Online Networking, E-Community

## PENGENALAN

Isu integrasi kaum di Malaysia kekal menjadi polemik kebangsaan sejak sekian lama kesan perbezaan yang wujud dari perspektif budaya dan agama. Walau bagaimanapun, kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang membawa kepada pengenalan Internet dijangka berpotensi mengubah lanskap perpaduan ini ke arah yang lebih baik. Di Malaysia, perkembangan komuniti atas talian (e-komuniti) iaitu sekumpulan individu yang berinteraksi secara maya dalam Internet, bermula dan berkembang pesat sebaik sahaja Internet diperkenalkan dan digunakan secara meluas di negara ini. Oleh itu, satu kajian telah dilaksanakan untuk meneroka sama ada jaringan sosial yang terbentuk di atas talian berpotensi mewujudkan integrasi sosial dalam kalangan ahli dari latar belakang kaum yang berbeza khususnya Melayu, Cina dan India. Empat objektif kajian telah dibina sebagai asas penyelidikan. Objektif pertama bertujuan untuk membincangkan asas yang mendasari penggubalan dasar TMK negara dengan perhatian khusus diberikan kepada pertumbuhan dan pembangunan e-komuniti. Objektif kedua, ketiga dan keempat bertujuan untuk mengenalpasti potensi jaringan sosial atas talian ke arah pembentukan jenis modal sosial berbeza iaitu bonding atau bridging dalam konteks masyarakat pelbagai kaum. Hasil kajian dijangka dapat memberikan panduan yang komprehensif untuk menentukan sama ada medium ini mampu menyumbang kepada pendekatan baru integrasi sosial dan perpaduan negara terutama dalam kelompok generasi muda sebagai pengguna utama media sosial atau pun sebaliknya.

### **Jaringan Sosial, Integrasi Sosial dan Modal Sosial**

Jaringan sosial, integrasi sosial dan modal sosial adalah tiga konsep yang mempunyai makna dan penjelasan yang berbeza. Walau bagaimanapun, prinsip utama kepada idea ini boleh diringkaskan kepada “perihal perhubungan” (Field, 2003 p.1; Siti Ezalia Mustafa & Azizah Hamzah, 2010)). Hubungan di antara manusia dalam kumpulan sosial bermula apabila seseorang individu atau kumpulan membina hubungan dengan orang lain di dalam ataupun di luar kalangan mereka. Dengan mencipta hubungan melalui beberapa siri jaringan, individu cenderung untuk berkongsi nilai yang sama dengan ahli yang lain dalam sistem jaringan ini. Rantai jaringan menghubungkan individu dengan individu lain yang secara lazimnya berbeza dari

seg i dentiti, kemampuan dan sumber. Melalui jaringan juga, individu yang saling berhubung berkongsi sumber yang dimiliki dan ini membantu mereka mencapai sesuatu yang tidak mampu dicapai secara bersendirian. Melalui perkongsian sumber (misalnya maklumat dan pengetahuan) untuk memenuhi keperluan bersama, setiap ahli dalam rantaian jaringan dikatakan membentuk “modal sosial” (Field, 2003; Either, 2004).

Dalam “Bowling Alone”, Putnam (2000) mendefinisikan modal sosial sebagai:

“...hubungan di antara individu – jaringan sosial dan norma timbal balik serta saling percaya yang wujud dalam kalangan mereka. Modal sosial boleh dikatakan sebagai satu ‘tanggungjawab bersama’ (p.19).

Putnam seterusnya memperkenalkan konsep “bridging” dan “bonding” dalam pengertian modal sosial. Bridging melambangkan norma timbal balik dan perkongsian identiti yang meluas sementara bonding lebih bersifat kekitaan dan tertutup (pp. 22-23). Tidak seperti bridging, modal sosial jenis bonding dilihat sebagai hubungan di antara individu yang lebih inklusif dan biasanya wujud dalam kalangan persanakan dan kumpulan sosial homogenus. Walaupun teori modal sosial boleh dikatakan masih tidak dapat disangkal, namun Putnam telah dikritik kerana gagal untuk mengambil kira golongan minoriti budaya sebagaimana yang menjadi fokus kepada kajian ini.

### **E-Komuniti dan Perkembangan Interaksi Atas Talian**

Pengenalan kepada Internet dan kemunculan komunikasi melalui medium komputer telah membawa kepada persoalan bagaimana tren ini boleh memberi kesan kepada jaringan sosial manusia. Manuel Castells (2003), seorang sarjana Barat mencadangkan bahawa konsep konvensional jaringan sosial kini telah digantikan hampir sepenuhnya oleh jaringan informasi baru yang disokong oleh Internet. Kehidupan di era teknologi maklumat ini menyaksikan Internet sebagai satu medium yang memainkan peranan penting dalam menyediakan ruang sosial kerana secara relatifnya ia menawarkan lebih fleksibiliti dalam proses pembentukan jaringan sosial. Selain itu, mod jaringan sosial atas talian boleh berlaku dengan kadar yang pantas, pada setiap masa dan pada skala global. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Castells (2003) manusia hari ini hidup dalam masyarakat baru iaitu “masyarakat jaringan” (p.2).

Masyarakat jaringan dikaitkan dengan kemunculan komuniti atas talian (e-komuniti) dan telah mencetuskan pelbagai perdebatan terutama mengenai pembentukan dan kesan interaksi sosial baru ini ke atas hubungan manusia. E-komuniti, kumpulan sosial baru yang wujud dalam reruang maya dikatakan mempunyai potensi untuk meningkatkan interaksi sosial ahlinya dan berfungsi sebagai kaedah efektif dalam mewujudkan modal sosial dalam komuniti (Schuler, 1996; Wellman, 1999). Secara definisinya, e-komuniti atau turut dikenali sebagai

komuniti maya atau komuniti siber diperkenalkan oleh Howard Rheingold (1994) sebagai:

Counselling services and assistance for cyberbullying victims are available and provided by various agencies, however, the cyberbully victims seldom approach those agencies. It might be due to lack of information about those agencies. As a consequence, the cyberbully victims do not know the proper channel to approach those agencies. Therefore, promotion of agencies, societies, NGOs must be actively conducted.

### ***Education***

Education can be an effective way to tackle the cyberbully problem. Youngsters must be taught the internet ethics which can be embedded within the existing school curriculum. In addition, they must learn also the behaviors that are prohibited in cyber space. Many cyber users might not be aware that their misbehaviors on the internet can be considered as cyberbully. There awareness on cyberbully among youth must be strengthened through education and school activities.

## ACKNOWLEDGEMENT

The present research is financially supported by the Malaysian Institute for Research in Youth Development (IYRES) and managed by Research Management Center of the Universiti Tun Hussein Onn Malaysia with project grant vot C055.

## REFERENCES

- Aricak T., Siyahhan S., Uzunhasanoglu A., Saribeyoglu S., Ciplak S., Yilmaz N., Memmedov C. 2008. Cyberbullying amongst Turkish youth. *CyberPsychology & Behavior*, 11, 253-261. doi:10.1089/cpb.2007.0016
- Balakrishnan, V. 2015. Cyberbullying among young adults in Malaysia: The roles of gender, age and Internet frequency. *Computers in Human Behavior*, 46, 149-157
- Bosse, T. and Stam, S. 2011. "A Normative Agent System to Prevent Cyberbullying". Vrije Universiteit Amsterdam, De Boelelaan 1081, 1081 HV Amsterdam, The Netherlands.
- Calvete, E., Orue, I., Estévez, A., Villardón, L., & Padilla, P. 2010. Cyberbullying in adolescents: Modalities and aggressors' profile. *Computers in Human Behavior*, 26(5), 1128-1135. doi:10.1016/j.chb.2010.03.017.
- Dailymail 7 April 2013. Schoolboy, 15, bullied to death by trolls on the internet: friends say vile posts drove him to despair. Retrieved on 5th March 2015 from <http://www.dailymail.co.uk/news/article-2305332/Joshua-Unsworth-15-bullied-death-trolls-internet.html>
- Faryadi, D. 2011. Cyberbullying and Academic Performance. *International Journal of Computational Engineering Research*, 1(1), 23-30
- Gordon, S. 2015, Mar 20. Peer Pressure and Bullying –What Is the Connection? Retrieved from <http://bullying.about.com/od/Basics/a/Peer-Pressure-And-Bullying-What-Is-The-Connection.htm>
- Haber, J. D., & Daley, L. A. 2011. Cyberbullying Protection Plan. *Camping Magazine*, 84(2), 32-37
- Hoff, D.L. and Mitchell, S. N. 2009. Cyberbullying: Causes, Effects, and Remedies. *The Journal of Educational Administration*. 47(5), 652-665.
- Hinduja, S., & Patchin, J. W. 2009. Bullying beyond the schoolyard: Preventing and responding to Cyberbullying. Thousand Oaks, CA: Crown Press.

- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*
- Kowalski, M. R., Limber, P. S., & Agatson, W. P. 2008. *Cyberbullying: Bullying in the digital age*. Malden, MA: Blackwell Publishing
- Mason, K. 2008. Cyberbullying: A preliminary assessment for school personnel. *Psychology in the Schools*, 45, 323-348.
- Nektaria, P. & Manolis, M. 2014 .Cyberbullying Detection using Time Series Modeling. Department of Information and Communication Systems Engineering University of the Aegean Samos, Greece
- Potha, N., and Maragoudakis, M. 2014. Cyberbullying Detection using Time Series Modeling. Paper presented in IEEE International Conference on Data Mining Workshop. Retrieved on 15 March 2015 from <http://sentic.net/sentire/2014/potha.pdf>
- Rivers, I., & Noret, N. 2010. 'I h8 u': Findings from a five-year study of text and email bullying. *British Educational Research Journal*, 36, 643–671.
- Smith, P. K., Mahdavi, J., Carvalho, M., Fisher, S., Russell, S., & Tippett, N. 2008. Cyberbullying: Its nature and impact in secondary school pupils. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 49, 376–385
- The Huffington Post 10 Nov 2012. Amanda Todd: Bullied Canadian Teen Commits Suicide After Prolonged Battle Online And In School. Retrieved on 5th March 2015, from [http://www.huffingtonpost.com/2012/10/11/amanda-todd-suicide\\_bullying\\_n\\_1959909.html](http://www.huffingtonpost.com/2012/10/11/amanda-todd-suicide_bullying_n_1959909.html)
- Wang J., Iannotti R. J., & Nansel T. R. 2009. School bullying among adolescents in the United States: Physical, verbal, relational, and cyber. *Journal of Adolescent Health*, 45, 368-375.
- Willard, N. 2007. *Cyberbullying and cyber-threats: responding to the challenge of online social aggression, threats, and distress*. Champaign, IL: Research Press.
- Willard, N. E. 2006. *Cyberbullying and cyberthreats*. Eugene, OR: Center for Safe and Responsible Internet Use.

***Author's Profile :******Lai Chee Sern, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn  
lcsern@uthm.edu.my*

***Mimi Mohaffyza Mohamad, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn  
mimi@uthm.edu.my*

***Lee Ming Foong, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn  
mflee@uthm.edu.my*

***Kahirol Mohd Salleh, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn  
kahirol@uthm.edu.my*

***Nor Liza Sulaiman , Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn  
norlisa@uthm.edu.my*

***D'oria Islamiah Rosli, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn  
doria@uthm.edu.my*

***Wilson Chang Vui Seng***

*Unit Penyelidikan dan Inovasi  
Kolej Komuniti Sandakan  
changvcw@gmail.com*

## PENDIDIKAN DAN KECICIRAN BELIA

ASMADDY HARIS, RUSMAWATI SAID, ZULKARNAIN YUSOP,  
AZMAWANI ABDUL RAHMAN & YUHANIS ABD AZIZ

### ABSTRAK

*Dalam usaha memantau pembangunan sosio ekonomi belia maka kerajaan telah membangunkan Indeks Belia Malaysia (IBM) yang bertujuan menjadi kayu pengukur perubahan dalam kesejahteraan belia negara. Terdapat pelbagai kriteria di dalam IBM yang merangkumi pembangunan kendiri, hubungan sosial, identiti, potensi diri, kesihatan, pendidikan, kesejahteraan ekonomi, keselamatan, penggunaan media, bebas tingkah laku devian, sosialisasi politik, dan waktu senggang. Namun begitu, masalah belia tercicir masih berlaku sedangkan sejumlah 1.5 juta peluang pekerjaan baharu bakal diwujudkan di bawah RMK11 untuk semua belia terlibat sama dalam pembangunan ekonomi yang dirancang. Justeru, usaha negara untuk menyediakan modal insan dan belia yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai tambah dalam daya saing serta produktiviti negara adalah perlu ditingkatkan. Artikel ini mengupas faktor pendidikan yang menyumbang kepada keciciran belia Malaysia atau dikenali juga sebagai NEET.*

**Kata Kunci:** Belia, NEET, Pekerjaan, Ekonomi, Pendidikan

### ABSTRACT

*In order to monitor the socio-economic development of youth, the government has developed the Malaysian Youth Index (IBM), which is intended to seek changes in youth welfare in the country. There are various criteria used to determine the socio economic development used within IBM. These which includes personal development, social relations, identity, self-potential, health, education, economic prosperity, security, media, non-deviant behavior, political socialization, and leisure time. Youth dropouts is currently still a pressing issue even though a total of 1.5 million new jobs will be created under the 11MP development of the planned economy. This article is intended to show that the country's efforts to provide human capital and youth who are knowledgeable, skilled and value added in the country's competitiveness and productivity has to be improved. This article examines the factors that contribute to the education of youth dropout Malaysia known as NEET.*

**Keywords:** Youth, NEET, Employment, Economy, Education

## PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan asas penting dalam memastikan rencana ekonomi Malaysia terlaksana dan terus lestari. Penglibatan semua pihak khususnya belia dalam

pendidikan dan seterusnya menjadi pemanas pertumbuhan ekonomi adalah satu cabaran yang perlu ditangani secara holistik. Setiap individu perlu dilihat sebagai sumber yang bernilai dan tidak seharusnya dipinggirkan daripada terus menyumbang kepada ekonomi secara menyeluruh. Justeru, kumpulan belia yang tidak di dalam gunatenaga, pendidikan atau sistem latihan (NEET – Not in education, employment and training) perlu diberi perhatian khusus agar terus memainkan peranan tersendiri dalam ekonomi negara. Satu sistem yang komprehensif perlu dirangka untuk membantu kumpulan belia yang tersisih ini agar menjadi agen aktif ekonomi negara. Dalam usaha memantau pembangunan sosio ekonomi belia maka kerajaan telah membangunkan Indeks Belia Malaysia (IBM) yang bertujuan menjadi kayu pengukur perubahan dalam kesejahteraan belia negara. Terdapat pelbagai kriteria di dalam IBM yang merangkumi pembangunan kendiri, hubungan sosial, identiti, potensi diri, kesihatan, pendidikan, kesejahteraan ekonomi, keselamatan, penggunaan media, bebas tingkah laku devian, sosialisasi politik, dan waktu senggang. Namun begitu, masalah belia tercicir masih berlaku sedangkan sejumlah 1.5 juta peluang pekerjaan baharu bakal diwujudkan di bawah RMK11 untuk semua belia terlibat sama dalam pembangunan ekonomi yang dirancang. Justeru, usaha negara untuk menyediakan modal insan dan belia yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai nilai tambah dalam daya saing serta produktiviti negara adalah perlu ditingkatkan. Artikel ini mengupas faktor pendidikan yang menyumbang kepada kecinciran belia Malaysia atau dikenali juga sebagai NEET.

### ***Permasalahan dan Objektif Kajian***

Menyedari kepentingan belia dalam pembangunan negara, had umur belia yang dicadangkan adalah 15 hingga 30 tahun. Selain menjadi gunatenaga produktif, cadangan had umur belia ini juga bertujuan untuk meremajakan kepimpinan negara dengan memberi ruang yang lebih besar kepada belia mencorak transformasi negara. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan namun terdapat sekumpulan belia yang memerlukan tumpuan khusus (niche group) agar tidak terus tersisih dari arus pembangunan. Kumpulan ini dikenali sebagai NEET iaitu merujuk kepada golongan belia berumur antara 15 – 29 tahun yang tidak bekerja malahan tidak terlibat dengan sebarang program pendidikan dan juga tidak melibatkan diri dengan sebarang program latihan kemahiran.

Kajian ini menfokuskan kepada kecinciran golongan NEET dari aspek pendidikan atau dropout kerana kecinciran daripada terlibat secara aktif dalam pembangunan berkait rapat dengan kecinciran dalam pendidikan. Seramai 4,470 orang (0.19%) dan 2,302 (0.08%) dilaporkan tercicir dari sekolah rendah masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Manakala kecinciran sekolah menengah pula ialah 42,846 orang (1.93%) bagi tahun 2012 dan 43,428 (1.96%) bagi tahun 2013 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Kecinciran dalam pendidikan mampu menjurus belia terlibat dalam pelbagai masalah sosial yang lain.

Dianggarkan sebanyak 918,200 insiden NEET berlaku di Malaysia pada tahun 2014. Walaupun secara relatif, jumlah ini kecil namun aspek kecinciran

dalam sumber negara tidak seharusnya berlaku. Golongan belia terpinggir ini perlu dijadikan agenda pembangunan negara kerana turut menyumbang kepada jumlah penduduk yang berpendapatan rendah (Bottom 40). Selain daripada itu, peningkatan sosio-ekonomi belia NEET turut perbaiki pencapaian Indeks Belia Malaysia. Potensi setiap belia perlu diserahkan tanpa meminggirkan mana-mana kumpulan belia minoriti agar akses kepada bidang keutamaan dan pembangunan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Dari data kajian yang dijalankan, belia NEET di Malaysia merangkumi belia keciciran dalam pendidikan hingga ijazah pertama. Walaupun peratusan belia NEET yang mempunyai ijazah pertama adalah rendah berbanding golongan yang mempunyai pendidikan yang rendah, namun senario NEET ini tidak sepatutnya berlaku kerana peringkat umur belia adalah sumber produktif negara.

Wujud jurang rujukan dalam permasalahan golongan NEET di Malaysia. Artikel ini mengisi jurang tersebut dengan memfokuskan kepada hubungan pendidikan dengan golongan sasaran iaitu belia NEET. Objektif artikel ini adalah mengupas profil golongan NEET yang tercicir disebabkan faktor pendidikan.

### SOROTAN KAJIAN

Golongan belia NEET secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama ialah kumpulan yang tercicir dalam pendidikan atau latihan, manakala kumpulan kedua ialah belia yang tercicir daripada sektor pekerjaan. Terdapat pelbagai definisi dan pentakrifan bagi NEET. Mengikut EUROSTAT dan ILO, NEET merujuk kepada peratus populasi bagi sesuatu kelompok umur (15 hingga 30 tahun bagi kajian ini) yang tidak bekerja dan tidak terlibat dalam pendidikan ataupun latihan (International Labour Organization (ILO), 2013a). Di United Kingdom, klasifikasi NEET melibatkan mereka yang berumur 16 hingga 24 tahun. Manakala di Jepun merangkumi mereka yang berumur 15 hingga 34 tahun yang tidak bekerja, tidak terlibat dengan kerjarumah (housework), tidak bersekolah, atau tidak mengikuti latihan dan tidak mencari pekerjaan. Di Scotland, golongan NEET adalah terhad kepada mereka yang berumur 16 hingga 19 tahun sahaja.

Di Malaysia, kajian berkaitan masalah NEET masih agak baru dan belum mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan. Walaubagaimanapun banyak kajian yang membabitkan NEET telah di lakukan di negara luar. Elder (2015) telah melaksanakan kajian mengenai NEET di 41 buah negara; Bacher et.al. (2014) telah mengkaji masalah NEET di Austria; Rahman (2006) melihat masalah NEET di Jepun; dan Kovrova & Lyon (2013) membuat kajian NEET di Brazil dan Indonesia.

Kertas ini memberi tumpuan kepada golongan belia yang tercicir dalam aspek pendidikan. Pendidikan adalah elemen yang sangat penting dan keciciran pendidikan akan menjurus kepada pelbagai masalah sosial dan ekonomi yang lain.

Golongan muda yang tercicir adalah selalunya kurang berpeluang untuk mencapai tahap akademik yang lebih baik.

Kajian oleh Kovrova dan Lyon (2013) di Brazil dan Indonesia menunjukkan belia terutama perempuan berada dalam keadaan yang lebih baik. Di kedua-dua negara, terdapat tren yang menunjukkan kohort terbaru belia perempuan kurang ponteng kelas dari rakan mereka sebelumnya. Belia perempuan mempunyai peluang yang lebih untuk berada lebih lama dalam pendidikan dan dapat memasuki tenaga kerja selepas bergraduat. Secara umumnya, kajian mengenai NEET di Indonesia dan Brazil menunjukkan pencapaian akademik terutamanya peringkat sekolah rendah merupakan faktor penentu yang penting bagi NEET. Di Brazil, jumlah anak bawah 4 tahun dalam sesebuah keluarga adalah berkait dengan elemen keciciran pendidikan dan pekerjaan bagi golongan wanita muda.

Kajian oleh Roger et.al. (2012), keciciran dalam pendidikan adalah berkait rapat dengan keciciran pekerjaan. Golongan muda yang tercicir pekerjaan adalah selalunya kurang berpeluang untuk mencapai tahap akademik yang lebih baik. Lebih 20% dari golongan tercicir pekerjaan yang dikenalpasti adalah mereka yang tidak memperolehi sebarang kelulusan akademik.

Rahman (2006) telah melakukan satu kajian di Jepun untuk mengkaji punca terjadinya keciciran. Kajian dilakukan secara temuramah dan soalselidik keatas pelajar dari sekolah menengah atas, pelajar tahun 1 kolej dan universiti dan ketua-ketua kumpulan. Hasil kajian menunjukkan mereka yang tercicir terdiri daripada individu yang mempunyai karakter tidak berupaya menyesuaikan diri kepada sesuatu keadaan dan terlalu sensitif dengan keadaan keluarga, sekolah, sosial dan suasana tempat kerja.

Kajian jangkamasa panjang oleh Bynner dan Parson (2002) yang mengambil data dari British Birth Cohort untuk tahun 1970 telah menemui beberapa faktor yang menyebabkan keciciran pendidikan. Antara faktor penting yang menyumbang kepada masalah keciciran pendidikan adalah faktor kehidupan bandar bagi remaja lelaki. Manakala keciciran dikalangan remaja perempuan pula disebabkan kurangnya perhatian ibubapa ke atas pendidikan mereka.

Mengikut Simon Cox (BBC News 24 Ogos 2011), keciciran pendidikan menyebabkan belia kurang keyakinan diri, hilang motivasi, tahap kesihatan yang rendah (merokok, mengambil dadah, tekanan, “anxiety” dan masalah mental). Mengikut Simon Cox (BBC News 24 Ogos 2011), golongan yang tercicir ini adalah 20 kali lebih cenderung untuk terlibat dalam jenayah dan 22 kali lebih cenderung untuk terlibat dalam seks bebas dan mengandung di luar nikah.

Berdasarkan kajian yang lain, masalah yang sangat ketara bagi belia yang tercicir pekerjaan adalah kehilangan pendapatan yang agak besar dibandingkan dengan belia lain. Mereka bukan sahaja menderita akibat kehilangan pekerjaan

tetapi juga kerugian dalam jangka masa panjang. Kajian di UK menunjukkan belia NEET kehilangan pendapatan sebanyak £50,000 berbanding dengan seorang bukan graduan yang bukan NEET. Jumlah kehilangan pendapatan meningkat kepada hampir £225 000 berbanding dengan seorang graduan untuk tempoh sehingga umur belia mencapai 42 tahun (IMPETUS, 2014).

Kajian oleh European Foundation for the Improvement of Living and Working Conditions (2012) menyatakan perkaitan antara situasi pasaran buruh dengan golongan belia di Eropah dengan memberikan perhatian khusus kepada masalah NEET. Ia mengenal pasti faktor yang menyebabkan seseorang akan tergolong ke dalam NEET di mana kos ekonomi dan sosial adalah berkait dengan isu NEET.

### ***Faktor yang Mendorong Keciciran Pendidikan***

Salah satu punca utama berlakunya keciciran pendidikan ialah suasana di rumah, sosioekonomi dan pengaruh ibubapa. Belia yang mempunyai ibubapa yang tidak mempunyai kelulusan yang tinggi dan tiada pengalaman pendidikan di peringkat menengah atau kolej lebih terdedah kepada risiko keciciran pendidikan. Selain itu, remaja daripada keluarga berpendapatan rendah dan terlibat dengan pelbagai masalah sosial adalah lebih cenderung untuk gagal dan tidak menyambung persekolahan mereka (Impetus, 2014). Kesilapan ibu bapa mengatur perjalanan hidup anak-anak di mana kedua-duanya terlalu sibuk bekerja lalu terabai pemantauan terhadap pelajaran dan perkembangan anak-anak sehingga tidak mendapat kasih sayang yang cukup daripada ibu bapa mereka boleh memberi kesan kepada prestasi pendidikan anak-anak. Malah ada juga anak yang menjadi tempat meluahkan kemarahan dan masalah di tempat kerja. Ramai juga anak-anak yang menjadi mangsa pertengkaran atau percakaran ibu bapa dan ianya lebih mengganggu emosi mereka apabila berlaku perpecahan rumahtangga.

Fenomena ibubapa mengabaikan anak-anak ini boleh berpunca daripada sikap ibu bapa yang terperangkap dalam tekanan gaya hidup moden di mana seolah-olah terdapat perlumbaan dalam mengejarkekayaan dan status sosial. Harta dan status dikehjarian lagi untuk keperluan tetapi untuk berbangga-bangga dan kemewahan. Mereka sibuk dengan berbagai kegiatan seperti MLM sehingga mengabaikan kewajipan untuk mendidik dan mentarbiah anak-anak di rumah. Ibu bapa seperti ini terlalu menyerahkan dan melepaskan tanggungjawab mendidik anak-anak kepada pihak sekolah atau pembantu rumah atau rakan sebaya mereka yang akhirnya boleh menyebabkan anak-anak terdedah dan terjerumus ke kancan masalah sosial remaja.

Keadaan, kualiti dan persekitaran sekolah itu sendiri boleh menyebabkan berlakunya keciciran pendidikan. Kualiti pengajaran, faktor percampuran dengan pelajar yang bermasalah dan budaya yang tidak sihat boleh mendorong kepada masalah keciciran. Pelajar yang berada di sekolah yang mempunyai tahap disiplin yang rendah dan tiada sistem penasihat yang baik adalah lebih berisiko untuk

tercicir berbanding dengan pelajar yang berada di sekolah yang mempunyai tahap disiplin yang baik dan guru yang sentiasa memberikan tunjukajar, bimbingan dan nasihat (Creemers and Reezigt, 1996). Menurut Cox (2011), pelajar sekolah ataupun kolej yang sering ponteng atau tersisih di sekolah adalah juga sangat berpotensi tinggi untuk menjadi golongan NEET. Kaedah dan pendekatan yang tidak betul dalam menangani murid yang lemah dan bermasalah turut menambahkan masalah keciciran dalam pendidikan. Ini menjurus kepada masalah-masalah lain seperti hilang keyakinan diri, rasa rendah diri, memberontak dan akhirnya keciciran pendidikan.

Sesetengah pelajar membuat keputusan untuk berhenti sekolah kerana menjadi mangsa buli pelajar lain. Tidak kurang juga ada sekolah yang mana terdapat kumpulan samseng dalaman di kalangan pelajar itu sendiri. Mereka sering mengganggu dan mengugut pelajar lain dan menyebabkan ada yang terpaksa berhenti belajar kerana tidak tahan dengan gangguan dan ugutan. Terdapat kes di mana pelajar berhenti sekolah kerana guru kelas memaksa pelajar wanita tersebut duduk bersebelahan dengan pelajar lelaki yang sering mengganggu beliau. Dalam kes ini mungkin guru mempunyai niat yang baik untuk memberi pendedahan kepada pelajar wanita tersebut agar lebih terbuka, berani dan tidak kekok berurusan dengan kaum lelaki, namun ianya tidak dilaksanakan dengan pemantauan dan rasionalisasi yang betul menyebabkan pelajar memberontak dan berhenti sekolah.

Sikap mementingkan diri sendiri dan keinginan yang melampau untuk menjadi pelajar paling menyerlah dan tumpuan pihak sekolah kepada segolongan pelajar harapan untuk menaikkan nama sekolah turut menyumbang kepada keciciran pendidikan sekelompok pelajar yang lain. Rakan sebaya juga tidak mengendahkan masalah rakannya yang keciciran akibat terlalu tertumpu dengan usaha untuk keterserahan diri sendiri yang mana pencapaian akademik adalah semata-mata ukuran yang digunakan. Dalam hal ini sikap tidak inginkan perkongsian dan bantu membantu di kalangan rakan sebaya menyumbang kepada keciciran pendidikan.

Terdapat penemuan yang agak penting bagaimana kemiskinan yang melibatkan kekurangan keperluan asas dalam kehidupan dan masalah kekurangan wang boleh juga menyumbang kepada fenomena keciciran pendidikan. Kajian oleh Zakiyah (2011) menggunakan kaedah temubual dengan ahli keluarga di daerah Kubang Pasu, Kedah mendapati bahawa faktor kemiskinan boleh menjadi halangan kepada keinginan dan keupayaan seseorang untuk berjaya dalam pendidikan. Keadaan ini diburukkan lagi apabila tiada motivasi daripada pelbagai pihak misalnya ibu bapa, keluarga, sekolah dan rakan sebaya.

Satu kajian yang agak menarik dijalankan berkaitan faktor yang mempengaruhi gejala kanak-kanak jalanan iaitu kanak-kanak yang berkeliaran di bandar atau pekan tanpa tujuan. Mereka juga terlibat dengan berbagai masalah sosial, keganasan, jenayah atau terlibat dengan penyalahgunaan bahan. Walaupun kajian ini tidak secara langsung melihat isu keciciran pendidikan, namun ianya

adalah sangat jelas bahawa fenomena kanak-kanak jalanan ini adalah sangat berkait dan menjurus kepada keciciran pendidikan. Bagaimana boleh seorang kanak-kanak mengikuti sistem atau peroses pendidikan apabila mereka sudah saban hari menghabiskan masa di jalanan. Lebih-lebih lagi kehidupan mereka di jalanan sangat terdedah kepada masalah dadah, gangsterism dan sebagainya. Seramai 205 subjek responden telah terlibat dalam kajian ini di mana hasil kajian mendapati keterlibatan ibu bapa dalam penyalahgunaan bahan seperti dadah dan lain-lain adalah menyumbang kepada masalah yang sama ke atas kanak-kanak jalanan. Kajian juga menunjukkan pendapatan ibu bapa mempengaruhi tren penglibatan anak-anak jalanan dalam penyalahgunaan bahan (Mohd Sharani et.al. 2011)

## METODOLOGI

### *Populasi dan Sampel Kajian*

Populasi bagi kajian ini adalah belia yang terpinggir dari pelajaran, tidak mengikuti latihan ataupun tidak bekerja. Tiga kategori yang dikaji iaitu kumpulan kerja rumah (termasuk lelaki), keciciran pendidikan (drop out) dan golongan kurang upaya. Data dikutip meliputi kesemua 13 negeri di Malaysia. Sejumlah 152 responden terlibat dalam proses pengumpulan data yang mewakili semua negeri. Pecahan responden adalah berbeza bagi setiap negeri dan kategori untuk mewakili populasi yang juga berbeza bilangannya bagi setiap negeri.

### *Metodologi*


Instrumen soal selidik dan isu berkaitan NEET telah dibangunkan terlebih dahulu bertujuan untuk menerangkan hubungan antara faktor pendidikan dengan insiden NEET di Malaysia. Seterusnya dua kaedah pengumpulan data telah digunakan iaitu kaedah temubual dan pemerhatian penyelidik melalui sesi FGD (Focus Group Discussion). FGD merupakan kaedah kualitatif yang sering digunakan dalam kajian untuk mengenalpasti data mengenai persepsi, pendapat, kepercayaan dan sikap responden terhadap sesuatu isu. Sesi temuduga dibuat dalam kumpulan yang kecil dan dipandu oleh moderator. Perbincangan dan kupasan isu adalah lebih mendalam kerana responden dari kategori yang sama maka sesuatu masalah yang sensitif untuk dibincangkan secara terbuka.

Responden tidak mengenali antara satu sama lain tetapi termasuk dibawah kategori NEET yang sama. Sesi FGD mempunyai 3 fasa iaitu sesi FGD, proses pengeluaran maklumat dan fasa ketiga adalah proses menganalisa maklumat yang telah dikeluarkan. Selain itu, temuduga dengan pihak berwajib atau agensi yang terlibat secara langsung dalam menangani isu NEET juga dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti langkah-langkah yang telah diambil. Seterusnya, cadangan dari FGD dan temuduga agensi terbabit dipetakan dalam usaha menghasilkan komentar yang holistik dan komprehensif.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN


### **Faktor Pendidikan bagi Insiden Belia NEET**

Bahagian ini memberi fokus kepada analisa faktor-faktor pendidikan yang mempengaruhi belia dari golongan NEET Malaysia. Daripada 112 responden, 75 responden (67%) masih berminat untuk menyambung pelajaran atau mengikuti latihan untuk perbaiki taraf kehidupan mereka. Walaubagaimanapun, hanya 31% sahaja yang berusaha mendapatkan khidmat nasihat mengenai pendidikan dan latihan yang boleh mereka ikuti. Rajah 1 meringkaskan aspek dorongan kepada belia NEET untuk mengikuti pengajian atau latihan. Dorongan terbesar untuk mengikuti pendidikan atau latihan kebanyakkan dari dorongan keluarga, diri sendiri dan faktor lain seperti kenalan, masing-masing ialah 57%, 30% dan 13%. Dari ringkasan Rajah 1, ternyata cabaran untuk menggerak aktifkan belia NEET adalah tinggi kerana dorongan dalaman (diri sendiri) adalah rendah iaitu sekitar 31% sahaja.



**Rajah 1 : Dorongan untuk Menyambung Pengajian Atau Mengikuti Latihan**

Faktor kecinciran pendidikan bagi golongan NEET yang dikaji terbahagi kepada 5 faktor utama keluarga, persekitaran, kewangan, peribadi dan logistik. Faktor keluarga mewakili 37% penyebab bagi golongan belia NEET tidak bermintat menyambung pelajaran. Diikuti dengan faktor kewangan (23%), persekitaran (18%), peribadi (16%) dan logistik (6%) seperti yang diringkaskan dalam Rajah 2.



**Rajah 2: Faktor Responden Tidak Menyambung Pengajian/Latihan**

Dimensi masalah kategori faktor keluarga adalah penjagaan anak dan ibubapa yang sudah tua atau sakit. Halangan dari keluarga atau suami, selain perlu menjaga dan menghantar adik-adik ke sekolah. Selain itu, terdapat penjaga yang tidak membenarkan responden mengikuti latihan yang jauh dari keluarga. Bagi faktor kewangan yang menyumbang kepada keciciran (dropout) pula adalah beban kos hidup sewaktu mengikuti latihan disamping tanggungan saraan keluarga seperti anak isteri dan ibubapa. Selain itu, kos yuran yang tinggi juga meneyekat minat untuk menjalani latihan atau pendidikan. Terdapat dikalangan responden yang mempunyai sumber kewangan dari kerja-kerja sambilan semata-mata. Kesempitan pendapatan ternyata menjadi antara faktor penghalang utama untuk belia NEET mendapatkan pendidikan atau mengikuti latihan kemahiran.

Faktor persekitaran luaran juga mendorong kepada masalah tidak menyambung pelajaran dikalangan belia. Antaranya adalah faktor pengalaman buruk di sekolah seperti kes buli dan sebagainya yang membuatkan mereka trauma untuk sambung belajar. Sesetengah responden tiada maklumat mengenai pusat atau kursus yang sesuai untuk mereka menyambung belajar. Terdapat juga responden yang merasakan dengan mengikuti latihan ianya tidak menjamin untuk mendapat perkerjaan, lalu mendorong untuk mencari kerja. Hal ini juga disokong oleh responden yang menyatakan bahawa beliau pernah mengikuti kursus kemahiran di Giat Mara tetapi hasilnya tidak berapa membantu kehidupan. Sebahagian dari responden lebih berminat untuk mencari kerja untuk menampung kehidupan.


Faktor peribadi yang mendorong kepada masalah NEET adalah faktor berkahwin dan akhirnya mendapat anak. Selain itu, terdapat juga kes faktor kesihatan, dan tidak berminat dengan bidang yang ditawarkan. Sebilangan besar responden menyatakan faktor utama tidak sambung belajar atau latihan kerana sudah tidak berminat untuk belajar. Ini mendorong mereka tergolong dalam kumpulan Dropout. Walaupun begitu, kumpulan ini berminat untuk menyertai pasaran gunataenaga dan pertimbangkan untuk latihan lanjutan jika bersesuaian dengan situasi mereka.

Bagi faktor logistik pula masalah banyak berlaku dikalangan responden yang tinggal di kawasan luar bandar. Sistem pengangkutan awam yang tidak cekap seperti tidak tepat mengikut pada waktu, ketiadaan kemudahan bas pada awal pagi atau lewat petang membantutkan minat mereka untuk menyambung pengajian. Kemudahan pengangkutan awam lain seperti teksi dan van sapu sangat mahal. Ada responden dari Sabah dan Sarawak yang menyatakan belum bersedia untuk keluar kerana faktor tempat latihan yang ditawarkan adalah jauh di Semenanjung dan sudah pasti melibatkan belanja yang besar. Disamping itu sesetengah responden merasakan menyambung pelajaran atau latihan memerlukan masa yang panjang sedangkan tiada jaminan untuk mendapat pekerjaan dengan sijil yang diperolehi.

### **Insiden Belia NEET Dikalangan Warga Kelainan Upaya**

Satu lagi kumpulan yang menepati definisi NEET ialah belia kelainan upaya (OKU). Sesuatu yang menarik tentang kajian NEET ialah memfokuskan kepada aspek

keciran pendidikan yang berlaku kepada setiap kategori masyarakat belia. 60% daripada responden OKU yang terlibat dengan FGD menyatakan masih berminat untuk menyambung pengajian atau mengikuti latihan kemahiran. Namun, bagi membantu kumpulan ini terus aktif dalam ekonomi memerlukan satu pelan tindakan terhadap kemudahan pendidikan negara.



**Rajah 3: Faktor Tidak Menyambung Pengajian/Latihan Belia OKU**

Dari Carta 3 jelas faktor peribadi (60%) menjadi penghalang untuk belia OKU menyambung pengajian. Walaupun kebanyakannya mereka berminat menyambung pelajaran disebabkan masalah kesihatan seperti pekak, bisu, rabun yang teruk dan kecacatan fizikal merupakan antara faktor golongan OKU menjadi NEET. Faktor persekitaran luaran (23%) menjadi faktor kedua, diikuti dengan faktor keluarga (9%) seterusnya logistik dan faktor keluarga, masing-masing mewakili 4%.

Akibat dari masalah kesihatan, ianya mempengaruhi tingkah laku, keyakinan dan kebolehan diri untuk mencari kursus yang sesuai dengan keadaan mereka. Persekitaran luar yang menjadi penghalang adalah ketiadaan maklumat mengenai kursus yang ditawarkan dan tiada kemudahan prasarana untuk golongan OKU.

Selain itu, golongan OKU juga tidak lari dari menghadapi masalah tidak mendapat dorongan keluarga untuk menyambung latihan. Selain tempat latihan yang jauh dari keluarga juga tidak yakin dengan keupayaan responden OKU menyambung pelajaran atau latihan. Sistem pengangkutan awam yang tidak mesra OKU juga menyebabkan golongan OKU terpinggir dari segi latihan. Masalah pengangkutan yang dihadapi golongan OKU di kawasan luar bandar juga menjadi salah satu punca golongan OKU menjadi NEET kerana mereka memerlukan bantuan untuk mengantar mereka ke pusat latihan.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini mendapati pembangunan diri sendiri yang rendah menyebabkan belia

NEET tidak meneruskan persekolahan dan mengikuti mana-mana latihan. Belia NEET juga berhadapan dengan masalah keluarga, tanggung jawap keluarga yang besar menyebabkan mereka terus tidak bekerja dan rantaian kehidupan mereka akhirnya mendorong kepada masalah kemiskinan. Keadaan ini berkaitan dengan masalah yang lain seperti kekurangan kewangan dan menyebabkan masalah rendah diri dan mendorong kepada kes kes trauma untuk menyambung pelajaran dan tiada motivasi untuk membaiki diri. Kajian ini juga melihat dari perspektif belia istimewa atau dengan kata lain kurang upaya. Untuk mencapai kemajuan sesebuah negara, status jaringan sosial haruslah mantap dan insklusif. Ini bagi menjamin memastikan golongan belia NEET istimewa ini terus aktif dalam ekonomi. Walaupun peratusan golongan NEET ini di anggap kecil dari sudut guna tenaga namun kajian ini melihat dari espek kepentingan golongan ini terhadap penyumbang kepada keberkesanan indek belia. Dimensi index belia yang merangkumi pembangunan kendiri, hubungan sosial, identiti, potensi diri, kesihatan, pendidikan, kesejahteraan ekonomi, keselamatan, penggunaan media, bebas tingkah laku devian, sosialisasi politik, dan waktu senggang harus di penuhi untuk mencapai index kesejahteraan belia yang unggul.

## RUJUKAN

- Bacher Johann, Dennis Tamesberger, Heinz Leitgöb & Thomas Lankmayer .2014.. Not in Education, Employment or Training: Causes, Characteristics of NEET-affected Youth and Exit Strategies in Austria, working paper, A study for the Federal Ministry of Labour, Social Affairs and Consumer Protection, Linz.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, 2012
- Bynner, J. and Parsons, S. .2002. Social Exclusion and the Transition from School to Work: The Case of Young People Not in Education, Employment or Training, Journal of Vocational Behavior, 60, pp.289-309.
- Cox, Simon .2011. BBC News .2011., UK
- Creemers, B.P.M., and Reezigt, G.J. .1996., School Level Conditions Affecting the Effectiveness of Instruction. School Effectiveness and School Improvement, 7(3),pp.197-228
- Darlington, Richard .2012. Through the Looking Glass, A Report on Teenage Girls' Self-Esteem, Institute of Public Policy Research (IPPR))
- Dawson, Catherine .2010., Learn while you Earn. Kogan Page Publisher.

Elder, Sara .2015. What does NEETs mean and why is the concept so easily misinterpreted? Technical Brief, No1, Youth Employment Program, International Labour Organization (ILO), Geneva

European Foundation for the Improvement of Living and Working Conditions (Eurofound). 2012. NEETs: Young people not in employment, education or training: Characteristics, costs and policy responses in Europe (Dublin).

Eurostat. 2014. “Young people - education and employment patterns”, web page of the European Commission, Eurostat, last modified: 31 March 2014; [http://epp.eurostat.ec.europa.eu/statistics\\_explained/index.php/Young\\_people\\_-\\_education\\_and\\_employment\\_patterns](http://epp.eurostat.ec.europa.eu/statistics_explained/index.php/Young_people_-_education_and_employment_patterns).

Furlong, A. .2006. Not a very NEET solution: representing problematic labour market transitions among early school-leavers. *Work, Employment and Society*, Vol. 20, No. 3, September.

Goujard, Antoine; Petrongolo, Barbara; Van Reenen, John .2011. “The Labour Market For Young People”. p. 47. In: Gregg, Paul; Wadsworth, Jonathan. (eds) .2011. *The Labour Market in Winter: The State of Working Britain*. Oxford University Press.

Hassan Asmadi dan M. Nasrudin M. Akhir .2007., *Dinamisme Politik dan Sosiod budaya Jepun*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Timur.

Hori, Yukie .2005a: Solutions of Social Network of Jobless Youth and Assistance Measures. In: *Japan Labor Review*, Special Editions 2 and 3 (Summer): The Transition from School to Working Life Issues, pp. 26–48.

Hori, Yukie .2005b: Characteristics and Problems of Youth Support Agencies in Japan. In: *Social Science Japan* (newsletter of the Institute of Social Science), University of Tōkyō, 32 (September), pp. 8–9.

IDEAS,2014

Impetus .2014.. Make NEETs history in 2014, Private Equity Foundation. Manchester.

International Labour Organization (ILO). 2012. *Global Employment Trends for Youth 2012* (Geneva).

—. 2013a. “Decent work indicators: Guidelines for producers and users of statistical and legal framework indicators”, Second version, Draft, Geneva.

—.. 2013b. *Global Employment Trends for Youth 2013* (Geneva).

Kovrova, I. S. Lyon .2013.. NEET youth dynamics in Indonesia and Brazil:A cohort analysis, Rome. Working Paper, Understanding Childrens' Work (UCW). Rome

Labour Force Survey - Office for National Statistics .2015.Young People Not in Education, Employment or Training (NEET).

Lupton, Ruth; Heath, Natalie; Salter, Emma. "Education: New Labour's top priority". In: Hills, John; Sefton, Tom; Stewart, Kitty. (eds) .2009. Towards a More Equal Society?: Poverty, Inequality and Policy Since 1997.The Policy Press.

Mohd Sharani Ahmad, Risalshah Latif dan Wan Anor Wan Sulaiman .2011.. Kanak-Kanak Jalanan Sabah. Journal Kebajikan Masyarakat, Vol. 37 Jun 201, 43-56.

Pembangunan Milenium Malaysia Goals, 2010.

Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). 2013. "Education indicators in focus", 2013/04 (April).

Quintini, G.; Martin, S. .2013. Same same but different: School-to-work transitions in emerging and advanced economies. OECD Social, Employment and Migration Working Papers No. 154, DELSA/ELSA/WD/SEM(2013)10.

Rahman, Khondaker M. .2006. NEETs' Challenge to Japan: Causes and Remedies. Japanstudien 18;Arbeitswelten in Japan, Deutsches Institut für Japanstudien, Tokyo, 221-244

Roger Goodman, Yuki Imoto, Tuukka Toivonen .2012. A Sociology of Japanese Youth: From Returnees to NEETs, Routledge, Tokyo

Sparreboom, T.; Staneva, A. 2014. Is education the solution to decent work for youth in developing economies? Identifying qualification mismatch from 28 school-to-work transition surveys, Work4Youth Publication Series No. 23, Dec. (Geneva, ILO).

Sustainable Development Solutions Network (SDSN). 2014. "Indicators and a monitoring framework for Sustainable Development Goals: Launching a data evolution for the SDGs", A report by the Leadership Council of the Sustainable Development Solutions Network, Revised working draft, 25 July.

Zakiyah Jamaluddin .2011. Kemiskinan dan Keciciran Dalam Pendidikan. Journal Kebajikan Masyarakat, Vol. 37 Jun 201, 5-20.

***Profil Penulis:******Asmaddy Haris, Phd***

*Institut Pengurusan Harta Dan Kewangan Islam  
Universiti Sains Islam Malaysia  
hasmaddy@usim.edu.my*

***Rusmawati Said, Phd***

*Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Putra Malaysia  
rusmawati@upm.edu.my*

***Zulkarnain Yusop, Phd***

*Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Putra Malaysia  
zolyusop@upm.edu.my*

***Azmawani Abdul Rahman, Phd***

*Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Putra Malaysia  
azar@upm.edu.my*

***Yuhanis Abd Aziz, Phd***

*Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Putra Malaysia  
yuhanis@upm.edu.my*

## BELIA DAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

MOHD SOBHI ISHAK, AWAN ISMAIL, BAKRI MAT, AZAHAR KASSIM,  
SHARIFFAH MAMAT, NORATI'QAH TALIB

### ABSTRAK

Golongan belia adalah kelompok utama pengguna media sosial di negara ini. Artikel ini bertujuan membincangkan profil penggunaan media sosial dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian tinjauan secara keratan rentas berbantuan borang soal selidik telah dijalankan terhadap 2007 orang belia berumur 15 hingga 40 tahun. Persampelan rawak berstrata tak seimbang pelbagai tahap digunakan meliputi 20 buah kawasan dari 9 negeri. Data analisis secara deskriptif dalam bentuk bilangan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatkan kajian menunjukkan kelompok wanita aktif menggunakan media sosial lebih lima kali sehari, tinggal dalam kawasan bandar, merangkumi semua etnik. Majoriti responden menggunakan Whatsapp dan Facebook terutama ketika berehat dan bersendirian serta mempunyai rakan media sosial yang ramai. Peralatan utama bagi mengakses media sosial ialah telefon pintar. Kajian ini juga menunjukkan peratus penggunaan media sosial tidak bebeza antara bandar dan luar bandar. Lebih separuh belia Malaysia masih menggunakan untuk tujuan interaksi santai bagi mengerat hubungan, dan sebahagian besar juga telah menerima media sosial untuk tujuan perniagaan. Secara keseluruhannya, dapatkan kajian ini dapat memberi input kepada pihak berkaitan bagi merangka program yang bersesuaian kepada belia dengan mengoptimumkan penggunaan media sosial.

**Kata Kunci:** Belia, Media Sosial, Profil Penggunaan Media, Kesan Media

### ABSTRACTS

Youth is the primary user groups of social media in the country. This article aims to discuss social media usage profile among the youth in Malaysia. Cross-sectional survey using a questionnaire was conducted on 2,007 young people aged 15 to 40 years. Multistage disproportionate stratified random sampling technique was used covering 18 districts of 9 states. Data were analyzed descriptively in the form of numbers, percentages, means and standard deviations. The analysis found that women's groups are actively using social media more than five times a day, live in urban areas, encompassing all ethnicities, using Whatsapp and Facebook. The majority of respondents use Whatsapp and Facebook, especially when alone and relax and have a lot of friends in social media. The main equipment for accessing social media is a smartphone. The study also found that the percentage of social media usage did not differ between urban and rural areas. More than half of Malaysia's youth are using social media for the purpose of leisure to strengthen their relationship, and the vast majority of respondents also accepted social media for business purposes. Overall, the findings of this study can provide an input to

*the relevant authorities in order to design an appropriate program for youth by optimizing the use of social media.*

**Keywords:** *Youth, Social Media, Media Usage Profile, Media Effects*

## PENGENALAN

Perkembangan dunia ICT menjadikan Internet sebagai platform kepada media sosial yang mempengaruhi pelbagai golongan masyarakat khususnya belia. Media sosial ialah kumpulan aplikasi berasaskan Intenet yang dibina di atas ideologi dan teknologi Web 2.0 (Kaplan & Haenlein, 2010). Media sosial boleh dibahagikan kepada kategori tertentu supaya kita lebih mudah faham maksud, jenis dan penggunaannya. Kaplan dan Haenlein (2010) mengklasifikasikan media sosial kepada projek kolaboratif (collaborative projects), blog, komuniti kandungan (content communities), laman rangkaian sosial (social networking sites), dunia permainan maya (virtual game worlds), dan dunia sosial maya (virtual social worlds). Safko (2010) pula menyenaraikan lebih banyak kategori media sosial, seperti rangkaian sosial; perkongsian foto, audio, dan video; microblogging; livecasting; dunia maya; permainan atas talian; aplikasi produktiviti; aggregator; RSS; carian (search); mobile dan interpersonal.

Penggunaan media sosial telah menjadi satu budaya dan santapan harian bagi sebahagian besar pengguna Internet di seluruh dunia (Syahir Mat Ali & Fatin Hasnan, 2011). Ia berbentuk interaktif yang meliputi perhubungan luar dalam komunikasi sosial dan membolehkan penciptaan dan pertukaran kandungan yang dijana oleh pengguna. Keterbukaan media tersebut memberi ruang kebebasan kepada golongan belia masakini yang lebih dikenali sebagai generasi Y dan generasi Z menggunakan tanpa batasan sehingga menimbulkan keimbangan masyarakat. Dua asas keperluan manusia iaitu untuk mendapatkan pemahaman ketika tragedi berlaku dan untuk berkongsi maklumat, telah mendorong masyarakat menggunakan Internet yang melibatkan media sosial di tahap yang paling tinggi (Craig, 2005). Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengatakan bahawa di Malaysia kini terdapat 17.5 juta pengguna Internet, 11 juta pemilik akaun Facebook, dua bilion SMS setahun dan angka ini terus bertambah setiap hari bagi memenuhi permintaan orang ramai (Astro Awani, 2013). Golongan belia berumur 18-24 tahun dan 25-34 tahun merupakan dua kategori umur paling ramai menggunakan Facebook (socialbakers.com, 2013). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Hamid, Ishak, Yazam dan Ismail (2013) dapat dilihat bahawa penggunaan Facebook dalam kalangan belia, jauh meninggalkan laman rangkaian sosial yang lain seperti Twitter, Friendster, Hi5 dan lain-lain. Antara sebab penting golongan ini menggunakan media sosial adalah untuk keseronokan, berkawan dan persepsi kebergunaan (Lin & Lu, 2011). Selain itu, mereka ingin memenuhi keperluan interaksi sosial, pencarian maklumat, mengisi masa lapang, hiburan, santaian, kepuasan komunikasi, keselesaan, ekspresi pendapat, perkongsian maklumat, dan

pengawasan maklumat semasa (Whiting & Williams 2013).

Kemajuan dan kepesatan teknologi ini memperlihatkan dan membuka ruang tanpa sempadan ke atas pengguna belia yang terlalu teruja dengan akses yang disajikan sehingga lupa tentang maklumat-maklumat peribadi mereka yang mungkin boleh dimanipulasikan oleh pihak-pihak lain yang tidak bertanggungjawab. Tontonan pelbagai program menerusi media seperti TV, radio dan media cetak sebelum ini masih dapat dihad dan ditapis untuk mengelakkan elemen dan budaya tidak sihat daripada menyerap kepada golongan belia. Namun, penggunaan media sosial di atas platform Internet telah menghilangkan kawalan berkenaan. Tontonan filem dan drama secara dalam talian menjadi trend terkini penonton di seluruh dunia (Johnston, 2008; Madden, 2009; Orosz, Vallerand, Bóthe, Tóth-Király, & Paskuj, 2016; Lacalle, & Pujol, 2016) dengan majoriti menggunakan pelbagai gajet teknologi khususnya telefon pintar (Kim, & Lee, 2016; Kwon, Kim, Park, & Kim, 2016; Gok, 2016; Rigby, Brumby, Cox, & Gould, 2016; Wee, 2016).

Kini, sesiapa juga boleh mengkomunikasikan pandangan dengan pihak lain baik secara dua hala atau pelbagai hala kepada orang lain melampaui batasan geografi. Situasi ini sekaligus menjadikan belia Malaysia terdedah secara langsung kepada ancaman ideologi, budaya, hiburan dan pelbagai pengaruh luar tanpa panduan. Penggunaan media sosial yang mencapai tahap ketagihan tentunya akan memberi kesan buruk bukan hanya kepada individu belia, malah kepada negara. Kesan ini dikaji dari segi impak dalam aspek psikologi dan sosial (antaranya Andreassen, Torsheim, Brunborg, & Pallesen, 2012; Charoensukmongkol, 2014; Ferguson, Muñoz, Garza, & Galindo, 2014; Oh, Ozkaya, & LaRose, 2014; Reinecke & Trepte, 2014, Ryan, Chester, Reece, & Xenos, 2014). Walau bagaimanapun banyak kajian-kajian memfokuskan kepada sampel kajian pelajar dan dijalankan di institusi pendidikan (antaranya Chang & Heo, 2014; Hamid, Ishak, Yazam dan Ismail, 2013; Jafri, 2015; Ozer, Karpinski, & Kirschner, 2014).

Berdasarkan kepada kepentingan media sosial dalam kehidupan belia pada masa kini, artikel ini bertujuan bagi membincangkan sebahagian daripada dapatan kajian berkaitan profil penggunaan media sosial dalam kalangan belia di Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian tinjauan berdasarkan reka bentuk keratan rentas (cross-sectional) dijalankan menggunakan borang soal selidik bercetak. Reka bentuk ini sesuai dengan pengumpulan data pada satu titik masa kepada kumpulan sampel yang dapat mewakili populasi kajian (Babbie, 2010). Subjek kajian ini ialah golongan belia di seluruh Malaysia meliputi peringkat umur yang digunakan dalam takrifan belia di Malaysia iaitu 15 hingga 40 tahun.

Pemilihan sampel kajian adalah menggunakan teknik persampelan rawak

berstrata tak seimbang pelbagai tahap (multistage disproportionate stratified random sampling technique). Kajian ini melibatkan 2007 orang responden dari 20 buah kawasan bandar dan luar bandar meliputi sembilan buah negeri di Malaysia. Penggunaan teknik ini diharap dapat memperolehi sampel yang merentasi populasi belia di Malaysia supaya generalisasi dapat dilakukan dengan tepat. Sungguhpun jumlah maksimum sampel sebanyak 400 adalah mencukupi bagi mewakili infiniti populasi (Krejcie & Morgan, 1970; Hair et al., 2010), penggunaan sebanyak 2007 responden akan membolehkan generalisasi turut dilakukan berdasarkan zon dan negeri yang dapat memberi impak terperinci kepada 37 juta populasi belia di Malaysia.

Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat umum mengenai latar belakang responden. Bahagian B mengandungi maklumat berkaitan penggunaan televisyen dan Bahagian C mengandungi soalan-soalan untuk mengukur penggunaan media sosial. Penggunaan Media Sosial. Artikel ini membincangkan daptatan kajian berkaitan Bahagian A dan Bahagian C sahaja.

Antara pemboleh ubah dalam bahagian A ialah jantina, umur, etnik, agama, tahap pendidikan tertinggi, lokasi tempat tinggal sekarang, dan pendapatan kasar bulanan (isirumah). Skala pengukuran nominal diguna sebagai pengukuran bagi pemboleh ubah dalam bahagian ini.

Bahagian C mengandungi soalan berkaitan kekerapan menggunakan Internet, jumlah jam menggunakan aplikasi dalam Internet, waktu kegemaran menggunakan media sosial, bilangan rakan media sosial, peralatan untuk mengakses media sosial, medium mengakses media sosial, lokasi mengakses media sosial, dan sebab-sebab menggunakan media sosial. pengukuran pemboleh ubah dalam bahagian ini melibatkan pengukuran nominal dan interval.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan seramai 1044 (52.0%) responden terdiri dariapda perempuan dan selebihnya sebanyak 48% iaitu seramai 963 responden lelaki daripada keseluruhan 2007 orang responden. Majoriti responden adalah dalam kategori umur 15-20 tahun iaitu sebanyak 32.9%. Ianya diikuti oleh 588 (29.3%) responden berumur 21-25 tahun dan 422 (30.7%) responden berumur 26-30 tahun. Majoriti responden belum berkahwin (72.5%), manakala sebahagian besar yang lain pula telah berkahwin (26.4%).

### **Jadual 1: Jantina dan Umur Responden**

<b>Profil</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	963	48.0
Perempuan	1044	52.0
<b>Kategori Umur</b>		
15-20 tahun	661	32.9
21-25 tahun	588	29.3
26-30 tahun	422	21.0
31-40 tahun	336	16.7
<b>Status Perkahwinan</b>		
Berkahwin	530	26.4
Belum Berkahwin	1455	72.5
Duda/Janda	22	1.1

Responden kajian ini meliputi tiga etnik terbesar di Malaysia iaitu Melayu (49.7%), Cina (19.2%) dan India (12.1%). Responden bagi kumpulan etnik Bumiputera Sarawak terdiri daripada responen dalam etnik Iban, Melanau, Penan, Kayan dan Bidayuh yang meliputi 231 (11.5%) responden. Kajian juga melibatkan responden dalam kalangan Bumiputera Sabah yang terdiri daripada kumpulan etnik Rungus, Bajau, banjar, Brunei, Bugis, Dusun, Kadazan Dusun, Kagayan, Suluk, Sungai, Sino Dusun, dan Tidung seramai 231 (5.6 %) orang.

### **Jadual 2: Kumpulan Etnik**

<b>Etnik</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Melayu	997	49.7
Cina	385	19.2
India	243	12.1
Bumiputera Sarawak	231	11.5
Bumiputera Sabah	113	5.6
Lain-Lain	38	1.9

Jadual 3 menunjukkan majoriti responden tinggal di kawasan bandar (43.3%) dengan jumlah seramai 870 orang. Ini diikuti 451 (22.5%) responden dari kawasan pekan, 240 (12.0%) dari kawasan pinggir bandar dan 255 (12.7%) responden dari kawasan bandaraya.

**Jadual 3: Lokasi Tempat Tinggal Responden**

<b>Lokasi Tempat Tinggal</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bandaraya	255	12.7
Bandar	870	43.3
Pinggir Bandar	240	12.0
Pekan	451	22.5
Kampung	191	9.5

Responden berkelulusan SPM dan kebawah ialah seramai 981 (48.8%) orang. Ia meliputi responden berkelulusan SPM/SMAM seramai 664 (33.1%) orang, SRP/PMR/SRAM seramai 204 (10.2%), tidak tamat sekolah menengah seramai 79 (3.9%), penilaian darjah 5/UPSR seramai 24 (1.2%), dan tidak tamat sekolah rendah seramai 10 (0.5%). Responden yang bependidikan tinggi iaitu diploma dan keatas pula ialah sebanyak 38.1% iaitu 764 responden. Kumpulan ini terdiri daripada responden berkelulusan diploma seramai 489 (24.4%), Ijazah Sarjana Muda seramai 260 (13.0%) orang, Ijazah Sarjana seramai 11 (0.5%) orang, dan Ijazah Kedoktoran seramai 4 (0.2%) orang. Sebahagian kecil responden pula tidak bersekolah iaitu seramai 31 (1.5%) orang.


**Jadual 4: Tahap Pendidikan Tertinggi**

<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
SPM/SMAM	664	33.1
Diploma	489	24.4
Ijazah Sarjana Muda	260	13.0
SRP/PMR/SRAM	204	10.2
STPM/STAM	153	7.6
Tidak Tamat Sekolah Menengah	79	3.9
Sijil Kemahiran	78	3.9
Tidak Bersekolah	31	1.5
Penilaian Darjah 5/UPSR	24	1.2
Ijazah Sarjana	11	.5
Tidak Tamat Sekolah Rendah	10	.5
Ijazah Kedoktoran	4	.2

***Kekerapan Penggunaan Internet***

Rajah 1 menunjukkan secara keseluruhannya kekerapan penggunaan Internet bagi responden adalah lebih 5 kali sehari dengan bilangan kekerapan responden

perempuan (n=627, melebihi jumlah responden lelaki (n=541). Bagi kekerapan 4-6 kali seminggu pula, responden perempuan (=94) turut menunjukkan jumlah melebihi responden lelaki (n=76). Bagi kategori kekerapan yang lebih rendah pula, jumlah responden lelaki melebihi responden perempuan iaitu 2-4 seminggu, 1-4 kali sehari, dan sekali seminggu.



**Rajah 1: Kekerapan Penggunaan Internet Mengikut Jantina**

Kekerapan penggunaan Internet mengikut lokasi tempat tinggal (Jadual 5) menunjukkan peratus kekerapan yang tinggi bagi setiap lokasi iaitu lebih 5 kali sehari. 64.4% pengguna media sosial yang tinggal di kampung menggunakan internet melebihi 5 kali sehari, diikuti oleh responden yang tinggal di bandar (63.2%) dan bandaraya (60.8%). Responden yang tinggal di kawasan pinggir bandar (59.8%) dan pekan (49.2%) turut menunjukkan peratusan yang tinggi. Secara keseluruhannya majoriti responden menunjukkan kekerapan penggunaan internet yang tinggi dengan kekerapan sekurang-kurangnya 1 – 4 kali sehari.

**Jadual 5: Kekerapan Penggunaan Internet Mengikut Lokasi Tempat Tinggal**

Kekerapan	Bandaraya	Bandar	Pinggir Bandar	Pekan	Kampung	Jumlah
Lebih 5 kali sehari	152 (60.8%)	544 (63.2%)	140 (59.8%)	211 (49.2%)	121 (64.4%)	1168 (59.5%)
1-4 kali sehari	39 (15.6%)	132 (15.3%)	37 (15.8%)	82 (19.1%)	33 (17.6%)	323 (16.5%)
4-6 kali seminggu	20 (8%)	76 (8.8%)	27 (11.5%)	35 (8.2%)	12 (6.4%)	170 (8.7%)
2-4 kali seminggu	17 (6.8%)	58 (6.8%)	16 (6.8%)	57 (13.3%)	16 (8.5%)	164 (8.4%)
Sekali seminggu	20 (8%)	32 (3.7%)	13 (5.6%)	38 (8.9%)	4 (2.1%)	107 (5.5%)
Lain-lain	2 (0.8%)	19 (2.2%)	1 (0.4%)	6 (1.4%)	2 (1.1%)	30 (1.5%)
<b>Jumlah</b>	<b>250</b>	<b>861</b>	<b>234</b>	<b>429</b>	<b>188</b>	<b>1962</b>

Jadual 6 menunjukkan kecenderungan peratusan kekerapan Internet mengikut etnik adalah sama. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka menggunakan internet lebih 5 kali sehari iaitu Melayu (61.6%), Cina (60.4%), dan India (55.3%). Etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak juga menunjukkan kecenderungan peratusan yang sama iaitu 59.2% dan 59.3%.

**Jadual 6: Kekerapan Penggunaan Internet Mengikut Etnik**

Kekerapan	Melayu	Cina	India	Bumi Sabah	Bumi Sarawak	Lain	Jumlah
Lebih 5 kali sehari	605 (61.6%)	230 (60.4%)	131 (55.3%)	61 (59.2%)	131 (59.3%)	10 (26.3%)	1168 (59.5%)
1-4 kali sehari	150 (15.3%)	67 (17.6%)	45 (19.0%)	16 (15.5%)	39 (17.6%)	6 (15.8%)	323 (16.5%)
4-6 kali seminggu	100 (10.2%)	24 (6.3%)	15 (6.3%)	9 (8.7%)	20 (9.0%)	2 (5.3%)	170 (8.7%)
2-4 kali seminggu	70 (7.1%)	26 (6.9%)	17 (7.2%)	12 (11.7%)	22 (10.0%)	17 (44.7%)	164 (8.4%)
Sekali seminggu	38 (3.9%)	30 (7.9%)	25 (10.5%)	5 (4.9%)	6 (2.7%)	3 (7.9%)	107 (5.5%)
Lain-lain	19 (1.9%)	4 (1.0%)	4 (1.7%)	0 (0%)	3 (1.4%)	0 (0%)	30 (1.5%)
<b>Jumlah</b>	<b>982</b>	<b>381</b>	<b>237</b>	<b>103</b>	<b>221</b>	<b>38</b>	<b>1962</b>

#### *Aplikasi Media Sosial Yang Sering Digunakan*

Hasil analisis terhadap aplikasi media sosial yang sering digunakan (Jadual 7) menunjukkan aplikasi yang sering digunakan dalam tempoh yang lama iaitu melebihi 5 jam ialah Whatsapp dengan jumlah responden seramai 1024 (51.0%) dan mengatasi penggunaan Facebook seramai 615 (30.6%).

Terdapat juga aplikasi yang tidak digunakan oleh majoriti responden iaitu Flickr iaitu seramai 1852 orang (92.3%), Pinterest seramai 1812 orang (90.3%), Tumblr seramai 1769 orang (88.1%), Blog seramai (78.6%) dan Telegram seramai 1527 (76.1%). Aplikasi ini kurang digunakan berkemungkinan kerana terdapat alternatif aplikasi lain yang mempunyai fungsi yang sama dengan aplikasi tersebut. Sebagai contoh, untuk bersosial dan berkomunikasi responden lebih memilih untuk menggunakan aplikasi Whatsapp (n=1909) berbanding Telegram (n=980). Begitu juga dengan penggunaan aplikasi bagi berkongsi foto iaitu Instagram (n=998) yang mempunyai pengguna yang ramai berbanding Flickr (n=155).

#### *Waktu Penggunaan Media Sosial*

Jadual 8 menunjukkan waktu penggunaan media sosial yang paling digemari oleh responden. Majoriti responden menggunakan media sosial pada waktu rehat (n=1369) dan ketika bersendirian (n=1220). Analisis turut menunjukkan sebahagian kecil sahaja responden gemar menggunakan media sosial sewaktu bekerja (n=215). Waktu lain yang digemari bagi menggunakan media sosial ialah sebelum tidur (n=972), bangun dari tidur (n=718), waktu makan (n=548) dan perjalanan pergi balik

dari tempat kerja atau sekolah (n=338). Terdapat juga responen yang menggunakan media sosial pada setiap masa (n=530)


### Jadual 7: Jam Penggunaan Aplikasi Media Sosial

	Whatsapp	Telegram	Line	WeChat	Facebook	Twitter	Instagram	Blog	YouTube	Tumblr	Pinterest	LinkedIn	Google+	Flickr
Tidak Mengguna	98 (4.9%)	1527 (76.1%)	1427 (71.1%)	541 (27.0%)	254 (12.7%)	1339 (66.7%)	1009 (50.3%)	1577 (78.6%)	434 (21.6%)	1769 (88.1%)	1812 (90.3%)	1814 (90.4%)	968 (48.2%)	1852 (92.3%)
Bukan Setiap Hari	157 (7.8%)	144 (7.2%)	176 (8.8%)	237 (11.8%)	260 (13.0%)	170 (8.5%)	214 (10.7%)	174 (8.7%)	438 (21.8%)	106 (5.3%)	92 (4.6%)	88 (4.4%)	384 (19.1%)	71 (3.5%)
Kurang Dari 1 Jam	145 (3.5%)	71 (4.8%)	97 (8.5%)	171 (7.7%)	155 (4.6%)	93 (6.1%)	123 (2.3%)	46 (8.2%)	165 (1.5%)	30 (1.5%)	31 (1.5%)	28 (1.4%)	122 (6.1%)	25 (1.2%)
1 Jam	127 (6.3%)	80 (4.0%)	54 (2.7%)	118 (5.9%)	147 (7.3%)	76 (3.8%)	107 (5.3%)	53 (2.6%)	141 (7.0%)	21 (1.0%)	15 (0.7%)	11 (0.5%)	98 (4.9%)	8 (0.4%)
2 Jam	141 (7.0%)	44 (2.2%)	73 (3.6%)	140 (7.0%)	185 (9.2%)	76 (3.8%)	120 (6.0%)	35 (1.7%)	178 (8.9%)	14 (0.7%)	12 (0.6%)	16 (0.8%)	93 (4.6%)	11 (0.5%)
3 Jam	139 (6.9%)	19 (1.0%)	48 (2.4%)	118 (5.9%)	182 (9.1%)	40 (2.0%)	82 (4.1%)	35 (1.7%)	150 (7.5%)	17 (1.0%)	13 (0.6%)	15 (0.7%)	77 (3.8%)	10 (0.5%)
4 Jam	87 (4.3%)	17 (0.8%)	24 (1.2%)	75 (3.7%)	107 (5.3%)	29 (1.4%)	57 (2.8%)	21 (1.0%)	107 (5.3%)	8 (0.4%)	5 (0.2%)	9 (0.4%)	39 (1.9%)	3 (0.1%)
5 Jam	88 (4.4%)	14 (0.7%)	10 (0.5%)	94 (4.7%)	99 (4.9%)	32 (1.6%)	50 (2.5%)	13 (0.6%)	64 (3.2%)	5 (0.2%)	3 (0.1%)	3 (0.1%)	34 (1.7%)	5 (0.2%)
Lebih Lima Jam	1024 (51.0%)	90 (4.5%)	97 (4.8%)	511 (25.5%)	615 (30.6%)	149 (7.4%)	243 (12.1%)	51 (2.5%)	328 (16.3%)	35 (1.7%)	23 (1.1%)	22 (1.1%)	190 (9.5%)	20 (1.0%)

### Jadual 8: Waktu Kegemaran Penggunaan Media Sosial Berdasarkan Jantina

Waktu	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Waktu Rehat	631	738	1369
Ketika bersendirian	534	686	1220
Sebelum Tidur	444	528	972
Bangun Dari Tidur	327	391	718
Waktu Makan	228	320	548
Setiap Masa	239	291	530
Perjalanan pergi/balik sekolah/tempat kerja	167	221	388
Semasa Bekerja	93	122	215


Berdasarkan perbandingan peratusan antara lelaki dan perempuan, Rajah 2 menunjukkan perempuan lebih banyak menggunakan media sosial dalam setiap slot masa. Perbezaan paling ketara ialah sewaktu makan iaitu perempuan sebanyak 58.4% berbanding lelaki sebanyak 41.6%. Perbezaan paling sedikit adalah sewaktu makan dengan peratusan responen perempuan sebanyak 53.9% dan lelaki sebanyak 46.9%.



**Rajah 2: Perbandingan Peratus Waktu Penggunaan Media Sosial Berdasarkan Jantina**

#### **Jumlah Rakan Media Sosial**

Rajah 3 menunjukkan pecahan bilangan dan peratus jumlah rakan di media sosial. Sebahagian bersar responden iaitu seramai 496 orang (24.7%) mempunyai lebih dari 1000 orang rakan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar yang lain pula iaitu seramai 406 orang (20.2%) mempunyai kurang dari 100 orang rakan.



**Rajah 3: Bilangan dan Peratus Rakan Media Sosial**

#### **Peralatan untuk Mengakses Media Sosial**

Jadual 9 menunjukkan majoriti responden mengakses media sosial melalui telefon pintar iaitu seramai 1850 orang yang mewakili 92.2% responden. Peralatan lain kurang digunakan untuk mengakses media sosial ini, antaranya komputer riba (n=583, 29.0%), tablet (n=459, 22.9%) dan komputer meja (n=401, 20.0%). Terdapat juga responden yang mengakses media sosial menggunakan TV internet, namun

jumlahnya amat kecil iaitu 54 orang (2.7%). Dapatan ini menunjukkan penggunaan media sosial telah berubah kepada gajet berasaskan teknologi dengan pesat (Kim, & Lee, 2016; Kwon, Kim, Park, & Kim, 2016; Gok, 2016; Rigby, Brumby, Cox, & Gould, 2016; Wee, 2016).

### **Jadual 9: Peralatan untuk Mengakses Media Sosial**

<b>Peralatan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Telefon Pintar	1850	92.2
Komputer Riba	583	29.0
Tablet	459	22.9
Komputer Meja	401	20.0
TV Internet	54	2.7

### **Sebab Menggunakan Media Sosial**

Jadual 10 menunjukkan sebab-sebab utama media sosial digunakan oleh belia di Malaysia. Majoriti responden menyatakan mereka menggunakan media sosial untuk tujuan sosial iaitu berkongsi foto atau video dengan jumlah seramai 1495 (74.5%), bertautan dengan keluarga dan rakan dengan jumlah seramai 1459 (72.7%), dan bertemu kawan baru dengan jumlah seramai 1023 orang (51.0%). Media sosial juga turut digunakan dengan meluas bagi mendapatkan berita dan peristiwa semasa meliputi 1361 orang (67.8%) responden. Justeru, walaupun media sosial lebih dikenali sebagai rangkaian sosial untuk mencari aktiviti hiburan (n=915, 45.6%) dan bermain permainan online (n=633, 31.5%), namun kini media sosial turut digunakan untuk berkaitan maklumat dan kerjaya. Antaranya ialah penggunaan media mosial untuk mencari maklumat berunsurkan keagamaan (n=670, 33.4%) dan melaksanakan urusan kerja (n=660, 32.9%).

Responden juga didapati menggunakan media sosial bagi tujuan berkaitan perniagaan dan membeli belah antaranya mengikuti jenama/produk/perkhidmatan (n=659, 32.8%), mendapatkan maklumbalas/pandangan (n= 632, 31.5%), meneliti produk / perkhidmatan yang ingin dibeli (n=565, 28.2%), mengikuti jenama untuk promosi murah (n=518, 25.8%), dan menjalankan perniagaan online (n=367, 18.3%).

### **Jadual 10: Sebab Menggunakan Media Sosial**

<b>Sebab</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
1 Berkongsi foto atau video	1495	74.5
2 Bertautan dengan keluarga dan rakan	1459	72.7
3 Mendapatkan berita dan peristiwa semasa	1361	67.8
4 Bertemu kawan baru	1023	51.0

5	Mencari aktiviti hiburan	915	45.6
6	Mencari maklumat berunsurkan keagamaan	670	33.4
7	Melaksanakan urusan kerja	660	32.9
8	Mengikuti jenama / produk / perkhidmatan	659	32.8
9	Mengurus majlis atau berkongsi aktiviti	656	32.7
10	Bermain permainan online	633	31.5
11	Untuk mendapatkan maklumbalas/pandangan	632	31.5
12	Meneliti produk / perkhidmatan yang ingin dibeli	565	28.2
13	Untuk mencari pekerjaan	563	28.1
14	Meneliti destinasi percutian / tawaran percutian	544	27.1
15	Mencari orang yang mempunyai minat yang sama	523	26.1
16	Mengikuti jenama untuk promosi murah	518	25.8
17	Mengikut perkembangan selebriti	483	24.1
18	Untuk menjalankan perniagaan online	367	18.3
19	Jaringan dengan kakitangan / organisasi kerajaan	360	17.9
20	Mencari jodoh	333	16.6
21	Memberi / menulis blog tentang produk dibeli	161	8.0

## KESIMPULAN

Profil penggunaan media sosial dalam kalangan belia di Malaysia ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai penggunaan media sosial kerana ia mencakupi kawasan penembusan Internet yang tinggi mengikut rekod Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Golongan belia didapati sangat aktif menggunakan media sosial. Profil yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa kelompok wanita aktif menggunakan media sosial lebih lima kali sehari, tinggal dalam kawasan bandar, merangkumi semua etnik, menggunakan Whatsapp dan Facebook terutama ketika berehat dan bersendirian serta mempunyai rakan media sosial yang ramai. Dapatan ini bertepatan dengan kajian lepas yang turut membuktikan bahawa Wanita lebih banyak menggunakan media sosial berbanding lelaki (Hargittai, 2008; Park et al., 2009) terutamanya dalam kalangan belia (Glynn, Huge, & Hoffman, 2012). Kelompok ini juga memiliki telefon pintar (smartphone), menjalankan aktiviti perkongsian foto, video, bertautan dengan keluarga dan rakan, mendapatkan berita dan peristiwa semasa, mengekal hubungan lama dan menjalin hubungan baharu merupakan ciri profil pengguna media sosial dalam kalangan belia di Malaysia.

Profil ini menunjukkan lebih separuh belia Malaysia masih menggunakan untuk tujuan interaksi santai untuk mengerat hubungan bersesuaian dengan fungsi utamanya dalam interaksi sosial (Ancu & Cozma, 2009). Terdapat peningkatan penggunaan dalam aktiviti lain pada tahap sederhana seperti hiburan, mengurus acara, pelancongan, pembelian dalam talian dan electronic word of mouth (e-WOM). Dapatkan ini menunjukkan tiada perbezaan yang nyata dalam kekerapan media sosial di lokasi tempat tinggal yang berbeza. Keadaan ini memberi gambaran bahawa jurang digital di Malaysia semakin mengecil dengan kewujudan media sosial yang boleh diakses melalui perlbagai medium terutamanya telefon pintar.

Belia Malaysia juga semakin terbuka menerima platform media sosial untuk tujuan perniagaan dalam talian. Profil yang diperolehi ini juga bertepatan dengan kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan wujud kelompok wanita bandar dan luar bandar di Malaysia yang aktif menggunakan media sosial untuk tujuan perniagaan seperti mengiklan produk (Fuzirah, Norizan & Zaini, 2011), dan perkongsian maklumat produk/ perkhidmatan (Salamiah, Nor'ain & Nik Maheran, 2011). Keseluruhannya, belia di Malaysia mempunyai potensi besar menggunakan media untuk membina kerjaya khususnya sebagai usahawan dalam talian. Peluang dan bimbingan perniagaan dalam talian perlu diperbanyakkan oleh Kementerian Belia Malaysia melalui Pusat Latihan Belia dan Skim Bimbingan Usahawan Belia Dalam Talian. Bakat yang mereka miliki ini juga boleh disesuaikan untuk membina kerjaya dalam acuan mereka sendiri.

## RUJUKAN

- Ancu, M., & Cozma, R. 2009. MySpace politics: Uses and gratifications of befriending candidates. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 53, 567–583.
- Andreassen, C. S., Torsheim, T., & Pallesen, S. 2014. Use of online social network sites for personal purposes at work: does it impair self-reported performance? 1. *Comprehensive Psychology*, 3(1), Article-18.
- Astro Awani 24 Oktober 2013. Media sosial bukan untuk hiburan semata-mata. Diakses pada 24 Januari 2014, daripada <http://www.astroawani.com/news/show/media-sosial-bukan-untuk-hiburan-semata-mata-24504>.
- Chang, C. W., & Heo, J. 2014. Visiting theories that predict college students' self-disclosure on Facebook. *Computers in Human Behavior*, 30, 79-86.
- Charoensukmongkol, P. 2014. Effects of support and job demands on social media use and work outcomes. *Computers in Human Behavior*, 36, 340-349.

- Craig, R. 2005 Online journalism: reporting, writing and editing for new media. Belmont, CA: Wadsworth.
- Ferguson, C. J., Muñoz, M. E., Garza, A., & Galindo, M. 2014. Concurrent and prospective analyses of peer, television and social media influences on body dissatisfaction, eating disorder symptoms and life satisfaction in adolescent girls. *Journal of youth and adolescence*, 43(1), 1-14.
- Fuzirah Hashim, Zaini Amir & Norizan Abdul Razak. 2011. Empowering rural women entrepreneurs with ICT skills: An Impact study of 1Nita project in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 15 (2011) :3369–3373.
- Glynn, C. J., Huge, M. E., & Hoffman, L. H. 2012. All the news that's fit to post: A profile of news use on social networking sites. *Computers in Human Behavior*, 28(1), 113-119.
- Gok, T. 2016. The effects of social networking sites on students' studying and habits. *International Journal of Research in Education and Science*, 2(1), 85-93.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. 2010. Multivariate data analysis (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Hamid, N. A., Ishak, M. S., Ismail, S. A., & Yazam, S. S. N. M. 2013. Social media usage among university students in Malaysia. *Social Media and the New Academic Environment: Pedagogical Challenges*, 244-255.
- Hargittai, E. 2008. Whose space? Differences among users and non-users of social network sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13, 276–297.
- Jafri, H. 2015. A Study on Facebook Addiction and its Relationship with Emotional Experience and Coping Strategies. *The International Journal of Indian Psychology*, 2(4), 7-14.
- Johnston, K. M. 2008. 'The Coolest Way to Watch Movie Trailers in the World' Trailers in the Digital Age. *Convergence: The International Journal of Research into New Media Technologies*, 14(2), 145-160.
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. 2010. Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media. *Business Horizons*, 53(1), 59-68
- Kim, H., & Lee, B. G. 2016. An Investigation of Media Users Watching Movies through Various Media. *International Journal of Applied Engineering Research*, 11(2), 1167-1170.

- Kwon, K. I., Kim, H. J., Park, M., & Kim, S. R. 2016. The Functional Change of Accommodation and Convergence in the Mid-Forties by Using Smartphone. *Journal of Korean Ophthalmic Optics Society*, 21(2), 127-135.
- Lacalle, C., & Pujol, C. 2016. Gender, generation and reception of Spanish television fiction in the digital age. *International Journal of Digital Television*, 7(2), 217-231.
- Leung, L. 2015. A Panel Study on the Effects of Social Media Use and Internet Connectedness on Academic Performance and Social Support. *International Journal of Cyber Behavior, Psychology and Learning (IJCBL)*, 5(1), 1-16.
- Lin, K. Y., & Lu, H. P. 2011. Why people use social networking sites: An empirical study integrating network externalities and motivation theory. *Computers in Human Behavior*, 27(3), 1152-1161.
- Madden, M. 2009. The audience for online video-sharing sites shoots up. Pew Internet & American Life Project.
- Oh, H. J., Ozkaya, E., & LaRose, R. 2014. How does online social networking enhance life satisfaction? The relationships among online supportive interaction, affect, perceived social support, sense of community, and life satisfaction. *Computers in Human Behavior*, 30, 69-78.
- Orosz, G., Vallerand, R. J., Bőthe, B., Tóth-Király, I., & Paskuj, B. 2016. On the correlates of passion for screen-based behaviors: The case of impulsivity and the problematic and non-problematic Facebook use and TV series watching. *Personality and Individual Differences*, 101, 167-176.
- Ozer, I., Karpinski, A. C., & Kirschner, P. A. 2014. A cross-cultural qualitative examination of social-networking sites and academic performance. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 112, 873-881.
- Park, N., Kee, K. F., & Valenzuela, S. 2009. Being immersed in social networking environment: Facebook groups, uses and gratifications, and social outcomes. *Cyberpsychology & Behavior*, 12, 729-733.
- Reinecke, L., & Trepte, S. 2014. Authenticity and well-being on social network sites: A two-wave longitudinal study on the effects of online authenticity and the positivity bias in SNS communication. *Computers in Human Behavior*, 30, 95-102.

- Rigby, J. M., Brumby, D. P., Cox, A. L., & Gould, S. J. (2016, September). Watching movies on netflix: investigating the effect of screen size on viewer immersion. In Proceedings of the 18th International Conference on Human-Computer Interaction with Mobile Devices and Services Adjunct (pp. 714-721). ACM.
- Ryan, T., Chester, A., Reece, J., & Xenos, S. 2014. The uses and abuses of Facebook: A review of Facebook addiction. *Journal of behavioral addictions*, 3(3), 133-148.
- Safko, L. 2010. The social media bible: Tactics, tools and strategies for business success. (2n ed). New Jersey: John Wiley & Sons.
- Salamiah, A. J., Nor'ain, O., & Nik Maheran, N. M. 2011. The moderating Influence of Psychographics in Homestay Tourism in Malaysia. *Journal of Travel and Tourism Marketing*, 28(1), 48-61.
- Socialbakers.com 2013. Diakses pada 24 Januari 2014, daripada [http://w. ww.socialbakers.com/facebook-pages/brands/](http://www.socialbakers.com/facebook-pages/brands/)
- Syahir Mat Ali & Fatin Hasnan.2011. Kesan aplikasi rangkaian sosial terhadap pengguna Internet: Penyelidikan keselamatan siber dan polisi. CyberSecurity Malaysia.
- Wee, A. 2016. More than 55% Malaysians prefer YouTube than TV, says report. Sign.
- Whiting, A., & Williams, D. 2013. Why people use social media: a uses and gratifications approach. *Qualitative Market Research: An International Journal*, 16(4), 362-369.

**Profil Penulis :**

**Mohd Sobhi Ishak, Phd**  
*Jabatan Teknologi Multimedia  
Universiti Utara Malaysia  
msobhi@uum.edu.my*

**Awan Ismail**  
*Jabatan Teknologi Multimedia  
Universiti Utara Malaysia  
awan@uum.edu.my*

**Bakri Mat, Phd**  
*Universiti Utara Malaysia  
bakri@uum.edu.my*

**Azahar Kassim**  
*Universiti Utara Malaysia  
w\_azahar@uum.edu.my*

**Shariffah Mamat**  
*Penyelidik  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia  
noratiqah@iyres.gov.my*

**Norati'qah Talib**  
*Penyelidik  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia  
noratiqah@iyres.gov.my*



## PENGARUH PROGRAM TELEVISYEN TERHADAP PERKEMBANGAN SOSIAL BELIA

MOHD SOBHI ISHAK, AWAN ISMAIL, BAKRI MAT, AZAHAR KASSIM,  
SHARIFFAH MAMAT & NORATI'QAH TALIB

### ABSTRAK

*Pengaruh program televisyen (TV) terhadap belia telah mendapat perhatian pengkaji sains sosial di seluruh dunia sejak tahun 1950an hingga kini. Artikel ini bertujuan bagi membincangkan pola dan motif tontonan televisyen dalam kalangan belia Malaysia pada masa kini. Kajian tinjauan secara keratan rentas berbantuan borang soal selidik telah dijalankan terhadap 2007 orang belia berumur 15 hingga 40 tahun. Persampelan rawak berstrata tak seimbang pelbagai tahap digunakan meliputi 20 buah kawasan dari 9 negeri. Data analisis secara deskriptif dalam bentuk bilangan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian berkaitan pola tontonan TV menunjukkan majoriti responden adalah penonton paling tegar yang menonton lebih dari 5 jam sehari. Slot waktu kegemaran menonton ialah antara jam 6.00 petang hingga 10.00 malam. Dapatan kajian juga menunjukkan TV sering ditonton bersama ahli keluarga yang lain berbanding dengan ibu bapa dan rakan-rakan. Manakala program TV yang paling digemari ialah filem dan drama. Analisis terhadap motif tontonan pula menunjukkan min persetujuan sederhana tinggi terhadap motif pembelajaran, bersantai dan mengisi masa lapang. Min persetujuan sederhana rendah pula ialah berkaitan motif TV sebagai peneman, rangsangan dan eskapisme. Motif utama responden ialah untuk mengetahui apa yang berlaku di seluruh dunia dan mengisi masa lapang. Dapatan kajian ini dapat memberi input terhadap perancangan program TV yang dapat meningkatkan perkembangan sosial belia di Malaysia.*

**Kata Kunci:** Belia, Televisyen, Pola dan Motif Tontonan

### ABSTRACTS

*The influence of television program (TV) to the youth has gained the attention of worldwide researchers in social sciences since the 1970s. This article aims to discuss the patterns and motives in television viewing among today's young Malaysians. A cross-sectional survey using a questionnaire was conducted on 2,007 young people aged 15 to 40 years. Multistage disproportionate stratified random sampling technique was used covering 20 districts of 9 states. Data were analysed descriptively in the form of numbers, percentages, means and standard deviations. The findings related to TV viewing patterns showed that the majority of respondents are heavy viewers who watch more than 5 hours a day. The favourite time for watching TV slot is between 6.00 pm to 10.00 pm. The findings also showed that TV is often viewed with other family members rather than with parents and friends. Meanwhile, the most popular TV program watched was the film and drama. Analysis*

*of the motives elicited a moderately high in learning motive, relaxing and pass the time. An analysis of TV viewing patterns showed higher mean simple approval to the motive of learning, recreation and leisure. Min simple agreement is low regarding the motives of TV as a companion, excitement and escapism. The main motive of the respondents is to find out what's happening around the world and spend their spare time. The findings of this study can provide input to the planning TV programs that improve youth development in Malaysia.*

**Keywords:** Youth, Television, Television Viewing Patterns and Motives

## PENGENALAN

Dewasa ini kebimbangan mengenai landas fikir yang salah dan tingkah laku yang negatif dalam kalangan belia menjadi isu serius dalam masyarakat. Pada suatu ketika, negara pernah dilanda isu gejala sosial yang dikaitkan dengan belia. Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Kuala Lumpur pada tahun 2009 mendedahkan seramai 3,263 pelajar sekolah terbabit dalam 2,003 kes salah laku (“Kempen ‘Minggu Tidak Menonton Televisyen’ patut disambut baik”, Berita Harian, 21 April 2010). Menurut laporan tersebut, antara punca masalah sosial yang melanda remaja dan golongan belia ini ialah pengaruh negatif program televisyen (TV) yang dikategorikan sebagai kurang sihat. Kenyataan ini dibuat berdasarkan kajian oleh FOMCA pada tahun 2005 yang menunjukkan 73% masa lapang golongan muda dihabiskan untuk menonton TV di antara 3-5 jam sehari khususnya selepas waktu sekolah dan pada waktu malam.

Permasalahan mengenai pengaruh program TV terhadap belia telah lama mendapat perhatian saintis sains sosial. Fokus utama kajian sejak awal tahun 1950-an hingga pada tahun 1990-an iaitu pada peringkat awal TV diperkenalkan ialah berkaitan kesan negatif tontonan tv terhadap kanak-kanak, remaja dan belia (antaranya Wertham, 1954; Belson, 1978; Comstock, Chaffee, & Katzman, 1978; Comstock & Paik, 1991; Paik & Comstock; 1994). Program TV yang sebelumnya dianggap sebagai medium panduan dan pendidikan dikatakan mula menguasai minda belia dengan nilai yang jauh bertentangan dengan adat ketimuran yang akhirnya mempengaruhi tingkah laku dalam kehidupan sehari-hari. Situasi inilah yang dilihat ketika ini sebagai trend ikutan golongan remaja dan belia (Abdullah Sulong, & Mawaddah Abdullah, 2010; Wan Norina, et al, 2013). Justeru itu, kajian berkaitan tontonan TV masih menjadi tumpuan pengkaji walaupun terdapat kemunculan pelbagai media alternatif dalam abad ke-21 (antaranya Hawkin et al., 2001; Chan-Olmsted & Chang, 2006; Askwith, 2007; Geerts, Cesar, Bulterman, 2008; Moyer-Gusee & Nabi, 2010; Greer & Ferguson, 2011; Guo & Chan-Olmsted, 2015).

Berdasarkan Teori Penggunaan dan Pemuasan Kehendak (Uses and Gratification Theory) (Katz, Blumler, & Gurevitch, 1974), perubahan citarasa

pengguna, masyarakat dan media membentuk satu sistem yang turut merubah pola dan motif tontonan sesuatu media. Rubin (1979) mendapati terdapat enam motif tontonan TV dalam kalangan remaja di Amerika Syarikat iaitu untuk pembelajaran, mengisi masa lapang/kebiasaan, peneman, eskapisme, rangsangan dan bersantai. Motif tontonan ini akan mempengaruhi pemilihan program TV (Rubin, 1979). Rubin (1979) juga mendapati individu yang mempunyai motif yang ketara seperti eskapisme, kebiasaan, dan peneman menonton TV dalam tempoh yang lebih lama.

Penonton TV dikategorikan kepada tiga kumpulan mengikut kekerapan penontonan dalam sehari iaitu, penonton TV tidak tegar, penonton TV tegar, dan penonton TV paling tegar. Penonton TV paling tegar ialah mereka yang menonton lebih daripada 5 jam sehari, penonton tegar menonton 3 hingga 5 jam sehari, manakala penonton kurang tegar menonton kurang daripada 3 jam sehari (Lee, Irey, & Carlson, 2009; Davis & Maria, 2015). Kaedah pengklasifian ini adalah berdasarkan kajian yang menunjukkan bahawa purata tontonan TV adalah antara 3 hingga 5 jam sehari (Nie, Simpler, Stepanikova, & Zheng, 2005; Nielsen, 2011). Teori Penyemaian (Cultivation Theory) menjelaskan bahawa penonton TV tegar akan lebih mempunyai konsepsi bahawa paparan di TV adalah realiti sosial yang berlaku di dunia luar (Morgan, Shanahan, & Signorielli, 2009; Anthony, et al., 2014). Kajian Shrum et al. (2011) mendapati hubungan antara tontonan televisyen dan penilaian pemikiran pengguna ini wujud secara signifikan.

Bertitik tolak daripada perubahan lanskap penggunaan media di negara ini dan pengaruh tontonan TV dalam pembentukan peribadi belia, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pola dan motif tontonan TV berdasarkan model Rubin (Rubin, 1983) dalam kalangan belia di Malaysia

## METODOLOGI

Kajian tinjauan berdasarkan reka bentuk keratan rentas (cross-sectional) dijalankan menggunakan borang soal selidik bercetak. Reka bentuk ini sesuai dengan pengumpulan data pada satu titik masa kepada kumpulan sampel yang dapat mewakili populasi kajian (Babbie, 2010). Subjek kajian ini ialah golongan belia di seluruh Malaysia yang aktif menonton TV. Golongan belia ini meliputi peringkat umur yang digunakan dalam takrifan belia di Malaysia iaitu 15 hingga 40 tahun.

Pemilihan sampel kajian adalah menggunakan teknik persampelan rawak berstrata tak seimbang pelbagai tahap (multistage disproportionate stratified random sampling technique). Kajian ini melibatkan 2007 orang responden dari 20 buah kawasan bandar dan luar bandar meliputi sembilan buah negeri di Malaysia. Penggunaan teknik ini diharap dapat memperolehi sampel yang merentasi populasi belia di Malaysia supaya generalisasi dapat dilakukan dengan tepat. Sungguhpun jumlah maksimum sampel sebanyak 400 adalah mencukupi bagi mewakili infiniti

populasi (Krejcie & Morgan, 1970; Hair et al., 2010), penggunaan sebanyak 2007 responden akan membolehkan generalisasi turut dilakukan berdasarkan zon dan negeri yang dapat memberi impak terperinci kepada 37 juta populasi belia di Malaysia.

Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat umum mengenai latar belakang responden manakala Bahagian B mengandungi maklumat berkaitan penggunaan televisyen. Antara pemboleh ubah dalam bahagian A ialah jantina, umur, etnik, agama, tahap pendidikan tertinggi, lokasi tempat tinggal sekarang, dan pendapatan kasar bulanan (isirumah). Skala pengukuran nominal diguna sebagai pengukuran bagi pemboleh ubah dalam bahagian ini.

Bahagian B mengandungi soalan berkaitan tontonan TV iaitu jumlah jam tontonan berdasarkan waktu sering menonton. Ia bertujuan mengukur tahap pendedahan terhadap program TV berdasarkan dua soalan utama iaitu jumlah jam tontonan (pada hari cuti dan hari bekerja) dimana purata tontonan keduanya akan memberikan cerapan tontonan lebih tepat (Rubin, 1979). Soalan lain yang dikemukakan ialah slot waktu kegemaran menonton, teman menonton, tiga program kegemaran yang ditonton, kategori program digemari, dan medium lain diguna untuk menonton. Kesemua pemboleh ubah tersebut diukur menggunakan skala nominal. Sebanyak 24 sebab responden menonton TV yang diadaptasi daripada kajian Greenberg (1974) dan kajian Rubin (1979, 1983, 1986, 1987a, 1987b, 2009) digunakan untuk mengukur motif tontonan TV. Ia disusun dalam enam kategori iaitu pembelajaran (6 item), masa lapang/kebiasaan (6 item), teman (3 item), eskapisme (3 item), rangsangan (3 item), dan santaian (3 item). Kesemua item diukur menggunakan skala likert 10 tahap (1=tidak setuju hingga 10=sangat setuju). Penganalisaan data dilakukan menggunakan statistik deskriptif melibatkan perihalan semua pemboleh ubah kajian berkaitan berdasarkan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 2007 orang responden. Jadual 1 menunjukkan seramai 1044 (52.0%) responden terdiri dari apda perempuan dan selebihnya sebanyak 48% iaitu seramai 963 responden lelaki. Responden yang paling ramai adalah terdiri daripada mereka yang berumur 15-20 tahun iaitu sebanyak 32.9%. Ianya diikuti oleh 588 (29.3%) responden berumur 21-25 tahun dan 422 (30.7%) responden berumur 26-30 tahun manakala selebihnya 336 (16.7%) berumur dalam kategori 31-40 tahun.

### **Jadual 1: Jantina dan Umur Responden**

<b>Profil (N=2007)</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	963	48.0
Perempuan	1044	52.0
<b>Kategori Umur</b>		
15-20 tahun	661	32.9
21-25 tahun	588	29.3
26-30 tahun	422	21.0
31-40 tahun	336	16.7

Responden kajian ini meliputi tiga etnik terbesar di Malaysia iaitu Melayu (49.7%), Cina (19.2%) dan India (12.1%). Responden bagi kumpulan etnik Bumiputera Sarawak terdiri daripada responen dalam etnik Iban, Melanau, Penan, Kayan dan Bidayuh yang meliputi 231 (11.5%) responden. Kajian juga melibatkan responden dalam kalangan Bumiputera Sabah yang terdiri daripada kumpulan etnik Bajau, banjar, Brunei, Bugis, Dusun, Kadazan Dusun, Kagayan, Suluk, Sungai, Sino Dusun, dan Tidung seramai 231 (5.6 %) orang.

### **Jadual 2: Kumpulan Etnik**

<b>Etnik (N=2007)</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Melayu	997	49.7
Cina	385	19.2
India	243	12.1
Bumiputera Sarawak	231	11.5
Bumiputera Sabah	113	5.6
Lain-Lain	38	1.9

Jadual 3 menunjukkan majoriti responden tinggal di kawasan bandar (43.3%) dengan jumlah seramai 870 orang. Ini diikuti 451 (22.5%) responden dari kawasan pekan, 240 (12.0%) dari kawasan pinggir bandar dan 255 (12.7%) responden dari kawasan bandaraya.

### **Jadual 3: Lokasi Tempat Tinggal Responden**

<b>Lokasi Tempat Tinggal (N=2007)</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bandaraya	255	12.7
Bandar	870	43.3

Pinggir Bandar	240	12.0
Pekan	451	22.5
Kampung	191	9.5

Responden berkelulusan SPM dan kebawah ialah seramai 981 (48.8%) orang. Ia mewakili responden berkelulusan SPM/SMAM seramai 664 (33.1%) orang, SRP/PMR/SRAM seramai 204 (10.2%), tidak tamat sekolah menengah seramai 79 (3.9%), penilaian darjah 5/UPSR seramai 24 (1.2%), dan tidak tamat sekolah rendah seramai 10 (.5%). Responden yang bependidikan tinggi iaitu diploma dan keatas pula ialah sebanyak 38.1% iaitu 764 responden. Kumpulan ini terdiri daripada responden berkelulusan diploma seramai 489 (24.4%), Ijazah Sarjana Muda seramai 260 (13.0%) orang, Ijazah Sarjana seramai 11 (.5%) orang, dan Ijazah Kedoktoran seramai 4 (.2%) orang. Sebahagian kecil responden pula tidak bersekolah iaitu seramai 31 (1.5%) orang.

**Jadual 4: Tahap Pendidikan Tertinggi**

Tahap Pendidikan (N=2007)	Kekerapan	Peratus
SPM/SMAM	664	33.1
Diploma	489	24.4
Ijazah Sarjana Muda	260	13.0
SRP/PMR/SRAM	204	10.2
STPM/STAM	153	7.6
Tidak Tamat Sekolah Menengah	79	3.9
Sijil Kemahiran	78	3.9
Tidak Bersekolah	31	1.5
Penilaian Darjah 5/UPSR	24	1.2
Ijazah Sarjana	11	.5
Tidak Tamat Sekolah Rendah	10	.5
Ijazah Kedoktoran	4	.2

### **Pola Tontonan TV**

Jadual 5 menunjukkan pengklasifikasi tahap tonton mengikut jumlah jam tontonan sehari. Majoriti responden dikategorikan sebagai penonton paling tegar dengan jumlah masa tontonan lebih daripada 5 jam sehari iaitu 65.6% bagi kumpulan masih belajar dan 63.2% bagi kumpulan yang telah bekerja. Sebahagian kecil responden dikategorikan sebagai penonton yang kurang tegar iaitu antara 12.1% hingga 14.6 %. Dapatkan ini menyokong hasil dapatan kajian-kajian terdahulu bahawa majoriti penonton TV adalah penonton tegar (Lee, Irey, & Carlson, 2009; Davis & Maria, 2015; Nie, Simpser, Stepanikova, & Zheng, 2005; Nielsen, 2011).

**Jadual 5: Klasifikasi Tontonan**

<b>Waktu</b>	<b>Penonton Kurang Tegar (&lt; 3 jam sehari)</b>	<b>Penonton Tegar (3 - 5 jam sehari)</b>	<b>Penonton Paling Tegar<br (&gt;="" 5="" b="" jam="" sehari)<=""/></b>
Masih Belajar (n=215)	26 (12.1%)	48 (22.3%)	141 (65.6%)
Telah Bekerja (n=446)	65 (14.6%)	99 (22.2%)	282 (63.2%)

Jadual 6 menunjukkan slot waktu yang digemari bagi menonton TV. Berdasarkan jadual tersebut didapati bahawa, waktu yang menjadi kegemaran ialah pada jam 6.00 petang hingga 9.59 malam dengan jumlah responden seramai 1298 (64.7%). Waktu kedua yang digemari ialah selepas jam 10 malam hingga jam 1.59 pagi dengan jumlah responden seramai 881 (43.9%). Pada waktu siang, waktu yang digemari ialah pada jam 2.00 petang hingga 5.59 petang (n=512, 25.5%), dan pada jam 10.00 pagi hingga 1.59 petang (n=236, 11.8%). Dapatkan ini menepati laporan kajian oleh FOMCA pada thaun 2005 bahawa golongan muda banyak menghabiskan waktu untuk menonton TV selepas waktu sekolah dan pada waktu malam (“Kempen ‘Minggu Tidak Menonton Televisyen’ patut disambut baik”, Berita Harian, 21 April 2010).

**Jadual 6: Slot Waktu Kegemaran Menonton**

<b>Slot Waktu Tontonan (N=2007)</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
6.00 pagi – 9.59 pagi	102	5.1
10.00 pagi - 1.59 petang	236	11.8
2.00 petang – 5.59 petang	512	25.5
6.00 petang - 9.59 malam	1298	64.7
10.00 malam - 1.59 pagi	881	43.9
2.00 pagi – 5.59 pagi	93	4.6

Majoriti responden iaitu seramai 1621 (80.8%) menonton TV bersama ahli keluarga yang lain. Responden juga didapati menonton bersama ibu bapa (24.7%) dan rakan-rakan (20.8%). Hanya sebahagian kecil responden menonton TV secara berseorangan (3.9%)

**Jadual 7: Tontonan Bersama**

<b>Tontonan Bersama (N=2007)</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Ahli Keluarga Lain	1621	80.8
Ibu Bapa	496	24.7

Rakan-Rakan	417	20.8
Berseorangan	78	3.9

Jadual 8 menunjukkan sebahagian besar responden menonton program TV berbentuk Filem iaitu seramai 1588 (79.1%), diikuti oleh program drama iaitu seramai 1262 (62.9%), dan program hiburan iaitu seramai 1117 (55.7%). Hampir separuh daripada responden pula gemar menonton TV bagi program berita iaitu seramai 941 (46.9%) dan sukan iaitu seramai 821 (40.9%). Program yang kurang digemari oleh responden ialah bual bicara iaitu seramai 180 orang (9.0%) dan pemasaran iaitu seramai 155 orang (7.7%).

**Jadual 8: Kategori Program Digemari**

Kategori Program	Kekerapan	Peratus
Filem	1588	79.1
Drama	1262	62.9
Hiburan	1117	55.7
Berita	941	46.9
Sukan	821	40.9
Rancangan Realiti	788	39.3
Masakan	661	32.9
Agama	619	30.8
Dokumentari/Majalah	609	30.3
Sukan Ekstrem	266	13.3
Bual Bicara (Talk Show)	180	9.0
Pemasaran (Contoh: GoShop)	155	7.7

Dapatan kajian menunjukkan medium dalam talian yang digunakan bagi menonton program TV ialah melalui aplikasi media sosial iaitu YouTube seramai 1520 (75.7%) dan Facebook seramai 995 (49.6%). Sebahagian besar responden turut menonton TV melalui Tonton iaitu seramai 535 (26.7%) dan Website Movie iaitu seramai 465 (23.2%). Peratusan kecil responden pula menonton TV melalui Web TV (6.2%) dan TV kereta (4.4%).

**Jadual 9: Medium Dalam Talian bagi Tontonan Program TV**

Medium	Kekerapan	Peratus
YouTube	1520	75.7
FaceBook	995	49.6

Tonton	535	26.7
Website Movie	465	23.2
Web TV	124	6.2
TV Kereta	89	4.4

### **Motif Tontonan TV**

Jadual 10 menunjukkan terdapat 6 kategori motif tontonan dengan nilai kebolehpercayaan setiap konstruk berdasarkan nilai alfa cronbach ( $\alpha$ ) antara .79 hingga .90 iaitu pembelajaran ( $\alpha = .82$ ), bagi mengisi masa lapang atau kebiasaan ( $\alpha = .82$ ), TV menjadi sebagai peneman ( $\alpha = .82$ ), menonton TV sebagai satu eskapisme ( $\alpha = .79$ ), mononton TV sebagai rangsangan ( $\alpha = .90$ , dan bersantai ( $\alpha = .88$ ).

Dapatan kajian menunjukkan kecenderungan persetujuan bagi motif pembelajaran adalah berpusat pada tahap sederhana tinggi ( $M=6.66$ ,  $SP=2.80$ ). Persetujuan yang paling tinggi ialah terhadap motif “Untuk mengetahui apa yang berlaku di seluruh dunia” ( $M=7.64$ ,  $SP=2.48$ ). Motif kedua ialah “Untuk belajar membuat sesuatu yang tidak pernah dibuat sebelumnya” ( $M=6.82$ ,  $SP=3.56$ ). Motif lain berkaitan pembelajaran turut menunjukkan min persetujuan yang sederhana tinggi iaitu “Kerana ia mengajar perkara yang tidak dipelajari di sekolah” ( $M=6.55$ ,  $SP=2.71$ ), “Supaya saya belajar apa yang berkemungkinan berlaku kepada diri saya” ( $M=6.23$ ,  $SP=2.69$ ), dan “Kerana ia membantu saya mempelajari mengenai diri sendiri” ( $M=6.13$ ,  $SP=2.69$ ).

Motif kedua yang menjelaskan mengapa responden menonton TV ialah bagi bersantai ( $M=6.04$ ,  $SP=2.88$ ). Menonton TV dapat merehatkan diri ( $M=6.19$ ,  $SP=2.80$ ), menenangkan fikiran ( $M=6.10$ ,  $SP=2.85$ ), dan meredakan perasaan ( $M=5.82$ ,  $SP=2.99$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan responden menonton TV bagi mengisi masa lapang atau menjadi salah satu kebiasaan hidup mereka ( $M=6.01$ ,  $SP=2.86$ ). Responden menunjukkan kecenderungan yang sederhana tinggi bagi motif menonton TV untuk mengisi masa terluang ( $M=6.86$ ,  $SP=3.32$ ), menonton TV apabila tiada aktiviti lain yang lebih penting ( $M=6.46$ ,  $SP=2.69$ ) dan memberikan responden suatu aktiviti untuk dilakukan ( $M=6.25$ ,  $SP=2.66$ ). Manakala beberapa aspek lain menunjukkan min persetujuan sederhana rendah iaitu motif kerana seronok menonton TV ( $M=5.71$ ,  $SP=2.80$ ), kerana suka menonton TV ( $M=5.59$ ,  $SP=2.84$ ), dan kerana telah menjadi tabiat saya ( $M=5.18$ ,  $SP=2.87$ ). Motif peneman turut menunjukkan min persetujuan pada tahap sederhana tinggi ( $M=5.78$ ,  $SP=2.98$ ). Menonton TV dapat menghilangkan kesunyian ( $M=5.95$ ,  $SP=2.84$ ), menonton TV apabila tiada siapa untuk berbual atau bermain ( $M=5.78$ ,  $SP=2.84$ ), dan supaya saya rasa tidak keseorangan ( $M=5.62$ ,  $SP=3.25$ ).

Berdasarkan Jadual 10, dapatan kajian turut menunjukkan responden menonton TV dengan motif ransangan ( $M=4.40$ ,  $SP=2.89$ ) dan eskapisme ( $M=3.99$ ,  $SP=2.96$ ) pada tahap sederhana rendah. Motif ransangan menunjukkan responden

menonton TV kerana ia mengasyikkan perasaan ( $M=4.46$ ,  $SP=2.91$ ), merangsang perasaan ( $M=4.40$ ,  $SP=2.88$ ), dan mengelorakan perasaan ( $M=4.33$ ,  $SP=2.88$ ). Manakala bagi motif eskapisme, TV ditonton supaya responden boleh melupakan tentang kerja sekolah / kerja rumah yang perlu dibuat ( $M=4.70$ ,  $SP=2.92$ ), mengelak daripada urusan sedang dibuat ( $M=3.69$ ,  $SP=2.78$ ), dan mengelak daripada ahli keluarga lain ( $M=3.59$ ,  $SP=3.19$ ).

**Jadual 10: Motif Tontonan TV**

<b>Item</b>		<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
<b>Pembelajaran (<math>\alpha = .82</math>)</b>		<b>6.66</b>	<b>2.80</b>
1 Untuk mengetahui apa yang berlaku di seluruh dunia.	7.64	2.48	
2 Untuk belajar membuat sesuatu yang tidak pernah dibuat sebelumnya.	6.82	3.56	
3 Untuk mengetahui bagaimana orang lain menyelesaikan masalah yang serupa.	6.59	2.67	
4 Kerana ia mengajar perkara yang tidak dipelajari di sekolah	6.55	2.71	
5 Supaya saya belajar apa yang berkemungkinan berlaku kepada diri saya.	6.23	2.69	
6 Kerana ia membantu saya mempelajari mengenai diri sendiri.	6.13	2.69	
<b>Santaian (<math>\alpha = .88</math>)</b>		<b>6.04</b>	<b>2.88</b>
1 Kerana ia dapat merehatkan diri.	6.19	2.80	
2 Kerana ia menenangkan fikiran.	6.10	2.85	
3 Kerana ia meredakan perasaan.	5.82	2.99	
<b>Masa Lapang/Kebiasaan (<math>\alpha = .82</math>)</b>		<b>6.01</b>	<b>2.86</b>
1 Untuk mengisi masa terluang.	6.86	3.32	
2 Apabila tiada aktiviti lain yang lebih penting.	6.46	2.69	
3 Kerana ia memberikan saya suatu aktiviti untuk dilakukan.	6.25	2.66	
4 Kerana saya seronok menonton tv.	5.71	2.80	
5 Kerana saya suka menonton tv	5.59	2.84	
6 Kerana telah menjadi tabiat saya.	5.18	2.87	
<b>Peneman (<math>\alpha = .82</math>)</b>		<b>5.78</b>	<b>2.98</b>
1 Kerana ia menghilangkan kesunyian.	5.95	2.84	

2	Apabila tiada siapa untuk berbual atau bermain.	5.78	2.84
3	Supaya saya rasa tidak keseorangan.	5.62	3.25
<b>Rangsangan (<math>\alpha = .90</math>)</b>		<b>4.40</b>	<b>2.89</b>
1	Kerana ia mengasyikkan perasaan saya.	4.46	2.91
2	Kerana ia merangsang perasaan saya.	4.40	2.88
3	Kerana ia mengelorakan perasaan saya.	4.33	2.88
<b>Eskapisme (<math>\alpha = .79</math>)</b>		<b>3.99</b>	<b>2.96</b>
1	Supaya saya boleh melupakan tentang kerja yang perlu dibuat.	4.70	2.92
2	Untuk mengelak daripada urusan sedang dibuat.	3.69	2.78
3	Untuk mengelak daripada ahli keluarga lain.	3.59	3.19

## **KESIMPULAN**

Kajian ini menyediakan beberapa gambaran yang menarik. Pertama, jumlah tontonan yang tinggi ini mempunyai kaitan dengan profil diri responden yang majoritinya adalah perempuan, berpendidikan peringkat SPM dan tinggal dalam kawasan bandar.

Kedua, Kumpulan penonton tegar TV ini menonton melebihi 5 jam sehari dimana kebanyakannya adalah belia yang masih bersekolah dan baru bekerja dalam kategori umur 15 hingga 25 tahun. Tahap tontonan yang tinggi setiap hari ini berkemungkinan menyebabkan golongan ini menyerap pelbagai maklumat hasil tontonan TV tanpa disedari. Kesan berganda dalam serapan maklumat ini boleh berlaku lebih tinggi pada golongan belia masih bersekolah berbanding kumpulan telah bekerja. Hal ini disebabkan oleh belia masih bersekolah mempunyai kapasiti, penumpuan dan penglibatan yang tinggi dengan TV disokong oleh ruang masa menonton yang banyak biasanya di antara 2 petang hingga 10 malam. Kesan serapan maklumat bersifat kumulatif ini berlaku secara perlahan-lahan dalam jangka masa yang panjang. Kesan inilah yang akhirnya akan mencorak realiti sosial kepada belia hasil tontonan TV. Tambahan pula, golongan belia masih bersekolah mempunyai daya penaakulan (inferensi) dan keterlibatan dalam struktur sosial masyarakat yang rendah. Ia ditambah pula oleh pengalaman hidup yang kurang menjadikan mereka mempunyai kecenderungan tinggi untuk menerima dan mempercayai realiti sosial sebagaimana yang digambarkan melalui program-program yang mereka tonton melalui TV. Dapatan ini bertepatan dengan kajian-Kajian terdahulu dalam Cultivation Theory oleh Gerbner dan Gross (1976a & 1976b, Rubin, 1979; 1983) dan kajian-kajian terkini (antaranya Morgan, Shanahan, & Signorielli, 2009; Shrum et al., 2011; Anthony, et al., 2014) bahawa penonton TV tegar akan lebih mempunyai konsepsi bahawa paparan di TV adalah realiti sosial yang berlaku di dunia luar. Kajian mengukuhkan konsep yang dibawa oleh teori ini sebagaimana

dikatakan oleh Shrum et al. (2011) bahawa hubungan antara tontonan televisyen dan pembentukan pemikiran penonton wujud secara signifikan.

  - Seseorang yang layak untuk menjadi penjamin tidak boleh menjamin lebih dari dua 2 orang peminjam dalam satu-satu masa.
- ix. Borang permohonan yang lengkap dan kertas kerja mestilah dihantar kepada

Kementerian Belia dan Sukan melalui institusi kewangan yang dilantik.

- x. Hanya satu pinjaman Skim Belia Negara atau SBT sahaja dibenarkan pada satu-satu masa.

Pengkaji mendapati bahawa yarat-syarat yang ditetapkan ini bertujuan untuk memastikan mereka yang mahu mendapatkan pinjaman terutamanya kaum belia benar-benar serius untuk menjalankan sebarang aktiviti perniagaan apabila pihak Kementerian Belia dan Sukan memberi kelulusan. Kesemua syarat-syarat ini digariskan juga untuk memastikan golongan belia yang layak benar-benar boleh memberi pulangan yang berbaloi dengan bantuan melalui Tabung Ekonomi Belia yang telah diberikan. Terdapat beberapa jenis skim dalam Tabung Ekonomi Belia seperti Skim Belia Niaga dan Skim Belia Tani.

### **Skim Belia Niaga (SBN)**

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia telah dilantik sebagai institusi kewangan bagi menyelia Skim Belia Negara ini. Skop projek yang dibenarkan dibawah skim ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

- Perkhidmatan (klinik, pelancongan, solekan, pusat tuisyen, dan lain-lain).
- Pembuatan (kraftangan, pakaian dan anyaman).
- Perniagaan ICT (kedai internet dan pusat latihan, kedai fotokopi, alat tulis dan pembayaran bil).
- Kiosk atau Gerai atau Pasar Malam atau Penjaja (burger, aiskrim, stokis dan francais, perniagaan berkoncepkan jualan langsung)

### **Skim Belia Tani**

Bank Pertanian Malaysia dilantik sebagai pengurus dana yang bertanggungjawab untuk memberi pembiayaan melalui skim ini. SBT dikhatusukan untuk apa-apa aktiviti atau perniagaan yang berorientasikan pertanian. Ini bertujuan untuk membuka minat golongan belia supaya menceburi bidang pertanian selaras dengan hasrat mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi satu ketika dahulu yang memperkenalkan konsep pertanian suatu perniagaan. Maka, pihak kerajaan mengambil inisiatif ini untuk memastikan golongan belia diberi peluang memajukan sektor pertanian negara. Pengkaji mendapati bahawa antara skop projek di bawah Skim Belia Tani adalah:

- Pengeluaran tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran, bauh-buahan, bunga-bungaan dan juga herba.
- Ternakan haiwan seperti lembu pedaging, lembu tenusu, kambing pedaging, kambing tenusu, biri-biri dan ternakan puyuh.
- Perikanan iaitu ternakan air tawar dan ternakan udang dalam kolam atau sangkar.
- Ternakan lebah madu dan industri asas tani iaitu seperti kek, pastri, roti, biskut, makanan sejuk beku, makanan berproses seperti jeruk, sos, kicap, makanan tradisional seperti baulu dan kerepek dan makanan ringan atau snek.
- Perkhidmatan tani yang meliputi bengkel jentera pertanian, kedai racun

kawalan musuh dan perosak termasuk baja dan alat pertanian, perkhidmatan profesional, sewaan jentera pertanian, nurseri bunga-bungaan, buah-buahan dan lanskap.

Perkhidmatan tani ini adalah tidak termasuk pembiayaan untuk tanaman kekal seperti getah, kelapa sawit, kelapa, buah-buahan seperti durian, rambutan, cempedak dan buah-buahan tempatan yang lain juga kos untuk membeli tanah dan premis perniagaan, modal kerja untuk kontrak tani dan apa-apa perniagaan berkoncepkan jualan langsung. Pengkaji mendapati bahawa langkah yang diambil oleh kerajaan ini juga adalah salah satu cara untuk menyelamatkan golongan belia daripada krisis pengangguran yang begitu hebat melanda negara.

Selain itu, Tabung Ekonomi Belia juga memberi ruang kepada para belia melakukan aktiviti yang lebih berfaedah dan dapat memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak iaitu golongan belia dan pihak kerajaan. Pengkaji mendapati ramai golongan remaja dan belia yang terlibat dengan aktiviti tidak bermoral seperti merempit, penyalahgunaan dadah, masalah pembuangan bayi, pergaulan bebas, dan kejejatan akhlak. Oleh kerana itu, kerajaan memutuskan untuk memberi sesuatu yang berharga dan boleh mendarangkan manfaat bukan hanya kepada golongan belia. Golongan belia seharusnya sedar dan mengambil peluang keemasan ini untuk memajukan diri dan juga keluarga yang secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada bangsa dan negara. Menurut Porter dalam Teori Diamond 1990, peranan pemerintah dan peluang pemerintah dikatakan memiliki peranan penting dalam menciptakan NCA. Ia bermaksud pemerintah memainkan peranan dari segi kewangan yang dimiliki menyediakan kemudahan, katalisme, dan tentangan dalam industri. Pemerintah menganjurkan dan mendorong industri agar mencapai tahap daya saing yang tertentu.

Apa yang ditawarkan oleh pihak kerajaan ini tidak mendarangkan kerugian sekiranya digunakan dengan baik dan diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Bukan sekadar memberi pembiayaan, pihak kerajaan terutama Kementerian Belia dan Sukan melalui Skim Tabung Ekonomi Belia sedia memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada para belia yang berminat untuk menceburi lapangan perniagaan. Oleh itu, diharapkan agar usaha pihak kerajaan untuk menyelamat dan mengangkat golongan belia ke satu tahap yang lebih cemerlang disambut baik oleh semua pihak terutama golongan belia. Semoga bidang keusahawanan terus menjadi pilihan para belia negara.

## KESIMPULAN

Pembangunan ekonomi seseorang atau masyarakat mempunyai pengaruh yang besar terhadap dasar pembangunan di negara maju dan negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa masalah utama yang menyebabkan berlakunya kemunduran dalam ekonomi masyarakat terutamanya golongan belia

adalah kerana kekurangan modal. Inilah yang menyebabkan golongan belia tidak dapat memajukan industri perusahaan ini dengan lebih meluas lagi. Antara agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membantu para belia memajukan perusahaan adalah seperti MARA, Agrobank, SMIDEC dan Amanah Ikhtiar Malaysia. Oleh itu, dengan adanya agensi-agensi yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta yang menawarkan bantuan dari segi bantuan modal sedikit sebanyak mampu meringankan beban kewangan kepada para usahawan dalam memajukan lagi perusahaan mereka. Pengkaji juga turut mendapati bahawa kelemahan dari segi sokongan dan dorongan juga menjadi satu sebab mengapa kurangnya penglibatan golongan belia dalam bidang perusahaan seperti bidang penternakan dan peruncitan. Golongan yang bertanggungjawab perlulah mengambil langkah yang sesuai untuk memberikan galakan kepada para belia untuk menceburkan diri dalam bidang ekonomi yang mampu memajukan diri mereka sendiri, keluarga dan negara.

## RUJUKAN

- Junaidi Awang Besar el. Al 2012. Persepsi Belia Terhadap Isu Politik Dan Dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysia Journal Of Youth Studies*. 7(12),136-156.
- Mohd Fuad Mat Jali dan Junaidi Awanag Besar 2012. Pendapatan Dan Keperluan Generasi Muda Di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *Jurnal e-Bangi*. Volume 7: 50- 63.
- Siti Khariah Mohd Zubir 2011. Pemikiran Belia Ke Arah Pemupukan Daya Kreatif dan Inovatif bagi Membangunkan Negara. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 4 (6), 1-19
- Saifuddin Abdullah 2005. “Patriotisme Alaf Baru: Dari Semangat Kepada Khidmat”. Dalam Belia Dan Patriotisme Malaysia. Ed. Hussain Mohamed. Melaka: Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia.
- <http://www.prezi.com/7uxys7lieyk/teori-daya-saing-porter/>
- <http://www.usahawan.com/pinjaman/tabung-ekonomi-belia.html>
- <http://www.usahawan.com/pinjaman/perbadanan-usahawan-nasional-berhad.html>
- <http://www.usahawan.com/pinjaman/tekun-nasional.html>
- <http://www.mara.gov.my/pengenalan-sejarah>
- <http://agribdc.blogspot.com/2012/01/penubuhan-fungsi-mardi.html>

***Profil Penulis :***

***Siti Khariah Mohd Zubir, Phd***  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*  
*khariah@fbk.upsi.edu.my*

***Mohd Ra'in Shaari***  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*  
*mohdrain@fbk.upsi.edu.my*

## MOTIVASI DAN TAHAP PENGLIBATAN BELIA FELDA DALAM KESUKARELAWANAN DI FELDA BUKIT ROKAN, NEGERI SEMBILAN

AZLINA MOHD KHIR, NUR AFIQAH ABDUL AZIZ & NOOR SHAHIRAH MUHAMMAD NIZAM

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara motivasi dan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan. Objektif khusus kajian ini adalah untuk i) memperihalkan sosio demografi responden; ii) mengenal pasti dimensi dan tahap motivasi responden dalam aktiviti sukarela; iii) mengenal pasti jenis dan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarela; dan iv) menentukan hubungan antara motivasi dan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarela. Seramai 136 responden yang terdiri daripada 54.4 peratus lelaki dan 45.6 peratus perempuan terlibat dalam kajian ini. Responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden. Volunteer Functions Inventory (VFI) telah digunakan untuk mengukur motivasi sukarelawan, manakala tahap penglibatan diukur menggunakan alat ukuran yang dibina sendiri oleh penyelidik. Kedua-dua alat ukuran mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach's alpha 0.939 dan 0.696. Analisis statistik yang digunakan adalah korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan motif utama penglibatan responden dalam aktiviti sukarela adalah motif pemahaman, diikuti oleh motif nilai dan motif sosial. Manakala, jenis aktiviti utama yang disertai oleh belia adalah aktiviti sukarela berbentuk sukan, diikuti oleh aktiviti berbentuk khidmat sosial dan masyarakat serta aktiviti keagamaan. Selain itu, kajian turut mendapati tahap motivasi responden adalah tinggi, manakala tahap penglibatan dalam aktiviti kerja sukarela adalah sederhana. Keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif secara signifikan antara kesemua dimensi motivasi dengan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarela ( $r = .547$  hingga  $.649$ ,  $p < .01$ ). Kesimpulannya, motivasi sukarelawan iaitu motif untuk terlibat dalam aktiviti sukarela mempunyai hubungan dengan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dalam kalangan belia di Felda. Justeru, untuk meningkatkan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela, faktor motivasi memainkan peranan yang penting, selain daripada menambahbaik penganjuran aktiviti-aktiviti sukarela di kawasan Felda.*

**Kata Kunci :** Aktiviti Sukarela, Motivasi, Penglibatan Belia, Belia Felda, Volunteer Functions Inventory (VFI)

### ABSTRACT

*This study tends to determine the relationship between youth motivation and involvements in voluntary activity at Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan. The main objectives of this study are to i) describe the respondent's socio-demographic;*

*ii) identify the dimension and the level of motivation of respondents in voluntary activities; iii) identify the type and iv) level of involvement of the respondents in voluntary activities; and determine the relationship between motivation and level of involvement of the respondents in voluntary activities. A total of 136 respondents were involved in this research; 54.4 percent were male and 45.6 percent female. The respondents were chosen through purposive sampling. Data were collected using questionnaires administered to the research respondent. Volunteer Functions Inventory (VFI) was used in measuring the volunteer's motivation. Meanwhile, the level of involvement was measured using an instrument created by the researchers. Both instruments used showed a Cronbach's Alpha reliability coefficient value of 0.939 and 0.696. The statistical analysis administered was the Pearson correlation. The results showed that the main motives of the respondents' involvement in voluntary activities were led by the intention to understand values and social motives. The type of voluntary activities that were participated by youth were sports, social services, community and religious activities. In addition, the study also found that the level of motivation among respondents was high, while the level of involvement in voluntary activities was moderate. Result of pearson's correlation analysis revealed that there were positive significant relationships between all the motivation dimensions with the level of involvement in voluntary work activities ( $r = .547$  to  $.649$ ,  $p < .01$ ). As a conclusion, the volunteers' motivation, to engage in volunteering activities were related to the level of involvement in voluntary activities among the youths in Felda. Therefore in order to increase the level of youth involvement in voluntary activities, motivation factor plays an important role, other than improving the organization of voluntary activities in Felda.*

**Keyword:** Volunteering Works, Motivation, Youth Involvement, Felda Youth, Volunteer Functions Inventory (VFI)

## PENGENALAN

Kesukarelawanan adalah satu bentuk tingkah laku prososial yang memerlukan komitmen jangka panjang dalam tindakan atau perbuatan memberikan pertolongan (Baron, Branscombe & Byrne, 2009). Merujuk kepada perspektif pelbagai peringkat berkenaan tingkah laku prososial yang dikemukakan oleh Penner, Dovidio, Piliavin dan Schroeder (2005) kerja sukarela merupakan tingkah laku prososial yang berada pada peringkat makro iaitu tindakan prososial yang berlaku dalam konteks kumpulan dan organisasi yang besar, yang dirancang dan berterusan untuk tempoh yang panjang. Peringkat makro ini berbeza jika dibandingkan dengan dua lagi peringkat prososial iaitu peringkat meso yang memfokus kepada pertolongan interpersonal iaitu antara pemberi pertolongan dan penerima pertolongan dalam konteks tingkah laku tertentu, dan peringkat mikro yang mengkaji asal-usul kecenderungan prososial dan sumber variasi dalam kecenderungan tersebut. Kebiasaannya peringkat makro ini bermula dengan suatu keputusan untuk menyertai sesuatu organisasi untuk memberi sumbangan kepada masyarakat.

Menurut Azizan (2003), kerja sukarela adalah merupakan kerja atau aktiviti yang dilakukan oleh individu mahupun kelompok untuk memberikan bantuan serta mendatangkan manfaat kepada individu dan masyarakat tanpa mengharapkan sebarang ganjaran dan dilakukan tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak. Bantuan dan sumbang bakti yang diberikan tidak terhad kepada aspek kewangan sahaja, malahan sumbangan yang berbentuk idea, buah fikiran, kemahiran, kebolehan, tenaga dan pelbagai aspek lain lagi boleh dijana serta dibentuk dalam aktiviti kemasyarakatan. Kesukarelawanan merupakan suatu amalan yang mulia kerana ia menitikberatkan nilai-nilai dan prinsip perkongsian, kerjasama dan tolong menolong sesama manusia dalam melaksanakan sesuatu aktiviti atau menangani sesuatu permasalahan. Justeru, kerja sukarela seharusnya menjadi amalan setiap masyarakat masa kini termasuk golongan belia yang menjadi tonggak negara, tidak kira sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Berdasarkan hasil pemetaan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM) ke atas 21,665 orang belia di seluruh Malaysia pada tahun 2012, sebanyak 19 peratus (4,117 orang) belia yang melakukan aktiviti kerja sukarela pada masa lapang, berbanding 66 peratus (14,299 orang) belia yang memperuntukkan masa lapang untuk menonton VCD atau DVD, 63 peratus (13,649 orang) menggunakan laman sosial, 54 peratus (11,699 orang) berkelah dan 50 peratus (10,833 orang) melancong. Hasil pemetaan ini menunjukkan bahawa peratusan belia yang melibatkan diri dalam aktiviti kerja sukarela pada waktu lapang masih lagi rendah. Pihak kerajaan telah memperbanyakkan aktiviti yang melibatkan penyertaan belia dalam aktiviti sukarela dan salah satu aktiviti yang dilakukan untuk menarik minat belia adalah melalui program iM4U. Walau bagaimanapun, pendedahan kepada program-program kesukarelawanan yang mempunyai kapasiti keperluan yang besar itu lebih tertumpu di kawasan bandar. Penglibatan belia luar bandar termasuk belia Felda dalam kerja sukarela masih terbatas. Sejak ditubuhkan pada Julai 1956, Felda iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah berjaya menempatkan kira-kira 114,897 buah keluarga di 302 buah tanah rancangan di seluruh negara (Felda, 1999). Felda ditubuhkan untuk pembangunan tanah dan penempatan semula dengan objektif pembasmian kemiskinan melalui penanaman tanaman minyak sawit dan getah. Walaupun Felda berperanan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosial ekonomi, namun aspek sosial dan kemasyarakatan seperti kesukarelawanan juga perlu diberi perhatian terutamanya dalam kalangan belia Felda. Justeru, timbul persoalan adakah golongan belia Felda terlibat dalam kerja-kerja sukarela? Dan apakah yang mendorong mereka untuk terlibat dalam aktiviti sukarela?

Banyak kajian yang telah dilakukan ke atas sebab mengapa individu terlibat dengan aktiviti sukarela. Wilson (2000) dan ahli-ahli sosiologi sebelum ini memberi fokus kepada pengaruh institusi sosial terutama institusi keluarga dan agama, serta beberapa faktor demografi seperti status ekonomi, sektor pekerjaan, gender dan etnik yang mempunyai perkaitan rapat dengan penglibatan seseorang dalam aktiviti kerja sukarela. Ahli-ahli psikologi seperti Penner (2002) dan Hart et al. (2004)

memfokus kepada aspek personaliti, manakala Clary et al. (1998) mengetengahkan aspek motivasi sebagai faktor penting kepada penglibatan sukarelawan. Kajian Johar (2008) dalam kalangan mahasiswa di Universiti Putra Malaysia (UPM) membuktikan bahawa motivasi kerja sukarela mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan individu dalam kerja sukarela. Seterusnya kajian terhadap sukarelawan oleh Sharififar et al. (2011) juga mendapat faktor motivasi adalah penting dalam memupuk minat serta komitmen sukarelawan. Maka, jelaslah bahawa individu yang tinggi tahap motivasi dalam kerja sukarela akan mendorong mereka lebih melibatkan diri dalam kerja sukarela. Motivasi merupakan keadaan dalaman individu yang membangkitkan, mengarah dan bertingkah laku secara berterusan serta mendorong individu untuk terus melakukan perkara yang cuba dilakukan (Weiner, 1990). Secara keseluruhan, motivasi memberi kesan kepada tahap penglibatan belia dalam kerja sukarela dan penyertaan belia dalam kerja sukarela dapat memberikan banyak pengalaman yang berguna serta menjadikan belia lebih prihatin menghulurkan bantuan kepada individu dan masyarakat. Di Malaysia, kajian yang memfokus kepada kesukarelawanan belia Felda adalah terhad. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti motif penglibatan belia Felda dalam aktiviti sukarela dan hubungannya dengan tahap penglibatan dalam kerja sukarela.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara motivasi sukarelawan dengan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan. Objektif khusus kajian adalah untuk i) memperihalkan sosio demografi responden; ii) mengenal pasti dimensi dan tahap motivasi responden dalam aktiviti sukarela; iii) mengenal pasti jenis dan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarela; dan iv) menentukan hubungan antara motivasi dan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarela.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### ***Subjek dan Lokasi Kajian***

Kajian ini melibatkan 136 orang belia di Felda Bukit Rokan, Gemenceh, Negeri Sembilan. Felda Bukit Rokan terletak di Felda Wilayah Raja Alias, daerah Tampin. Lokasi Felda Bukit Rokan berada pada kedudukan yang agak strategik kerana ia bersempadan dengan tiga buah daerah, iaitu Tampin, Jempol dan Kuala Pilah. Ia merupakan sebuah perkampungan pertanian separa moden dan didiami oleh majoriti penduduk Melayu. Felda Bukit Rokan telah dibuka dan dimajukan pada tahun 1961 dan kini terbahagi kepada tujuh peringkat yang didiami oleh 553 buah keluarga dengan anggaran penduduk melebihi 2000 orang. Pemilihan sampel adalah secara persampelan bertujuan. Peringkat 4 telah dipilih berdasarkan kriteria jumlah populasi belia yang tertinggi berbanding enam peringkat lagi di Felda ini. Menurut

Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKK) Felda Bukit Rokan, anggaran belia di Peringkat 4 ini adalah seramai 150 orang. Berpandukan kepada Krejcie dan Morgan (1970), apabila saiz populasi belia adalah 150 orang, maka saiz sampel yang perlu diambil adalah sebanyak 108 orang. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini pengkaji mengambil keseluruhan populasi untuk dijadikan sampel. Namun, jumlah sebenar responden yang terlibat dan memberi maklum balas adalah seramai 136 orang.

### **Instrument dan Prosedur**

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu 1) Maklumat Latar Belakang Responden, 2) Motivasi Sukarelawan (kebolehpercayaan = 0.939), dan 3) Tahap Penglibatan dalam Aktiviti Sukarela (kebolehpercayaan = 0.696). Maklumat latar belakang responden mengandungi enam soalan meliputi umur, jantina, agama, status perkahwinan, tahap akademik dan pekerjaan responden. Motivasi sukarelawan diukur menggunakan instrumen Volunteer Functions Inventory (VFI) yang dibangunkan oleh Clary et al., (1998). VFI dibina bagi menguji motif individu memilih untuk menjadi sukarelawan dengan melihat melalui pendekatan terhadap Teori Fungsi (Katz 1960). VFI mengandungi 30 item yang meliputi enam dimensi fungsi motif iaitu nilai, kerjaya, sosial, pemahaman, peningkatan, dan perlindungan (Jadual 1). Pemarkatan VFI dalam kajian ini adalah berdasarkan skala lima pilihan iaitu daripada “tidak penting” (1) kepada “sangat penting” (5). Jumlah skor setiap dimensi antara 5 hingga 25, di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan responden didominasi oleh motif tersebut untuk terlibat dalam kerja sukarela.

**Jadual 1 :Fungsi Motif Kesukarelawanan dalam Volunteer Functions Inventory (VFI)**

<b>Fungsi Motif</b>	<b>Definisi Konsep</b>	<b>Contoh</b>	<b>No soalan</b>
<b>Nilai</b>	Menjadi sukarela untuk menyatakan atau bertindak ke atas nilai-nilai penting seperti nilai kemanusiaan.	Saya rasa ianya penting untuk membantu orang lain.	3, 8, 16, 19, 22
<b>Pemahaman</b>	Sukarelawan berusaha untuk belajar lebih lanjut mengenai dunia atau melatih kemahiran-kemahiran yang jarang digunakan.	Aktiviti kerja sukarela mendidik saya menerusi pengalaman yang bersifat praktikal.	12, 14, 18, 25, 30

<b>Peningkatan</b>	Seseorang boleh berkembang dan membangun secara psikologi melalui aktiviti sukarelawan	Aktiviti kerja sukarela membuatkan saya rasa lebih baik tentang diri saya.	5, 13, 26, 27, 29
<b>Kerjaya</b>	Sukarelawan mempunyai matlamat untuk memperoleh kerjaya yang berkaitan dengan pengalaman melalui aktiviti kesukarelawanan.	Menjadi sukarelawan membolehkan saya meningkatkan peluang bagi kerjaya yang saya suka!	1, 10, 15, 21, 28
<b>Sosial</b>	Menjadi sukarelawan membolehkan seseorang individu mengukuhkan hubungan sosial mereka	Kenalan saya berkongsi minat yang sama dalam memberi khidmat masyarakat.	2, 4, 6, 17, 23
<b>Perlindungan</b>	Individu menggunakan aktiviti kerja sukarela untuk mengurangkan perasaan negatif seperti rasa bersalah atau untuk menangani masalah peribadi	Menjadi sukarelawan adalah satu jalan yang baik untuk saya melarikan diri daripada segala masalah saya.	7, 9, 11, 20, 24

Sementara itu, tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarella pula diukur berdasarkan kekerapan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kerja sukarella yang berbentuk keagamaan, pembangunan belia, khidmat sosial dan masyarakat, kebudayaan dan kesenian, kesihatan, keselamatan awam, pendidikan dan khidmat belia, dan sukan dalam tempoh masa sebulan. Alat ukuran tahap penglibatan belia mengandungi lapan kenyataan dan pemarkatan berdasarkan skala lima pilihan daripada “tidak pernah” (1) kepada “sangat selalu” (5). Julat skor adalah antara 8 hingga 40, di mana semakin tinggi skor menunjukkan responden mempunyai tahap penglibatan yang lebih tinggi. Teknik pengumpulan data bagi kajian ini adalah dengan menggunakan borang soal selidik melalui prosedur tadbir sendiri.

### **Analisis Data**

Statistik deskriptif digunakan untuk pemerihalan latar belakang responden dan pengukuran tahap motivasi sukarelawan dan penglibatan belia dalam kerja sukarella. Sementara analisis inferensi iaitu korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara motivasi sukarelawan dengan tahap penglibatan belia Felda dalam kerja sukarella.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Analisis Deskriptif

#### *Latar belakang Belia Felda*

Jadual 2 membentangkan maklumat latar belakang responden yang merangkumi umur, jantina, status perkahwinan, tahap pendidikan dan pekerjaan. Majoriti responden berumur antara 15 hingga 20 tahun (36.8%) iaitu yang terdiri daripada pelajar sekolah tingkatan tiga sehingga peringkat umur awal belia. Seterusnya diikuti oleh responden berumur antara 21 hingga 30 tahun (34.6%) dan 31 hingga 40 tahun (28.7%). Dari segi gender, responden lelaki adalah lebih ramai berbanding responden perempuan iaitu sebanyak 54.4 peratus. Bagi status perkahwinan, majoriti responden adalah bujang iaitu seramai 82 orang (60.3%), berbanding yang sudah berkahwin (36.8%) mahupun bercerai (2.9%). Responden yang berstatus bujang adalah paling ramai kerana kebanyakan belia yang sudah berkahwin telah berhijrah ke bandar kerana mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

**Jadual 2: Maklumat Latar Belakang Responden**

Pembolehubah	n	(%)
<b>Umur</b>		
15-20 Tahun	50	(36.8)
21-30 Tahun	47	(34.6)
31-40 Tahun	39	(28.7)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	74	(54.4)
Perempuan	62	(45.6)
<b>Status</b>		
Bujang	82	(60.3)
Berkahwin	50	(36.8)
Janda/ Duda	4	(2.9)
<b>Tahap pendidikan</b>		
PMR	25	(18.4)
SPM	86	(63.2)
Sijil	16	(11.8)
Diploma	6	(4.4)
Ijazah	3	(2.2)

<b>Pekerjaan</b>		
Kerajaan	11	(8.1)
Swasta	18	(13.2)
Bekerja sendiri	36	(26.5)
Tidak bekerja	71	(52.2)

Berdasarkan kepada analisis tahap pendidikan, majoriti responden mempunyai kelulusan pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (63.2%), manakala hanya 2.2 peratus sahaja responden yang mempunyai kelulusan pada peringkat Ijazah pertama. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian pendidikan dalam kalangan belia yang dikaji masih rendah dan perlu dipertingkatkan lagi untuk melahirkan modal insan yang lebih berkualiti pada masa akan datang. Seterusnya, bagi sektor pekerjaan, sebahagian besar daripada responden (52.2%) adalah tidak bekerja, diikuti oleh penoreh getah dan penanam kelapa sawit (26.5%). Hasil kajian menunjukkan majoriti responden tidak bekerja kerana mereka terdiri daripada belia awal yang masih bersekolah dan juga lepasan SPM. Sebahagian kecil sahaja responden yang bekerja dalam sektor swasta (13.2%) dan kerajaan (8.1%).

### ***Motivasi Sukarelawan Belia Felda***

Jadual 3 memaparkan rumusan analisis deskriptif berkaitan dimensi motivasi sukarelawan dalam kalangan belia Felda. Hasil kajian menunjukkan motif utama yang mendorong responden untuk terlibat dalam aktiviti sukarela adalah motif pemahaman (19.65), diikuti oleh motif nilai (19.37) dan motif sosial (19.24). Seterusnya, tiga kedudukan motif yang terendah adalah motif peningkatan (18.99), motif kerjaya (18.54) dan motif perlindungan (18.27). Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa motif utama belia Felda yang dikaji terlibat dengan aktiviti sukarela adalah untuk mendapatkan peluang pengalaman pembelajaran yang baru dan melatih menggunakan pengetahuan, kemahiran dan kemampuan yang jarang diamalkan. Selain itu, dimensi motif pemahaman juga adalah proses pembelajaran jangka panjang dan sering menjadi faktor individu melibatkan diri dalam kesukarelawanan (Yoshioka et al. 2007). Seterusnya, kajian ini menunjukkan bahawa motif nilai menjadi motif kedua terpenting bagi belia Felda untuk terlibat dalam aktiviti sukarela. Hal ini boleh dikaitkan dengan altruistik dan kemanusiaan yang begitu prihatin terhadap orang lain (Tajul Ariffin & Aishah Nadirah, 2013; Mihai 2014) serta sikap dan nilai-nilai murni yang telah tertanam dalam diri responden. Kajian oleh Zaliha dan Mohd Ramlan (2012) turut mendapati sikap altruistik merupakan faktor yang memotivasi golongan belia supaya terlibat dalam aktiviti sukarela. Oleh itu, hasil kajian ini selari dengan dapatan pengkaji-pengkaji lepas (Clary & Synder, 1999; Tajul Ariffin & Aishah Nadirah, 2013; Nur Raihan & Azizan, 2013; Mihai, 2014) yang mendapati motif pemahaman dan motif nilai adalah antara faktor motivasi tertinggi yang mendorong responden terlibat dalam aktiviti sukarela.

### **Jadual 3 : Dimensi Motivasi Sukarelawan**

<b>Dimensi</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>
Motif Pemahaman	19.65	2.96	12.00	25.00
Motif Nilai	19.37	2.67	12.00	25.00
Motif Sosial	19.24	2.46	13.00	25.00
Motif Peningkatan	18.99	3.00	11.00	25.00
Motif Kerjaya	18.54	2.91	11.00	24.00
Motif Perlindungan	18.27	2.98	11.00	25.00

Nota: S.P = Sisihan Piawai

Selain itu, kajian mendapati motif perlindungan adalah motif terendah yang berperanan sebagai penggerak kepada belia Felda untuk terlibat dalam aktiviti sukarela. Motif perlindungan ini menunjukkan bahawa individu menyertai aktiviti sukarela hanya untuk mengatasi masalah peribadi mereka, melindungi ego daripada ciri-ciri negatif diri serta mengurangkan perasaan negatif seperti rasa bersalah. Dapatkan kajian ini selari dengan dapatan oleh Clary dan Synder (1999), dan Mihai (2014).

Seterusnya, Jadual 4 di bawah memaparkan tahap motivasi belia Felda untuk terlibat dalam aktiviti sukarela mengikut dimensi. Majoriti responden mempunyai tahap motivasi yang tinggi pada hampir kesemua motif iaitu motif pemahaman (72.1%), motif nilai (72.1%), motif sosial (65.4%) motif peningkatan (61.8%) dan motif kerjaya (50.7%), sebaliknya, motif perlindungan menunjukkan tahap yang sederhana (54.4%).

### **Jadual 4: Tahap Motivasi Sukarelawan**

<b>Dimensi</b>	<b>Tahap</b>		
	<b>Rendah n (%)</b>	<b>Sederhana n (%)</b>	<b>Tinggi n (%)</b>
Motif Pemahaman		38 (27.9)	98 (72.1)
Motif Nilai		38 (27.9)	98 (72.1)
Motif Sosial		47 (34.6)	89 (65.4)
Motif Peningkatan	1 (0.7)	51 (37.5)	84 (61.8)
Motif Kerjaya	1 (0.7)	66 (48.5)	69 (50.7)
Motif Perlindungan	1 (0.7)	74 (54.4)	61(44.9)

### **Penglibatan Belia Felda dalam Aktiviti Sukarela**

Jadual 5 memaparkan jenis penglibatan belia Felda dalam aktiviti sukarela di Felda Bukit Rokan. Terdapat lapan jenis aktiviti sukarela yang disenaraikan dalam borang soal selidik. Setiap aktiviti yang disenaraikan mempunyai nilai minimum 1 dan nilai maksimum 5. Hal ini menunjukkan setiap aktiviti yang disenaraikan adalah sama ada tidak pernah (skala 1) atau sangat kerap (skala 5) disertai oleh responden. Secara keseluruhannya, min tertinggi adalah aktiviti sukarela berbentuk sukan (min=3.78; s.p=1.001), diikuti oleh aktiviti sukarela berbentuk khidmat sosial dan masyarakat (min=3.47; s.p=0.988), serta aktiviti sukarela berbentuk keagamaan (min=3.07; s.p=1.023). Hasil kajian menunjukkan antara aktiviti sukarela yang menjadi pilihan utama belia Felda Bukit Rokan adalah berbentuk sukan seperti menyertai aktiviti sukan dalam kalangan belia, wanita dan acara sukan kampung. Selain itu adalah menyertai aktiviti sukarela berbentuk khidmat sosial dan masyarakat terutama gotong-royong sewaktu majlis perkahwinan dan membersihkan kawasan sekitar, serta memberi bantuan kepada orang yang memerlukan. Belia Felda juga melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan seperti penyertaan dalam ceramah serta terlibat sebagai urusetia penganjuran ceramah dan forum keagamaan. Walau bagaimanapun, dapatkan kajian menunjukkan aktiviti yang paling jarang disertai oleh belia Felda dengan nilai min terendah adalah aktiviti sukarela berbentuk kebudayaan dan kesenian (min=2.6; s.p=1.255). Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan jenis aktiviti lain seperti keselamatan awam dan sivik, pendidikan dan perkhidmatan belia, kesihatan dan perkhidmatan kesihatan, dan pembangunan belia jarang disertai oleh responden (min < 3.0). Hal ini mungkin disebabkan kurangnya penganjuran aktiviti-aktiviti tersebut di Felda Bukit Rokan.

**Jadual 5 Jenis Penglibatan Belia Felda dalam Aktiviti Sukarela**

<b>Jenis Aktiviti Sukarela</b>	<b>n</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Min.</b>	<b>Maks.</b>
<b>1. Aktiviti sukarela berbentuk sukan</b> (contoh: sukan belia, sukan wanita, menyertai aktiviti sukan, acara sukan kampung, dan lain-lain)	136	3.78	1.001	1	5
<b>2. Aktiviti sukarela berbentuk khidmat sosial dan masyarakat</b> (contoh: gotong-royong majlis perkahwinan, gotong-royong membersihkan kawasan sekitar, beri bantuan kepada orang lain)	136	3.47	0.988	1	5
<b>3. Aktiviti sukarela berbentuk keagamaan</b> (contoh: membantu dan menyertai ceramah, forum agama yang dianjurkan)	136	3.07	1.023	1	5
<b>4. Kerja sukarela berbentuk keselamatan awam dan sivik</b> (contoh: pasukan penyelamat, bomba, polis sukarela, RELA, Rukun Tetangga dan lain-lain)	136	2.87	1.158	1	5

<b>5.</b>	<b>Aktiviti sukarela berbentuk pendidikan dan perkhidmatan belia</b> (contoh: Program Rakan Muda, iM4U, PLKN, program yang berkaitan dengan belia, dan lain-lain)	136	2.86	1.248	1	5
<b>6.</b>	<b>Aktiviti sukarela berbentuk kesihatan dan perkhidmatan kesihatan</b> (contoh: kempen cegah kanser, sukarelawan klinik desa, kempen anti rokok, persatuan bulan sabit merah dan pelbagai lagi)	136	2.76	1.256	1	5
<b>7.</b>	<b>Aktiviti sukarela berbentuk pembangunan belia</b> (contoh: pengakap, silat, taekwondo)	136	2.63	1.299	1	5
<b>8.</b>	<b>Aktiviti sukarela berbentuk kebudayaan dan kesenian</b> (contoh: aktiviti persesembahan pemeliharaan benda sejarah, teater, tarian, muzik, kraftangan dan lain-lain)	136	2.60	1.255	1	5

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

Berikutnya, Jadual 6 di bawah memaparkan skor min, sisihan piawai, tahap, nilai minimum dan maksimum bagi penglibatan belia Felda dalam aktiviti sukarela secara keseluruhan. Klasifikasi penglibatan belia dalam aktiviti sukarela kepada tiga kategori iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi adalah berdasarkan nilai min sampel kajian. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap penglibatan yang sederhana (38.9%) iaitu dengan nilai min 24.04 (S.P. = 6.91), diikuti dengan skor tahap tinggi dan rendah dengan masing-masing mempunyai nilai peratusan yang sama iaitu 30.9 peratus. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan responden adalah pada tahap sederhana dan masih memerlukan lebih dorongan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kerja sukarela.

#### **Jadual 6 Skor dan Tahap Penglibatan Belia Felda dalam Kerja Sukarela**

<b>Tahap Penglibatan</b>	<b>n</b>	<b>%</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Minm.</b>	<b>Maks</b>
Rendah (19 ke bawah)	42	30.9	24.04	6.91	11	40
Sederhana (20- 28)	52	38.9				
Tinggi (29 ke atas)	42	30.9				

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

#### **Analisis Inferensi**

#### ***Hubungan antara Motivasi Sukarelawan dan Tahap Penglibatan Belia Felda dalam Aktiviti Sukarela***

Jadual 7 membentangkan hubungan antara motivasi sukarelawan dan tahap penglibatan belia Felda dalam aktiviti sukarela. Keputusan menunjukkan bahawa

keenam-enam dimensi motivasi sukarelawan iaitu motif perlindungan, nilai, kerjaya, sosial, pemahaman dan peningkatan mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela ( $r = .547$  hingga  $.649$ ,  $p < .01$ ). Pekali korelasi positif menunjukkan bahawa peningkatan pada tahap motivasi meningkatkan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela.

**Jadual 7 : Hubungan antara Motivasi Sukarelawan dan Tahap Penglibatan Belia Felda dalam Aktiviti Sukarela**

	1	2	3	4	5	6	7
1 Motif Perlindungan							
2 Motif Nilai		.630** (0.000)					
3 Motif Kerjaya	.735** (0.000)	.694** (0.000)					
4 Motif Sosial	.626** (0.000)	.818** (0.000)	.724** (0.000)				
5 Motif Pemahaman	.544** (0.000)	.780** (0.000)	.659** (0.000)	.721** (0.000)			
6 Motif Peningkatan	.660** (0.000)	.773** (0.000)	.819** (0.000)	.723** (0.000)	.787** (0.000)		
7 Tahap Penglibatan	.569** (0.000)	.618** (0.000)	.649** (0.000)	.616** (0.000)	.547** (0.000)	.619** (0.000)	

Nota: \*\* $p < 0.01$

Dapatkan kajian ini menyokong hasil kajian oleh Isak (2007) yang mendapati bahawa motivasi diri berkait rapat dengan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela. Semakin tinggi tahap personaliti prososial dan motivasi diri individu, semakin tinggi tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela. Hasil kajian juga seiring dengan dapatan oleh Siti Raba'ah, Turiman dan Azimi (2015) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara boleh ubah motivasi terhadap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela. Belia yang mempunyai motif yang jelas untuk menjadi sukarelawan akan mendorong mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan. Sebagai contohnya, semakin tinggi motif sosial seseorang individu itu, maka semakin tinggi tahap penglibatan individu tersebut dalam aktiviti-aktiviti yang mempunyai matlamat untuk mengukuhkan hubungan sosial seperti gotong-royong membersihkan kawasan kediaman dan gotong-royong ketika majlis perkahwinan. Dengan menyertai aktiviti-aktiviti tersebut, maka ikatan sosial dalam masyarakat akan semakin kukuh dan nilai kolektivistik dapat diterap dan dikekalkan dalam masyarakat. Justeru, dapat dirumuskan bahawa motivasi adalah salah satu boleh ubah yang signifikan yang dapat dikaitkan dengan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela.

## RUMUSAN

Hasil kajian ini memberikan gambaran tentang penglibatan belia Felda dalam aktiviti sukarela dan hubungannya dengan faktor motivasi yang berperanan sebagai pendorong untuk belia terlibat dalam aktiviti sukarela. Umumnya, belia di Felda Bukit Rokan sudah mendapat pendedahan mengenai kerja sukarela walaupun secara tidak formal dan tidak meluas. Kajian mendapati majoriti belia Felda mempunyai tahap penglibatan yang sederhana dalam aktiviti sukarela. Mereka lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti sukarela berbentuk sukan, khidmat sosial dan masyarakat, dan keagamaan. Ketiga-tiga aktiviti tersebut menjadi pilihan utama responden mungkin disebabkan oleh minat mereka terhadap sukan, nilai yang mementingkan hubungan sosial dan kemasyarakatan serta banyaknya aktiviti berunsur kerohanian yang dianjurkan oleh pihak masjid di kawasan kajian. Selain itu, tumpuan dan keutamaan kepada jenis aktiviti tersebut juga mungkin disebabkan kurangnya penganjuran mahupun sambutan kepada bentuk aktiviti lain seperti keselamatan awam dan sivik, kesihatan dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, pembangunan belia, serta kebudayaan dan kesenian di kawasan kajian. Oleh itu, untuk menggalakkan lagi sambutan dan penyertaan belia Felda dalam aktiviti sukarela, maka skop aktiviti tersebut perlu diperluaskan terutama dalam aktiviti pembangunan belia dan komuniti. Jika sebelum ini penyertaan belia lebih tertumpu kepada aktiviti gotong-royong, kerohanian dan sukan sahaja, maka pihak Felda harus merangka strategi mempromosikan pelbagai bentuk aktiviti yang lebih menarik untuk menggalakkan penyertaan belia Felda dalam aktiviti sukarela. Pihak Felda juga merupakan satu pihak yang boleh mendekati golongan belia secara terbuka untuk terus memberikan sokongan dan dorongan kepada belia agar menjadikan aktiviti kerja sukarela sebagai satu tanggungjawab sosial kepada masyarakat di Felda khususnya, dan seluruh masyarakat di Malaysia amnya. Begitu juga dengan pihak iM4U yang ditubuhkan khas untuk menonjolkan dan menerapkan sifat kerja sukarela dalam diri belia masa kini. Pihak iM4U perlu memberikan lebih pendedahan kepada belia luar bandar termasuk belia Felda agar dapat bersama-sama memupuk dan mencapai matlamat menerusi aktiviti-aktiviti kerja sukarela yang dianjurkan.

Seterusnya, kajian mendapati belia Felda yang dikaji mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap kesukarelawanan. Motif utama yang mendorong mereka terlibat dengan aktiviti sukarela adalah motif pemahaman, nilai dan sosial. Ketiga-tiga motif tersebut adalah untuk kepentingan bersama. Oleh itu, organisasi Felda yang terlibat secara langsung dengan aktiviti sukarelawan perlu menggalakkan lebih ramai warga Felda untuk menyertai program sukarela selari dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia, iaitu Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak dalam membudayakan kerja sukarela. Tahap motivasi yang tinggi dalam kalangan belia Felda juga perlu dilihat sebagai satu kelebihan atau aset bagi komuniti Felda untuk melahirkan lebih ramai lagi sukarelawan dalam kalangan komuniti Felda. Kajian turut mendapati keenam-enam motif yang dikaji iaitu motif pemahaman, nilai, sosial, kerjaya, peningkatan dan perlindungan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela. Justeru, untuk

meningkatkan penglibatan belia felda dalam aktiviti sukarela, maka motivasi memainkan peranan yang sangat penting dan perlu dipertingkatkan dalam diri belia dari semasa ke semasa. Kita tidak menafikan bahawa banyak faktor luaran yang menyumbang kepada penglibatan belia dalam aktiviti sukarela, namun motivasi adalah aspek penting sebagai pendorong atau penggalak kepada sesuatu tingkah laku termasuk penyertaan belia dalam aktiviti sukarela.

### **RUJUKAN**

- Ahmad Salim, A.-H. 2005. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan: Satu kajian kes di Fakulti Ekologi Manusia UPM. Universiti Putra Malaysia.
- Azizan Bahari. 2003. Menghayati kerja sukarela. Petaling jaya, Selangor: Qarya Sdn Bhd.
- Baron, R. A., Branscombe, N. R., & Byrne, D. 2009. Social Psychology (12 ed.). Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Clary, E. G., & Snyder, M. 1999. The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. Current Directions in Psychological Science, 8, 156-159.
- Clary, E., Synder, M., Ridge, R., Copeland, J., Stukas, A., Haugen, J., & Miene, P. 1998. Understanding and assessing the motivation of volunteers: A functional approach. Journal of Personality and Social Psychology 74(6): 1516-153.
- Erez, A., Mikulincer, M., van Ijzendoorn, M. H., & Kroonenberg, P. M. 2008. Attachment, personality, and volunteering: Placing volunteerism in an attachment-theoretical framework. Personality and Individual Differences, 44(1), 64-74.
- Hart, D., Atkins, R., Donnelly, T. 2004. Psychological and socio-structural influences on involvement in volunteering. Submitted.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 2016. [ONLINE] Available at: [http://www.ippbm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=795:masa-lapang-belia-mengikut-aktiviti&catid=146&Itemid=453&lang=ms](http://www.ippbm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=795:masa-lapang-belia-mengikut-aktiviti&catid=146&Itemid=453&lang=ms). [Last Accessed 13 January 2016].
- Isak, S. 2007. Pengaruh ciri personaliti prososial dan motivasi terhadap penglibatan aktiviti kesukarelawanan di kalangan mahasiswa UPM. Universiti Putra Malaysia.

- Johar, N. 2008. Motivasi diri dan tahap penglibatan melakukan kerja-kerja kesukarelawanan di kalangan mahasiswa UPM. Universiti Putra Malaysia.
- Kats, D., 1960. The functional approach to the study of attitudes. *Public Opinion Quarterly*, 24, 163-204.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. 2016. Mengenai FELDA. [ONLINE] Available at: <http://www.felda.net.my/index.php/felda/mengenai-felda>. [Last Accessed 13 January 2016].
- Liao, L.-C. C., Chang, H.-M., & Tsai, T.-F. 2012. Study of volunteers' participation motivation, work satisfaction and perceived value in mega-sports event: case of the 2009 world games. International Conference on Innovation and Information Management.IPCSIT.
- Mihai, E. C. 2014. The Motivation of Romanian Volunteers: values and implications. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 127, 616-620.
- Mohd Kasim, M. 2008. Penglibatan mahasiswa institusi pengajian tinggi swasta dalam kerja kesukarelawanan komuniti: satu kajian kes di kalangan mahasiswa UNITEN dan KLIU Kolej. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Yasin, F. N. 2005. Pengetahuan dan penglibatan dalam kerja-kerja kesukarelawanan komuniti: satu kajian kes di kalangan mahasiswa UPM. Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad, T. A., & Alauddin, A. N. M. 2013. Motif penglibatan sukarelawan sukan Institusi Pengajaran Tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 51-59.
- Nur Raihan Che Nawi, & Azizan Asmuni. 2013. Motivasi sukarelawan terhadap penglibatan dalam kerja sukarela di yayasan salam malaysia. Retrieved from [http://www.greduc2013.upm.edu.my/PDF\\_Files/Greduc014\\_Nur\\_Raihan.pdf](http://www.greduc2013.upm.edu.my/PDF_Files/Greduc014_Nur_Raihan.pdf)
- Penner, L. A., Dovidio, J. F., Piliavin, J. A., & Schroeder, D. A. 2005. Prosocial behavior: Multilevel perspectives. *Annu. Rev. Psychol.*, 56, 365-392.
- Penner, L.A. 2002. The cause of sustained volunteerism: an interactionist perspective *J. Soc. Issues* 58: 447-67.

- Sharififar, F., Jamalian, Z., Nikbakhsh, R., Ramezani, Z.N. 2011. Influence of social factors and motives on commitment of sport events volunteers. World Academy of Science, Engineering and Technology 77: 1078-1082.
- Siti Raba`ah Hamzah, Turiman Suandi, & Azimi Hamzah. 2015. Pengaruh kepercayaan, motivasi dan niat terhadap golongan belia dalam aktiviti sukarela di Malaysia. International Journal of Education and Training.
- Weiner, B. 1990. History Of Motivational Research In Education. Journal Of Educational Psychology. 82(4), 616-622.
- Wilson, J. 2000. Volunteering. Annual Review Sociology 26: 215-240.
- Yoshioka, C., Brown, W.A. & Ashcraft, R. 2007. A functional approach to senior vvolunteer and non-volunteer motivations. International Journal of Volunteer Administration, 24: 31-43.
- Zaliha Hj Hussin, & Mohd Ramlan Mohd Arshad. 2012. Altruism as Motivational Factors toward Volunteerism among Youth in Petaling Jaya Selangor. Universiti Teknologi MARA.

***Profil penulis:***

***Azlina Mohd Khir, PhD***

Pensyarah Kanan

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang, Selangor  
*m\_azlina@upm.edu.my*

***Nur Afiqah Abdul Aziz***

Pelajar

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang, Selangor  
*afiqahaziz130991@gmail.com*

***Noor Shahirah Muhammad Nizam***

Pelajar

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang, Selangor  
*shahirahnizam95@yahoo.com*

## STRESS AMONG YOUNG ADULTS

MASTURA JOHAR , WASITAH MOHD YUSOF , SAMSILAH ROSLAN ,  
ZAİNAH SHARIFF & NADHRATUL WARDAH SALMAN

### ABSTRACT

*The purpose of this investigation is to identify and to explore the total stress score in terms of stressful environmental events, personality mediators, and intensity of emotional stress responses among young adults in Malaysia. Four thousand three hundred and thirty five respondents (4335) assigned in this study were aged between 15 to 45 years old including both male and female and each originate from all the thirteen states and three territories in Malaysia. A survey using questionnaire of transactional model by Lazarus to the respondents was via online and self-administered. Statistic descriptive and ANOVA data analysis were used to analyze the differences of total stress score on four variables, which include gender, academic level, States/Territories and age. Results of the study on ANOVA test show significant difference on total stress score in terms of stressful environmental events, and intensity of emotional stress responses only on Academic level  $F(4, 4330) = 3.514, p > .05$ , which indicate environmental events  $F(4, 4330) = 3.306, p > .05$ , emotional response  $F(4, 4330) = 3.517, p > .05$ . However, interestingly there were statistically significant difference on gender  $F(1, 4333) = .548, p > .05$  and age  $(28, 4306) = 2.142, p, > .05$ , variables concerning environmental events, where the p value is less than .05. This suggests that the total stress scores on four variables namely: gender, academic qualification level, States/Territories and age category among young adults in Malaysia show there were statistically significant on high stress level among young adults in term of environmental events and emotional responses on academic qualification level where respondent without higher education learning are more stressed than those with higher qualification. Somehow, there is a statistically high stress level on environmental events between male and female and age category. The male respondents received higher stress level than the female respondents. In addition, the age category of 15-20 and 36-45 years old are found statistically stressed on environmental events compared to age the group of 21- 25. Therefore, it is concluded that total stress score and stressful environmental events have a significant impact on the young adults' physical and psychological well-being in Malaysia, and carry with them potentially powerful stress-inducing properties on academic qualification level, age category and between male and female among young adults in Malaysia.*

Pemerhati serantau berpendapat, Komuniti ASEAN ini ada cabaran besar kerana wujudnya perbezaan budaya, kadar dan taraf pembangunan ekonomi yang terlalu tinggi seperti antara Singapura dan Laos serta sistem politik yang pelbagai. Tidak seperti proses pembentukan komuniti serantau lain seperti Kesatuan Eropah (EU), pembabitan masyarakat dalam pembentukan Komuniti ASEAN adalah minimum. Dasar dan proses pembentukan Komuniti ASEAN yang bersifat ‘top-down’ sedikit sebanyak memberikan cabaran ke arah penyampaianya (Berita Harian 2015). Namun, usaha ini haruslah dilipatgandakan dan sememangnya memberikan cabaran khasnya kepada generasi pelapis negara iaitu kelompok belia dalam meneruskan agenda pembentukan ini.

Komuniti ASEAN adalah inti pati yang sangat penting, acuan komuniti ASEAN yang ingin digarap oleh Malaysia adalah dengan mewujudkan komuniti ASEAN bersifat ‘political cohesive’ (padu dari segi politik) dan bersepadan (integrated), manakala daripada segi ekonomi yang lebih kukuh serta mantap dari segi pembangunan sosial dan kebudayaan. Hal ini membabitkan kaedah untuk menyedia dan memperkuuhkan proses penyepaduan bagi merealisasikan Komuniti ASEAN berdasarkan peraturan dan berorientasikan rakyat serta ASEAN berpaksikan rakyat bagi mengatasi jurang pembangunan. Pembentukan Komuniti ASEAN akan memberi nilai tambah dan manfaat kepada Malaysia (Berita Harian 2016).

Dalam aspek sosial dan budaya, komuniti ASEAN akan mengembangkan

lagi budaya Malaysia menjadi sebahagian dari budaya serantau. Tambahan pula, dengan pengenalan saluran Baru televisyen ASEAN yang dikenali dengan ASEAN-Go, serta mobiliti pelancongan serantau, Malaysia dijangka akan menarik lebih banyak pergerakan rakyat ASEAN ke negara ini. Manakala dari aspek ekonomi pula, pengurangan dan penghapusan cukai atau tarif barang oleh negara anggota memberikan Malaysia pasaran yang lebih besar untuk produknya. Justeru, pelbagai inisiatif yang dilihat sebagai nilai tambah kepada negara seharusnya dilihat sebagai suatu perancangan yang strategik melalui kaedah serampang dua mata ini (Berita Harian 2015).

### ***Belia Dan Kesederhanaan Global***

Belia merupakan suatu bentuk aset penting kepada negara. Dalam konteks ini, belia merupakan cerminan kepada keupayaan kerajaan dalam mempromosikan dasar dan agenda pemerintahan yang direncanakan. Justeru, bagi menolak fahaman ekstremis dalam kalangan belia, peranan kerajaan khasnya dari agensi-agensi kerajaan sememangnya memberikan suatu bentuk cabaran, keupayaan dan inisiatif yang mampu mencorakkan identiti belia. Jika belia hanya condong kepada satu fahaman, mendalami satu pegangan tanpa melihat kepada kebaikan lain, maka disini kerajaan telah gagal dalam mencorakkan generasi pelapis negara dalam melihat proses integrasi dalam kalangan masyarakat berjalan dengan lancar. Mengikut Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaluddin berkata fahaman ekstremis yang datang dalam pelbagai bentuk merupakan suatu ancaman kepada perpaduan negara dan perlu ditangani dengan konsisten (The Borneo Post 2015). Melalui Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Kementerian Belia dan Sukan sendiri, pengharapan Khairy kepada belia agar tidak terjebak dengan kegiatan ekstremisme melalui peranan dan usaha yang dilakukan oleh kedua-dua badan ini. Khairy berkata, beliau sentiasa mendengar MBM membawa agenda kesederhanaan dan perpaduan dalam kalangan belia. Jika suara ini sentiasa dibawa oleh MBM, maka beliau yakin bahawa belia tidak akan tertarik dengan sebarang kegiatan ektremisme (The Borneo Post 2015).

Tahun 2015 merupakan tahun cabaran buat Malaysia yang mana telah berjaya memegang dua kerusi utama bagi penggal berkenaan iaitu menjadi Kepengerusian ASEAN 2015 dan menjadi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) selama dua tahun, iaitu hingga 2016. Datuk Saifuddin Abdullah yang merupakan Pengerusi Gerakkan Kesederhanaan Global (GMM) pada ketika itu melihat pencapaian Malaysia menduduki kedua-dua kerusi berkenaan sebagai suatu pencapaian yang istimewa (Sinar Harian 2014). Namun cabaran buat negara ialah bagaimana Malaysia mampu mempromosikan kesederhanaan global ini kepada dunia dalam tempoh dua tahun memegang kedua-dua kerusi ini.

Bagi Saifuddin, peranan GMM sebagai badan pemikir akan menggunakan kedua-dua kedudukan tersebut untuk melipatgandakan lima inisiatif utama iaitu diplomasi digital, ancaman keselamatan tak-tradisional, demokrasi dan governans, pembangunan inklusif dan peranan masyarakat civil khususnya belia dan wanita

(Sinar Harian 2014). Melalui Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang ditubuhkan Perdana Menteri Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, majlis ini dilihat sedikit sebanyak menyentuh akan perbahasan mengenai penggubalan undang-undang, literasi perlembagaan, pembangunan inklusif, integrasi nasional, dan peranan belia. Justeru, peranan belia merupakan satu langkah tepat dalam mempromosikan nilai kesederhanaan kepada masyarakat setempat, serantau dan seterusnya dalam kalangan masyarakat dunia. Melalui peranan belia yang berlandaskan prinsip kesederhanaan ini, maka elemen Komuniti ASEAN termasuklah mempromosikan Asia Tenggara (ASEAN) sebagai wilayah yang aman, stabil dan makmur selain masyarakatnya yang saling menjaga hubungan dan berkongsi perpaduan dalam perbezaan (Berita Harian 2015).

### ***Cabaran Belia Dalam Merencanakan Kesederhanaan Global***

Dalam hal ini, belia adalah kelompok yang mudah terpengaruh dalam sesuatu fahaman, tindakan dan ideologi. Kaedah atau inisiatif yang diambil oleh kerajaan sangatlah memberikan kesan kepada golongan belia dalam menterjemahkan tindakan mereka keseharian. Pelbagai inisiatif kerajaan telah dilaksanakan seperti penubuhan Majlis Belia Malaysia, Yayasan Sukarelawan Siswa di bawah tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi, dan pelbagai persatuan belia lain. Apa yang direncanakan ialah dalam memastikan belia tidak terkeluar dari landasan sosial, menjadi mediasi (perantara) kepada kerajaan dengan masyarakat dan menyampaikan dasar dan perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat. Peranan yang sama dimainkan oleh belia dalam mempromosikan perpaduan dalam kalangan negara serantau amatlah dititikberatkan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata mencegah kalangan belia daripada menjadi golongan radikal adalah cabaran terbesar terhadap keselamatan negara di Malaysia. Beliau berkata:

*“...bagi diri saya, kesederhanaan terutamanya dalam konteks di Malaysia adalah tentang penerimaan. Kuncinya adalah bagi kita semua untuk menerima perbezaan kita, mencari titik persamaan bagi masalah yang kita hadapi dan bersama-sama menyelesaiannya...”* (Berita Harian 2015).

Wujudnya inisiatif kerajaan seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan suatu usaha ke arah membendung budaya subversif dan ekstrem ini. NALS 2015 pula merupakan suatu platform yang diwujudkan oleh Kelab UMNO Australia dengan kerjasama Kelab UMNO Luar Negara sebagai platform untuk pelajar dan belia dalam membimbing dan memupuk ciri-ciri kepimpinan serta untuk melahirkan pemimpin masa hadapan (Berita Harian 2015).

Bagi Hishammuddin, beliau bersetuju bahawa anggota masyarakat khasnya belia merupakan kelompok dalam kalangan masyarakat yang paling mudah untuk terpengaruh dengan gelajala radikalsime. Memetik kepada kata-katanya beliau

berkata:

*“..Jangan kita lupa bahawa matlamat ekstremisme adalah untuk mempengaruhi sasarannya untuk menjalankan kegiatan subversif. Oleh itu, kita perlu mempunyai komitmen lebih kukuh terhadap nilai-nilai kita, terutamanya kewujudan bersama secara aman dan meraikan perbezaan kita...”* (Berita Harian 2015).

### ***Belia Ke Arah Pembentukan Komuniti ASEAN***

Tema am “ASEAN Berpaksikan Rakyat” 2015 sememangnya memberikan gambaran positif ke arah pembentukannya. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memainkan peranan penting dalam menjayakan pembentukan Komuniti ASEAN ini. Hal ini kerana, golongan belialah merupakan unit saham yang paling bernilai dalam kalangan masyarakat kerana bertindak sebagai perantara kepada kerajaan dan masyarakat. Golongan belia yang aktif, yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi mampu menjadi agen yang terbaik dalam menyampaikan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat, manakala dalam konteks serantau sebagai mediasi perpaduan yang akan membawa agenda perpaduan nasional dalam kalangan negara serantau.

ABIM pada tahun 2014 melalui perbincangan meja bulat (RTD) bersama GMM berpendapat bahawa belia merupakan kelompok yang signifikan kepada negara. Seterusnya belia berperanan penting yang akan membawa hala tuju negara ke arah pembentukan sebuah komuniti integrasi yang diinginkan. ABIM turut menggesa supaya belia, pertubuhan dan pemimpin belia supaya memainkan peranan aktif dalam meningkatkan kerjasama sesama rakan-rakan dalam negara anggota khasnya dalam pembangunan belia dan pelbagai bidang lain seperti pertukaran belia, kerjasama penyelidikan isu belia, peace building dan kesukarelawanan kerana generasi muda merupakan paksi kepada kejayaan ASEAN pada masa kini dan masa hadapan (ABIM 2014). Gesaan ini turut diperlihat dalam inisiatif Yayasan Sukarelawan Siswa yang sering mengadakan program pertukaran pelajar dan mengadakan program pertukaran budaya ke negara ASEAN. Antara aktiviti yang telah dijalankan seperti memberikan pendidikan percuma kepada kanak-kanak, melakukan aktiviti amal seperti gotong-royong membersihkan kawasan kampung dan masjid, menyalurkan tenaga khidmat pelajar (mahasiswa universiti awam) dalam aktiviti kemasyarakatan dan lain-lain program.

Persidangan Belia ASEAN 2015 yang dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS), dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) telah melibatkan keseluruhan wakil belia dalam kalangan negara anggota ASEAN. Persidangan ini telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 18 – 20 November 2015 yang mana telah berlangsung dengan jayanya. Antara matlamat yang dipersebutui adalah pertukaran pandangan dan idea antara kelompok belia ASEAN, faktor kesihatan, keselamatan rentas sempadan khususnya ASEAN, peluang pekerjaan

dan ekonomi dalam kalangan belia ASEAN, pertukaran budaya dan integrasi dalam kalangan belia ASEAN. Pertemuan pelbagai hala antara pimpinan belia ASEAN seharusnya dijadikan sebagai suatu platform yang terbaik dalam menyalurkan segala bentuk pandangan dan inisiatif yang ingin sampaikan.

Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah turut berkongsi nada yang sama berkenaan dengan peranan belia dalam ASEAN (Sidang Kemuncak ASEAN ke-20). Beliau menyatakan bahawa usaha menyatupadukan belia-belia melalui pertukaran-pertukaran juga akan meningkatkan kerjasama dan kesalingfahaman. Baginda merasakan bahawa belia adalah kelompok yang sangat signifikan dalam kalangan negara ASEAN kerana faktor pembawa, semangat dan kesungguhan generasi muda dalam bermasyarakat. Baginda melihat kepada tema am ASEAN iaitu people centred sebagai teras utama kepada kejayaan pembentukan Komuniti ASEAN ini (Pelita Brunei 2014). Belia yang merupakan penghuni terbesar dalam kalangan masyarakat di ASEAN sememangnya berperanan penting kepada kejayaan pembentukan ini. Pembangunan yang mapan serta nilai rakyat yang diangkat dalam kalangan masyarakat ASEAN, itulah penentu kepada kejayaan pembentukan ini.

### ***Peranan Belia Dalam Pembentukan Komuniti ASEAN***

Seperti dalam penjelasan bab sebelum ini, belia merupakan kelompok masyarakat terbesar di ASEAN yang mana merangkumi 60% (625 juta orang) daripada populasi penduduk di negara ASEAN (Ahmad Maslan 2016). Ahmad Maslan berkata belia sebagai kelompok pelapis sesebuah negara sememangnya berperanan penting dalam melaksanakan sesuatu dasar kerajaan. Beliau berkata belia merupakan kelompok yang berperanan penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan serantau. Justeru, tambahan beliau:

*“...Dengan 375 juta belia berusia bawah 35 tahun, sesungguhnya ASEAN merupakan rantau yang memiliki potensi besar serta laluan menarik bagi pelaburan langsung...”*

(Malaysian Digest 2016)

*“...Hari ini, mereka (belia) juga memainkan peranan penting dalam membentuk Komuniti ASEAN (yang ditubuhkan pada 31 Dis 2015)...”*

(Malaysian Digest 2016)

Ahmad Maslan mengambil contoh dengan membandingkan ASEAN dengan blok serantau lain seperti Kesatuan Eropah (EU), yang kini berdepan dengan isu Greying of Europe, di mana jumlah mereka yang berusia pertengahan dan berusia emas semakin banyak daripada belia. Ahmad Maslan berkata bahawa isu ini akan menjadi ciri yang menentukan landskap ekonomi EU beberapa dekad akan datang. Beliau melihat bahawa keadaan yang sama bagi negara maju yang lain seperti Jepun.

Keupayaan ASEAN, yang mana sebahagian besar penduduknya terdiri daripada belia, berbakat dan mahir, mempunyai potensi besar dari segi pasaran

bagi barang, perkhidmatan dan pelaburan. Menurut beliau, pada 2014, pelaburan langsung asing ASEAN secara kolektif berjumlah AS\$136 bilion (RM530.4 bilion), lebih tinggi daripada Amerika Syarikat dan China, manakala perdagangan antarabangsanya pula meningkat hampir tiga kali ganda dalam tempoh 10 tahun lepas (Malaysian Digest 2016). Ahmad Maslan turut berkata, menjelang tahun 2050, ASEAN akan muncul sebagai kuasa ekonomi ke-4 terbesar di dunia.

Peranan mahasiswa universiti tempatan juga berperanan penting dalam mengeratkan hubungan dalam kalangan negara anggota. Mengikut Jessica Ong Hai Liaw (2015), beliau berkata bahawa peranan belia sebagai wakil pelajar, mentor dan universiti dari negara ASEAN dapat berbincang secara professional dan membina kekuatan jati diri serta menguatkan ketahanan mental sekaligus mengeratkan hubungan universiti-universiti tetangga negara ASEAN (Utusan Online 2015). Beliau yang berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah terlibat secara partisipasi dengan 34 orang pelajar UPNM ke Songkhla Thailand pada April 2015. Jessica menjelaskan bahawa selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, mahasiswa UPNM mengatur langkah sebagai Duta Kecil Malaysia merentas sempadan di Thailand untuk memperkenalkan budaya Malaysia dan mengadakan forum akademik untuk membincangkan kerjasama yang boleh dijalin antara belia di ASEAN dan input perbincangan akan dibawa ke ASEAN (Utusan Online 2015).

Pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-20, Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah berkata,

*“..pentingnya peranan belia untuk masa hadapan, oleh itu adalah penting untuk terus menyediakan asas-asas bagi membina dan menggalakkan mereka memainkan peranan yang penting dalam usaha pembangunan Komuniti ASEAN...”* (Pelita Brunei 2013).

Dengan kerjasama dalam kalangan belia ASEAN, kelompok belia dapat mempelajari cara untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat setempat, dan pada masa yang sama memperoleh pengetahuan dan pengalaman yang baru bagi meningkatkan kemahiran kendiri. Belia yang belajar di institusi pengajian tinggi mahupun yang telah menerima ijazah, sememangnya menjadikan mereka lebih kebolehpasaran dan berdaya saing.

Negara Brunei merupakan sebuah negara yang mementingkan keberadaan kelompok belianya. Justeru pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dalam kalangan belianya untuk memastikan dapat bersaing dan membangunkan sahsiah diri dalam hidup bermasyarakat. Kepedulian berkenaan dengan pembangunan belia sangat dititikberatkan. Justeru, Brunei turut sama melancarkan Program Khidmat Bakti Negara persis kepada Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Malaysia. Kerajaan Brunei bukan sahaja menjaga kualiti belianya malah turut sama menjaga hubungan serantau dengan mengadakan pelbagai inisiatif seperti kebudayaan

dan sukan dalam kalangan negara serantau sebagai usaha mengeratkan hubungan pelbagai hala. Antara bentuk program yang dijalankan seperti Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) iaitu pertandingan bola sepak Belia ASEAN di bawah umur 21 tahun, dan program Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) yang melibatkan belia-belia di ASEAN.

### ***Sumbangan Belia Dalam Memperkasakan Komuniti ASEAN***

Dalam menggerakkan pembentukan komuniti ASEAN ini, tidak dapat lari dari sumbangan kelompok belia dalam pembinaannya. Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron berkata bahawa, golongan belia perlu memainkan peranan aktif dalam pembangunan ekonomi negara masing-masing. Justeru, pendapat beliau ini berkisarkan kepada usaha dan gerak kerja belia dalam meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara di ASEAN selaras dengan teras utama dalam pembinaan Komuniti ASEAN iaitu pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Memetik kepada kata-katanya, Idris Haron berkata,

*“...Justeru, golongan ini perlu berperanan secara aktif dan sentiasa bersedia memaksimumkan peranan mereka dalam pembangunan ekonomi dalam kalangan komuniti ASEAN. Jadikan kawasan ASEAN sebagai kawasan yang aman, bebas, makmur dan berkecuali. Inilah peranan belia pada masa depan...”*  
 (Utusan Online 2015).

Kualiti dan nilai yang ada pada belia tidak seharusnya dipandang enteng. Dalam hal ini, belia berperanan memberikan sumbangan sebagai agen atau mediator kepada kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan dan sumbangan kepada masyarakat. Sumbangan ini tidak hanya tertumpu kepada isu nasional malah turut meliputi keseluruhan kepentingan masyarakat di Asia Tenggara. Belia juga bertindak sebagai agen yang menyatu-padukan masyarakat, menjadi agen kepada proses integrasi, agen ASEAN dalam meningkatkan keharmonian, kestabilan dan kebijakan masyarakat secara keseluruhannya. Jaringan sosial dan kerjasama yang dipupuk dalam kalangan belia di ASEAN sememangnya suatu cabaran yang harus didepani oleh semua belia dalam kalangan negara anggota.

Justeru, Malaysia sebagai negara penceetus kepada pembentukan Komuniti ASEAN ini perlu memainkan peranan dan sumbangan yang lebih berbanding belia dalam kalangan negara anggota. Tidak hairanlah jika belia Malaysia dijadikan sebagai role model kepada belia di ASEAN suatu hari nanti. Cerminkan ini memperlihatkan bahawa kualiti yang ada dalam kalangan belia di Malaysia sebagai kelebihan yang bermanfaat buat negara. Dengan kesedaran dan nilai kebertanggungjawaban ini, secara tidak langsung hal ini dapat membuka ruang dan peluang kepada kelompok belia untuk memperkasakan kekuatan komuniti itu sendiri. Usahasama yang dipamerkan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa dibawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sedikit sebanyak telah membantu dalam memperkasakan belia di Malaysia. Melalui program kesukarelawan ini, belia

(mahasiswa universiti) telah didedahkan dengan pelbagai perkara asas yang dapat membantu meningkatkan kualiti diri, kebolehpasaran dan keupayaan belia dalam memperkasakan kelompok mereka. Program kesukarelawan ini dijadikan sebagai platform kepada mahasiswa untuk memberikan sumbang bakti kepada masyarakat khasnya selain dapat membuka hijab mahasiswa akan kesedaran dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat.

Mahasiswa sebagai belia negara, seharusnya berbakti kepada masyarakat kerana secara prinsipnya, keberadaan mahasiswa di universiti adalah hasil daripada duit poket masyarakat. Maka, kepada masyarakat jualah mahasiswa perlu menabur bakti kembali dan bukan untuk kantung sendiri. Sebagai contoh, Misi Sukarelawan Siswa Yss-Asean ke Champasak, Lao Pdr 2016 yang mana telah disertai seramai 44 orang sukarelawan siswa dari negara ASEAN termasuklah dari Malaysia telah berkampung selama dua minggu dalam misi pendidikan, kesihatan, komuniti dan teknologi maklumat. Dalam misi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Sukan (MoES) Lao PDR itu, sukarelawan siswa telah menjalankan kegiatan berdasarkan konsep ‘immersion’ di mana mereka mendalamai budaya dan kehidupan masyarakat setempat.

Selain itu, Persidangan Belia ASEAN [International Conference for Young Leaders] (ICYL) tahun 2015 yang dianjurkan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah berlangsung dengan jayanya. Matlamatnya adalah untuk berkongsi serta bertukar pandangan dan idea dalam kalangan belia di ASEAN, persidangan ini mampu mencorakkan kerjasama, tanggungjawab dan keprihatinan berkenaan isu serantau berdasarkan kepada tonggak Politik dan Keselamatan, Jaringan Sosial dan Kebudayaan, Transformasi Kepengerusian ASEAN, dan Partisipasi, Penghakupayaan dan Representasi Belia.

Pada Mesyuarat Ke-VII Menteri-Menteri Belia ASEAN (AMMY) dan Mesyuarat Ke-3 Menteri-Menteri Belia ASEAN+3 (AMMY+3) yang diadakan pada 20 Oktober 2011 di Hanoi, Vietnam, mesyuarat ini telah bersetuju menyokong beberapa program untuk dilaksanakan:

- ASEAN Young Leaders Exchange
- The ASEAN Young Entrepreneurs Festival
- ASEAN Youth Volunteers Programme
- Regional Workshop on Entrepreneurs Skills Training for the Development of ASEAN Out-of School Youth (OSY)
- Penubuhan Tabung Program Belia ASEAN

Justeru, pelbagai inisiatif dan sumbangan yang melibatkan belia ASEAN telah berjaya dirangka dan dijalankan selain terdapat beberapa inisiatif lain yang masih dalam peringkat perancangan. Berikut merupakan inisiatif yang telah dan akan dijalankan bagi memperkasakan belia ASEAN sehingga tahun 2015

- Persidangan Belia ASEAN
- Sukan ASEAN (Sukan SEA)
- Hassanal Bolkiah Trophy (HBT)
- Program Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP)
- Persidangan Meja Bulat Belia: Gagasan Komuniti ASEAN (IYRES)
- Kuiz Khas ASEAN 2015
- Sambutan Hari ASEAN
- Program Sukarela Belia Asean

Sumbangan belia dalam memperkasakan pembentukan Komuniti ASEAN memang tidak dapat disangkal lagi. Belia dilihat mampu memberikan kelebihan bagi sesebuah negara kerana semangat dan kebolehan yang tinggi yang ada pada diri mereka. Dengan keadaan dunia yang semakin mencapai permodenan dan kemajuan, perkongsian idea dan pandangan rentas sempadan tidak lagi menjadi kekangan malah hal ini dapat diutuhkan lagi dengan wujudnya pelbagai inisiatif dan program yang dirangka bagi mencapai matlamat dan kepentingan bersama. Sebagai contoh dalam isu kesihatan dan keselamatan rentas sempadan seperti banjir, pencemaran udara yang berlaku saban tahun, golongan belia mampu memberikan pandangan dan penyelesaian yang jitu melalui program dan usahasama antara negara. Hal inilah yang menjadi teras utama kepada faktor belia sebagai agen yang signifikan bagi pembentukan Komuniti ASEAN ini.

### ***Konsep Komuniti Bayangan Dalam Pembentukan Komuniti ASEAN***

Ben Anderson (1991) merujuk ‘Bangsa’ sebagai sebuah Komuniti Bayangan. Beliau menjelaskan bahawa suatu perasaan sepunya yang dikongsikan bersama dan merentasi pelbagai bahagian dalam sesebuah negara. Kepelbagaian dan perbezaan bangsa yang tidak dijadikan perbezaan malah diraikan demi kepentingan bersama. Jurang yang ada tidak dijadikan sebagai suatu sempadan namun, kepelbagaian ini dimanfaati, disanjungi dan dihormati bersama dalam hidup bermasyarakat. Berkenaan dengan semangat nasionalisme yang ada pada setiap negara ASEAN, kepelbagaian ini tidak seharusnya dijadikan sebagai sempadan jurang bagi perpaduan, penyatupaduan dan kesepaduan. Malah, kepelbagaian ini diraikan demi kepentingan bersama, boleh wujudnya perkongsian budaya serantau, pemerksaan nilai dan sosiobudaya yang serumpun dijadikan sebagai kelebihan bersama.

Dalam konteks ini, komuniti ASEAN merupakan masyarakat yang majmuk dan berbilang bangsa namun disatukan di bawah payung ASEAN untuk lebih bersatu-padu, harmoni dan berupaya membina sebuah kelompok komuniti yang berjaya atas persefahaman dan kesepaduan yang terjalin. Persefahaman, pertukaran pendapat rentas sempadan, perkongsian sumber ekonomi, kestabilan politik dan keselemanan, dan konsep perpaduan dalam perbezaan menjadi teras ke arah pembentukan ini. ‘Sebuah ASEAN Untuk Semua’ harus difahami dan kerajaan Malaysia khususnya belia yang berperanan sama mewujudkan sebuah rantau ASEAN yang lebih stabil, aman dan makmur dengan memastikan ASEAN bebas daripada sebarang peperangan, konflik agama dan kaum, perebutan wilayah dan warisan budaya,

dan kes pembunuhan dengan menggalakkan dialog dan penyelesaian aman dimeja rundingan (Jessica Ong Hai Liaw 2015).

Perasaan sepunya mengikut Anderson seharusnya tidak menjadi perbezaan yang jelas di rantau ASEAN walaupun terdapat kepelbagaian etnik, ras, dan agama namun hal ini dapat disatukan melalui persamaan budaya serumpun dalam kalangan negara di Asia Tenggara yang telah wujud sekian lama. Kepelbagaian ini dijadikan sebagai kekuatan kepada negara di rantau ASEAN dan oleh kerana itulah, maka termeterainya perjanjian pembentukan Komuniti ASEAN ini pada November 2015 lepas.

## RUMUSAN

Tuntasnya, golongan belia dilihat berperanan penting sebagai generasi pelapis negara yang bakal menggalas tanggungjawab negara pada masa hadapan. Melalui kesedaran, perkongsian idea dan pandangan, serta pemerkasaan terhadap kelompok belia, sememangnya akan memberikan manfaat dan kelebihan pada masa hadapan. Usahasama dari pelbagai pihak serta hubungan akrab dalam kalangan negara serantau (ASEAN) sedikit sebanyak memberikan suatu gambaran positif dalam mencapai keberkesanannya. Dengan wujudnya sebuah komuniti yang berasaskan kepada perasaan sepunya serantau, perkongsian budaya, kesefahaman dan toleransi yang tinggi mampu menjadikan ASEAN sebagai sebuah rantau yang berjaya seperti mana harapan dalam menjadikan ASEAN sebagai kuasa ekonomi keempat terbesar menjelang tahun 2040.

Keupayaan dan kesedaran yang dimiliki belia pada hari ini sedikit sebanyak berkisar terhadap pembentukan sesebuah komuniti. Komuniti ASEAN adalah inti pati yang sangat penting, acuan komuniti ASEAN yang ingin digarap oleh Malaysia adalah dengan mewujudkan komuniti ASEAN bersifat ‘political cohesive’ (padu dari segi politik) dan bersepadu (integrated), manakala daripada segi ekonomi yang lebih kukuh serta mantap dari segi pembangunan sosial dan kebudayaan. Hal ini membabitkan kaedah untuk menyedia dan memperkuatkan proses penyepaduan bagi merealisasikan Komuniti ASEAN berasaskan peraturan dan berorientasikan rakyat serta ASEAN berpaksikan rakyat bagi mengatasi jurang pembangunan. Pembentukan Komuniti ASEAN akan memberi nilai tambah dan manfaat kepada Malaysia (Berita Harian 2016).

Dengan termeterai penubuhan Komuniti ASEAN (2015), maka wujudnya komuniti rentas sempadan yang berpaksikan kepada kerjasama serantau, tanggungjawab dan kepentingan bersama dalam mencapai matlamat-matlamat yang dimeterai dalam pembentukan Komuniti ASEAN ini. Kerjasama dan kesalingfahaman yang tinggi mampu mencorakkan kejayaan unggul pembentukan Komuniti ASEAN dan seterusnya memperkasakan ASEAN itu sendiri.

**RUJUKAN**

- Abim. 2014. Belia Perlu Persiapkan Diri Hadapi Gagasan Komuniti ASEAN. <http://www.abim.org.my/siaran-sentral/item/404-belia-perlu-persiapkan-diri-hadapi-gagasan-komuniti-asean.html> 11 Jun 2016
- Anon. 2008. Komuniti. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=masyarakat+komuniti> 10 Jun 2016
- Anon. 2012. Belia Berperanan Penting Bentuk Komuniti Progresif. [http://iyres.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=405:belia-berperanan-penting-bentuk-komuniti-progresif-asean&catid=135:latest-news&Itemid=229&lang=ms](http://iyres.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=405:belia-berperanan-penting-bentuk-komuniti-progresif-asean&catid=135:latest-news&Itemid=229&lang=ms) 10 Jun 2016
- Anon. 2012. Pemahaman Wasatiyyah dan Ancaman Terhadap Islam Masa Kini. Kuala Lumpur: Sekretariat Seminar Pemahaman Wasatiyyah dan 1Malaysia.
- Anon. 2014. Persidangan Meja Bulat Belia: Gagasan Komuniti ASEAN. [http://www.ippbm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&layout=edit&id=838&lang=ms](http://www.ippbm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&layout=edit&id=838&lang=ms) 9 Jun 2016
- Anon. 2014. Rakyat Tonggak Utama Komuniti ASEAN. <http://pelitabrunei.gov.bn/sukan/item/15035-rakyat-tonggak-utama-komuniti-asean> 10 Jun 2016
- Anon. 2014. Tahun Cabaran Kesederhanaan. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/utara/tahun-cabarankesederhanaan-1.343714> 15 Jun 2016
- Anon. 2015 Apa Itu Komuniti? <http://gmm.fsksm.utm.my/~scrg/faq.php> 8 Jun 2016
- Anon. 2015. 100 Hari Menuju Pembentukan Komuniti ASEAN. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/100-hari-menuju-pembentukan-komuniti-asean-1.433701> 15 Jun 2016
- Anon. 2015. Belia Main Peranan Ubah Komuniti Ekonomi ASEAN. <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/belia-main-peranan-ubah-komuniti-ekonomi-asean-1.151703> 14 Jun 2016
- Anon. 2015. Belia Pemacu Komuniti ASEAN. <http://www.astroawani.com/video-malaysia/belia-pemacu-komuniti-asean-72101> 7 Jun 2016
- Anon. 2015. MBM Perlu Terus Promosi Kesederhanaan, Kata Khairy. <http://www.theborneopost.com/2015/01/18/mbm-perlu-terus-promosi-kesederhanaan-kata-khairy/> 15 Jun 2016

- Anon. 2016. Belia Aset Penting Dalam Pembentukan Masa Depan. <http://www.malaysiadigest.com/bahasa-malaysia/606303-belia-aset-paling-penting-dalam-pembentukan-masa-depan-asean-ahmad-maslan.html> 14 Jun 2016
- Benedict Anderson. 1991. *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Bernama. 2015. Belia Mahukan Komuniti ASEAN Yang Tawarkan Banyak Pekerjaan, Saluran Untuk Pendapat. [http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=9634:2015-11-17-01-15-01&catid=118:berita-terkini&Itemid=254&lang=ms](http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=9634:2015-11-17-01-15-01&catid=118:berita-terkini&Itemid=254&lang=ms) 13 Jun 2016
- Bernama. 2015. Komuniti ASEAN Bergerak Ke Arah Integrasi Serantau. <http://www.bharian.com.my/node/98054> 9 Jun 2016
- Jessica Ong Hai Liaw. 2015. Integrasikan Belia ASEAN, Bina Komuniti Paksaikan Rakyat. <http://www.utusan.com.my/rencana/integrasikan-belia-asean-bina-komuniti-paksikan-rakyat-1.91212> 16 Jun 2016
- Kumara Sabapatty. 2015. Komuniti ASEAN Perlu Bersatu Selesaikan Pertikaian Serantau. <http://malaysiagazette.com/ms/asean-summit/komuniti-asean-perlu-bersatu-selesaikan-pertikaian-serantau> 10 Jun 2016
- Majlis Belia Malaysia. 2015. Takwim Komuniti ASEAN 2015. <http://belia.org.my/wp/2015/02/27/takwim-komuniti-asean-2015/> 22 April 2016
- Mashitah Ibrahim. 2012. *Moderat: Antidot Barisan Nasional Menentang Politik Menghalalkan Cara*. Kuala Lumpur: Yayasan Darling.
- Mohammad Kamil Ab Majid. 2012. *Wasatiyyah Islam: Antara Liberalisme & Konservatisme Di Malaysia*. Ampang: Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd.
- Mohd. Fitri Abdul Rahman & Mohd. Foad Sakdan. 2013. *Konflik Politik Perkauman: Strategi Dan Penyelesaian Cara Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Paimah Atoma & Hariza Mohd Yusof (pnyt). 2012. *Islam Dan Wasatiyyah*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia
- Mustaffa Kamil Ayub. 2004. *Masyarakat Madani & Idealisme Politik*. Petaling Jaya: Institut Masyarakat Madani.
- Najib Razak. 2011. *Menjuarai Transformasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Norliah Md. Zain. 2013. Memperkasa Belia ASEAN. <http://www.pelitabrunei.gov.bn/rencana/item/1401-memperkasa-belia-asean> 14 Jun 2016

Shahlan Ismail. 2011. 1Malaysia Menjana Negara Sejahtera Dan Bahagia Menjelang 2020. Kuala Lumpur: Centre For Glocal Concerns.

Super User. 2015. About AYLS 2015. <http://mpbn.kbs.gov.my/introduction/background.html> 10 Jun 2016

Tengku Faezah Tengku Yusof. 2015. Belia Mahukan Komuniti ASEAN Yang Tawarkan Banyak Pekerjaan, Saluran Untuk Pendapat. <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=1190143> 8 Jun 2016

User1. 2016. Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN Ke Champasak, Lao PDR 2016. <http://www.sukarelawansiswa.my/?p=2270> 15 Jun 2016

Wasitah Mohd Yusof. 2016. Komuniti ASEAN Dirangka Beri Manfaat Belia. <http://www.bharian.com.my/node/122617> 8 Jun 2016

***Profil Penulis :***

***Muhammad Ismail Aminuddin***  
Assistant Research  
*Institute of Ethnic Studies (KITA)*  
*National University of Malaysia (UKM)*  
*43600 Bangi Selangor, Malaysia*

## ASET PERKEMBANGAN DAN KEPUASAN HIDUP REMAJA MELAYU

SITI MARNIZAH BINTI ABDUL RAHIM DAN SITI NOR YAACOB

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara aset perkembangan dan kepuasan hidup dalam kalangan remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Kajian ini telah dijalankan di empat buah negeri di semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Johor, Kelantan dan Kedah. Kaedah persampelan Probability Proportionate to Size (PPS) telah digunakan untuk memilih 739 orang pelajar lelaki dan perempuan Melayu berusia di antara 13 hingga 17 tahun. Kepuasan hidup remaja diukur menggunakan Student Life Satisfaction Scale (Huebner, 1991) dan aset perkembangan remaja diukur menggunakan Developmental Assets Profile (Search Institute, 2005). Kajian mendapati 56.7% remaja yang dikaji mempunyai tahap kepuasan hidup yang rendah. Hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat perkaitan positif yang signifikan antara lapan kategori aset perkembangan dan kepuasan hidup remaja Melayu. Ujian regresi mendapati secara keseluruhannya pembolehubah yang dimasukkan ke dalam model regresi menjelaskan sebanyak 9.3% daripada varians kepuasan hidup remaja Melayu. Aset identiti positif ( $\beta=185$ ,  $p=0.001$ ) merupakan peramal signifikan yang lebih kuat terhadap kepuasan hidup remaja Melayu. Kesimpulannya, remaja Melayu harus dilengkapi dengan aset perkembangan bagi meningkatkan tahap kepuasan hidup mereka.

**Kata Kunci:** Aset Perkembangan, Kategori Aset Perkembangan, Kepuasan Hidup, Remaja Melayu

### ABSTRACT

This study aims to determine the relationship between developmental asset and life satisfaction among Malay adolescents in Peninsular Malaysia. This study was conducted in four states in Peninsular Malaysia Selangor, Johor, Kelantan and Kedah. Probability Proportionate to Size (PPS) sampling method was used to select 739 Malay male and female students aged between 13 and 17 years old. Adolescents' life satisfaction was measured using Student Life Satisfaction Scale (Huebner, 1991) and adolescents' developmental assets was measured using Developmental Assets Profile (Search Institute, 2005). This study found that 56.7% of adolescents in the study exhibit low level of life satisfaction. Findings on correlation analysis showed significant positive relationship between eight categories of developmental assets and life satisfaction of Malay adolescents. Regression analysis suggested that all variables entered into the regression model explained 9.3% of the variance in Malay adolescents' life satisfaction. Positive identity asset ( $\beta=185$ ,  $p=0.001$ ) appeared as a stronger significant predictor of Malay adolescents' life satisfaction. In conclusion, it is suggested that Malay adolescents should be equipped with developmental asset in order to enhance their levels of life satisfaction.

**Keywords:** *Developmental Asset, Developmental Asset Category, Life Satisfaction, Malay Adolescents*

## PENGENALAN

Zaman remaja dianggap sebagai peringkat paling kritis dalam proses perkembangan manusia (Sigelman & Rider, 2010). Peringkat perkembangan ini mempunyai konflik tersendiri dan mempengaruhi kefungsian internal dan eksternal remaja.

Kefungsian eksternal dan internal mempunyai perkaitan signifikan dengan kepuasan hidup dalam kalangan remaja (Antaramian, Huebner, & Vallois, 2008; Carvalho & Schumaker, 2012). Remaja yang mengalami masalah kefungsian internal dan eksternal seperti terlibat dengan masalah salah laku dan mengalami ketidakstabilan emosi mempunyai kepuasan hidup yang rendah.

Kepuasan hidup ditafsir sebagai satu kekuatan psikologi yang penting dalam menggalakkan perkembangan positif dalam kalangan remaja (Huebner, 1991). Kepuasan hidup juga menyumbang kepada pelbagai aspek perkembangan positif remaja termasuk tingkah laku dan personaliti (Suldo & Huebner, 2006). Remaja yang mempunyai tahap kepuasan hidup yang tinggi didapati mempunyai tahap keyakinan yang tinggi, lebih optimistik, memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang, dan mempunyai daya tahan yang tinggi (Haranin, Huebner, & Suldo, 2007; Martin, Huebner, & Valois, 2008).

Kajian terdahulu mendapati kepuasan hidup dalam kalangan remaja di pengaruhi oleh faktor eksternal dan internal (Huebner, Drane, & Valois, 2000). Antaranya seperti faktor keluarga, rakan sebaya, Sosial Ekonomi Status ibu bapa (SES) dan personaliti. Antaramian dan rakan-rakan (2008) dalam kajian mereka melibatkan kepuasan hidup dan aset perkembangan dalam kalangan remaja mendapati kualiti aset perkembangan yang merangkumi faktor eksternal dan internal merupakan pendekatan positif yang proaktif dalam menyumbang dan memperkasakan kesejahteraan hidup remaja.

Aset perkembangan ditakrifkan sebagai satu set nilai yang berkaitan dengan pengalaman, perhubungan, kemahiran dan nilai-nilai positif yang mampu meningkatkan kualiti hidup golongan muda atau remaja (Scales & Roehlkepartain, 2003). Search institute (2005) melaporkan remaja yang mempunyai skor yang rendah dalam aset perkembangan cenderung untuk terlibat dengan masalah salah laku yang mempengaruhi penilaian tahap kepuasan hidup mereka.

Aset perkembangan boleh dikategorikan kepada aset eksternal dan aset internal. Aset eksternal merujuk kepada aset yang berkaitan dengan faktor persekitaran luar remaja seperti ibu bapa, jiran, sekolah dan persekitaran sosial (Search institute, 2005). Manakala aset internal merujuk kepada aset yang terdapat

dalam diri remaja seperti identiti diri, personaliti dan sikap positif. Dalam kajian ini aset eksternal terbahagi kepada empat kategori iaitu sokongan, pemerkasaan, penggunaan masa, halangan dan jangkaan. Aset internal juga terdiri daripada empat kategori iaitu komitmen pembelajaran, nilai positif, kompetensi sosial dan identiti positif. Secara keseluruhannya aset eksternal dan internal adalah komponen signifikan bagi penilaian kepuasan hidup yang lebih baik dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan (MacKay, 2007).

Aset sokongan merujuk kepada sokongan yang diterima daripada ahli keluarga, mempunyai sistem komunikasi keluarga yang positif, kawasan kejiranan yang prihatin, dan kawasan sekolah yang selamat (Search Institute, 2005). Oberle dan rakan-rakan (2011) mendapati pendedahan kepada sokongan sosial yang positif daripada ibu bapa, guru, dan rakan sebaya memberi kesan positif terhadap perkembangan remaja dan membantu meningkatkan kualiti kesejahteraan atau kepuasan hidup remaja.

Memperkasakan atau empowerment merujuk kepada peranan dan tanggungjawab dalam keluarga dan komuniti yang diberikan kepada kanak-kanak. Kewujudan komuniti yang melibatkan golongan remaja dalam aktiviti kemasyarakatan dan memperkasakan persekitaran yang selamat kepada remaja (Search Institute, 2005). Persekutuan komuniti yang tidak selamat mempunyai perkaitan signifikan dengan masalah salah laku remaja (Theokas & Lerner, 2006). Remaja yang terlibat dengan aktiviti persatuan keluarga dan komuniti kurang terlibat dengan gejala salah laku dan mempunyai penilaian kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding dengan remaja yang tidak terlibat dengan aktiviti persatuan komuniti mahupun keluarga (Theokas & Lerner, 2006; Huebner & Diener, 2008).

Aset halangan merujuk kepada pendedahan peraturan bersistem yang jelas kepada remaja seperti peraturan dalam keluarga, peraturan semasa di sekolah, peraturan kawasan kejiranan yang mendedahkan remaja kepada sikap-sikap positif dan bertanggungjawab (Search Institute, 2005). Manakala jangkaan merujuk kepada ibu bapa dan guru yang mendorong remaja untuk berjaya. Remaja yang berjaya mempunyai daya tahan diri yang kuat dan patuh kepada sistem peraturan yang telah ditetapkan (Silverman, 2004; Scales & Benson, 2007; Ferguson et al., 2010). Kajian terdahulu mendapati remaja yang mematuhi peraturan di rumah dan sekolah mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi kerana tidak terlibat dengan gejala salah laku (Shoshani & Slone, 2012).

Aset penggunaan masa merujuk kepada penjadualan masa yang bersistematik dan membolehkan remaja terlibat dengan aktiviti di luar sekolah seperti bersukan, teater, kesenian, aktiviti komuniti, aktiviti keagamaan, dan mempunyai masa lapang untuk berehat di rumah (Search Institute, 2005). Aktiviti persatuan, kelab mahupun kumpulan mampu menerapkan nilai-nilai positif dalam diri remaja (Carvalho & Schumacker, 2012). Golongan remaja yang terlibat dengan aktiviti persatuan atau kelab dilaporkan lebih berasa gembira dengan kehidupan mereka dan menikmati

aktiviti persatuan yang mereka ikuti (Ellison, Finch, Ryan, & Salinas, 2009).

Aset komitmen untuk belajar merujuk kepada motivasi untuk mencapai matlamat, mempunyai prestasi pembelajaran yang cemerlang, mampu menyiapkan kerja rumah, dan mempunyai masa untuk menimba ilmu dalam kaedah lain seperti membaca atau melakukan eksperimen (Search institute, 2005). Remaja yang mempunyai keazaman yang tinggi, optimistik dan bermatlamat mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi dan mempunyai prestasi akademik yang tinggi (Scales, 2011).

Aset nilai positif merujuk kepada remaja yang mempunyai ciri-ciri sikap yang positif seperti bertanggungjawab, mengambil berat, adil, jujur, amanah dan mengamalkan gaya hidup yang sihat (Search institute, 2005). Nilai positif merupakan antara faktor penting dalam menentukan kepuasan hidup dalam kalangan remaja mahupun belia (Scales & Fraher, 2010; Schimmack et al., 2004). Remaja yang menggambarkan diri mereka sebagai mempunyai nilai positif yang tinggi juga mempunyai kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding remaja yang mempunyai skor nilai positif yang rendah (Grace, 2008).

Aset kompetensi sosial merujuk kepada kebolehan bersosial yang baik seperti mampu membuat keputusan dan merancang, kompetensi interpersonal, resilien, mampu menyelesaikan masalah, kompetensi budaya dan agama (Search institute, 2005). Kompetensi sosial yang rendah mempunyai perkaitan signifikan dengan masalah salah laku remaja (Gallagher et al., 2009; Scales, 1999; Huebner, Drane, & Valois, 2000). Remaja yang mempunyai kompetensi sosial yang tinggi kurang terlibat dengan gejala salah laku dan melaporkan tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi (Raboteg-Saric et al., 2008).

Aset identiti positif merujuk kepada kekuatan personal seperti mempunyai jati diri, berkeyakinan tinggi, mempunyai matlamat hidup dan identiti budaya yang positif (Search institute, 2005). Suhail dan Chaudhry (2004) menyatakan identiti adalah sangat penting dalam perkembangan remaja. Kajian terdahulu mendapati identiti atau personaliti adalah salah satu faktor yang signifikan dengan kepuasan hidup individu (Scales et al., 2000; Schimmack et al., 2004; Scales & Fraher, 2010). Kajian yang dilakukan oleh Auerbach dan Gardiner (2012) turut mendapati remaja yang mempunyai identiti diri yang positif adalah lebih gembira dan menikmati kehidupan.

Kepuasan hidup merupakan faktor positif yang mampu meningkatkan kualiti kehidupan remaja. Remaja yang mempunyai kepuasan hidup yang tinggi adalah lebih berjaya dan kurang terlibat dengan masalah salah laku (Gallagher et al., 2009). Aset perkembangan yang dimiliki remaja adalah kritikal dalam menentukan tahap kepuasan hidup mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti perkaitan antara pelbagai aset perkembangan dengan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia.

## METODOLOGI

### Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada remaja lelaki (n=314) dan perempuan (n=425) Melayu yang bersekolah dan berumur di antara 13 hingga 17 tahun daripada daripada empat negeri yang mewakili empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor), zon utara (Kedah) dan zon pantai timur (Kelantan).

### Prosedur kajian

Sampel ditentukan menggunakan persampelan kebarangkalian berkadar dengan saiz atau Probability proportionate to size (PPS). Proses pengumpulan data telah dilakukan di sekolah, di mana borang soal selidik diedarkan kepada responden semasa waktu persekolahan. Penerangan mengenai objektif kajian telah diberikan bagi membantu responden memahami matlamat kajian. Responden terlebih dahulu diminta untuk mengisi borang persetujuan sebagai tanda persetujuan untuk mengikuti kajian ini sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden. Panduan bagi memahami maksud soalan telah diberikan sepanjang sesi tersebut. Responden mengambil masa lebih kurang 45 minit untuk melengkapkan soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik dalam kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu (i) latar belakang remaja dan keluarga, (ii) instrument yang mengukur aset perkembangan dan (iii) instrumen yang mengukur kepuasan hidup remaja.

### Pengukuran

Kepuasan hidup diukur menggunakan *Student Life Satisfaction Scale* (SLSS) oleh Huebner (1991). SLSS merupakan instrumen yang mengukur kepuasan hidup secara global bagi kanak-kanak seawal usia lapan tahun melalui penilaian kognitif (Huebner, 1991). Skala ini mempunyai tujuh item (lima item positif dan dua item negatif) yang merangkumi aspek kepuasan hidup secara global. SLSS dijawab menggunakan skala 6 mata iaitu 1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = sedikit tidak setuju; 4 = sedikit setuju; 5 = setuju; 6 = sangat setuju. Skor bagi item negatif diterbalikan terlebih dahulu kemudian skor bagi setiap item SLSS dijumlahahkan untuk mendapatkan skor purata. Semakin tinggi skor menunjukkan semakin tinggi tahap kepuasan hidup responden. Dalam kajian ini alpha koefisien kepuasan hidup adalah .61.

Aset perkembangan diukur menggunakan *Developmental Assets Profile* (DAP) (Search Institute, 2005). DAP merupakan instrumen laporan kendiri yang mengkaji mengenai aset perkembangan golongan muda dan kanak-kanak yang berusia di antara 11 hingga 18 tahun dan mengandungi 58 item. Skor aset perkembangan boleh dinilai secara keseluruhan (aset perkembangan keseluruhan), mengikut kategori dan mengikut konteks aset (personal, sosial, keluarga, sekolah dan komuniti). Dalam kajian ini aset perkembangan dinilai berdasarkan lapan kategori aset (sokongan, pemerkasaan, halangan dan jangkaan, penggunaan masa, komitmen pembelajaran, nilai positif, kompetensi sosial dan identiti positif). Respon bagi setiap item menggunakan skala empat mata 0= tidak sama sekali atau jarang

berlaku; 1= kadang-kadang; 2= selalu atau kerap dan 3= terlalu kerap atau sangat selalu. Semakin tinggi skor semakin banyak aset perkembangan. Kebolehpercayaan bagi lapan kategori aset adalah di antara 0.81 hingga 0.88.

### ***Analisis data***

Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the social science (SPSS – version 18). Analisis diskriptif dijalankan bagi menerangkan maklumat latar belakang (personal dan keluarga) responden. Aset perkembangan dan kepuasan hidup remaja Melayu di Semenanjung Malaysia. Analisis statistik deskriptif melibatkan nilai purata, minimum, maksimum, mod, median, peratus, dan frekuensi. Analisis korelasi pearson digunakan untuk mengenalpasti perkaitan antara faktor kategori aset perkembangan dan kepuasan hidup. Manakala, analisis regresi digunakan untuk mengenalpasti faktor peramal unik kepuasan hidup remaja Melayu.

## **HASIL KAJIAN**

### ***Latar Belakang Remaja dan Keluarga***

Dapatan kajian menunjukkan Mat Rempit bukan sahaja terlibat dalam aktiviti lumba haram tetapi terjebak dengan salah laku pengambilan bahan terlarang yang menyalahi undang-undang. Pengambilan bahan terlarang seperti ketum umpamanya telah diwartakan haram oleh pihak berkenaan. Oleh itu, kajian mencadangkan kerajaan memberi kuasa penuh kepada pihak polis dan agensi kerajaan seperti Agensi Anti-dadah Malaysia, Pengasih, Badan Bukan Kerajaan bagi memerangi gejala ini sehingga ke akar umbi. Penyelidik mencadangkan pihak polis perlu melaksanakan strategi kepolisian agresif dalam membendung gejala ini secara serius. Justeru, isu yang berkaitan dengan belia ini perlu difahami secara tuntas. Mengelak daripada berbincang mengenainya hanya akan merugikan negara pada masa akan datang. Belia yang tidak menyumbang kepada negara, bukan sahaja merugikan diri belia itu sendiri tetapi juga negara secara keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Amit, N., Ismail, R., Ibrahim, N., Said, Z., & Ghazali, S. E. 2016. Sensation seeking and self-esteem differences among illegal street racers in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1 S1), 96.
- Armstrong, D., Hine, J., Hacking, S., Armaos, R., Jones, R., Klessinger, N., & France, A. 2005. Children, risk and crime: The on track youth lifestyles surveys. Home Office Research Study 278. London: Home Office.
- Blaikie, N. 2000. Designing social research, Oxford: Blackwell.
- Case, S., & Haines, K. 2007. Offending by young people: A further risk factor analysis. *Security Journal*, 20, 96-110.
- Don, Y., Daud, Y., Kasa, M. D., Sakdan, M. F. A., Mustafa, J., & Ahmad, Z. I. 2009. Gang rempit dan penyalahgunaan dadah: pengaruhnya dari aspek psikososial dan institusi pendidikan. *Jurnal Anti dadah Malaysia (Malaysian Anti-Drugs Journal)*, 5.

- Fraser, P., & Seddon, T. 2003. Drug prevention for vulnerable young people. London: Nacro.
- Hammersley, R., Marsland, L., & Reid, M. 2003. Substance use by young offenders: The impact of normalisation of drug use in the early years of the 21st Century. Home Office Research Findings 261. London: Home Office.
- Ismail, R., Din, N. C., Lee, O. L., Ibrahim, N., & Sukimi, F. 2015. Role of sensation seeking and aggression on risk riding behaviors among motorcycle street racers in Malaysia. e-BANGI, 10(1), 169.
- Ismail, R. & Ibrahim, N. 2007. Faktor-faktor Mempengaruhi Keterlibatan Remaja dalam Perlumbaan Motorsikal Haram Dan Hubungannya dengan Jenis Personality, Sokongan Social dan Coping Skill. Final Research Report for Malaysian Institute for Research in Youth Development, Ministry of Youth & Sports Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ismail. R. 2005. Illegal motorsikal race among youth. Seminar Proceedings Penyelidikan dan Pembangunan GenerasiMuda UKM-KBS, hlm.315-326.
- Neuman, L. 2003. Social research methods: Qualitative and quantitative approaches. ED. Ke-5. Boston: Pearson Education.
- Parker, R. N., & Auerhahn, K. 1998. Alcohol, drugs, and violence. Annual Review of Sociology, 24, 291-311.
- Putnis, A. L. 2003. Substance use and the prediction of young offender recidivism. Drug and Alcohol Review, 22, 401-408.
- Siegel, L.J. and C. McCormick. 2006. Criminology in Canada: Theories, Patterns, and Typologies (3rd ed.). Toronto: Thompson.
- Wong, L. P. 2011. Socio-demographic and behavioural characteristics of illegal motorcycle street racers in Malaysia. BMC public health, 11(1), 1.
- Wong, L. P. 2012. Factors associated with illegal motorcycle street racing and help-seeking intention. Behavioral Medicine, 38(2), 54-63.
- Zalmizy, H. 2015. "Teori kriminologi labeling dan evolusi penjenamaan semula mat rempit di Malaysia". Full paper presented at Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS2015) on 12th November 2015 at School of Social Science, Universiti Sains Malaysia.

***Profil Penulis :***

***Zalmizy Hussin, Phd***  
*Universiti Sains Malaysia*

***P. Sundramoorthy, Phd***  
*Universiti Sains Malaysia*

## GAYA KEIBUBAPAAN DAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL BELIA

ARVIN LAWRENCE LAMPAKAS & AKMAR HAYATI AHMAD GHAZALI

### ABSTRAK

*Keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan anak-anak bermula daripada kecil sehingga dewasa terutama dari segi sikap, tingkah laku, potensi, cara bersosial dan cara untuk berkomunikasi dengan orang lain. Sejak akhir-akhir ini, kita sering digembar gemburkan dengan isu remaja dan belia yang lemah dari segi bertingkah laku dan potensi diri. Disebabkan perkara tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengetahui apakah terdapat perkaitan antara amalan gaya keibubapaan terhadap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal bagi menjadikan anak-anak lebih kompeten. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk mengetahui pengaruh amalan gaya keibubapaan ibu bapa pelajar mengikut dimensi autoritarian dan demokratik berdasarkan kepada perspektif anak-anak terhadap tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif dengan memilih 400 orang belia di sekitar Lembah Klang Selangor. Selain itu, kajian rintis mendapati kesemua nilai Cronbach Alpha adalah 0.70 keatas. Hasil kajian mendapati ibu bapa belia lebih mengamalkan gaya keibubapaan jenis demokratik pada tahap tinggi berbanding gaya keibubapaan jenis authoritarian. Manakala ujian korelasi pula mendapati terdapat perkaitan yang positif antara dimensi gaya keibubapaan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia. Namun ujian perkaitan mendapati hubungan antara gaya keibubapaan jenis authoritarian adalah lemah dan sederhana bagi gaya keibubapaan jenis demokratik. Oleh yang demikian, hasil kajian ini jelas menunjukkan amalan gaya keibubapaan jenis authoritarian tidak memberikan apa-apa pengaruh terhadap tahap kompetensi komunikasi interpersonal, sedangkan gaya keibubapaan jenis demokratik pula menunjukkan pengaruh yang positif dan sederhana terhadap perkembangan kompetensi komunikasi interpersonal belia.*

**Kata Kunci:** Gaya Keibubapaan, Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal

### ABSTRACT

*Family plays a very important role in the development of children growth from infancy to adulthoods especially on developing their attitude, behavior, potential, socializing and communication. Obviously today we are faced with much issues related to youth. Therefore, this study is intended to determine possible relationship between parenting styles on youths' interpersonal communication competence mastery. Therefore, this article aims to determine the effect parenting style practices on authoritarian and democratic dimension to the level of interpersonal communication competence youth. This quantitative was conducted amongst 400 youths in Klang Valley, Selangor. Pilot study was conducted and exhibited the value*

*of Cronbach Alpha of 0.70 or more. The study found that parents who practiced the democratic type showed high level compared to the authoritarian parenting style. While correlation analysis found that there is a positive correlation between the dimensions of parenting style and the level of interpersonal communication competence youth; nevertheless the test of relevance indicated that correlation between the type of authoritarian parenting style is weak compared to the parents who practiced the democratic parenting style. The results of this study clearly demonstrate the practice of authoritarian parenting style does not give any effect on the level of interpersonal communication competence, while the democratic style of parenting showed a positive influence on the development of simple and interpersonal communication competence youth.*

**Keywords:** Parenting Style, Level Of Interpersonal Communication Competence

## PENGENALAN

Sikap, cara pemikiran dan potensi diri seseorang adalah dipengaruhi oleh gaya asuhan yang diamalkan dari rumah iaitu gaya keibubapaan. Seperti kenyataan oleh Sari, Hubbies, Mangkuprawira dan Saleh (2010) iaitu bentuk amalan gaya keibubapaan semasa mendidik anak-anak mereka merupakan salah satu faktor yang paling banyak menyumbang keupayaan kendiri anak-anak daripada mereka kecil sehingga mereka dewasa. Selain itu, gaya keibubapaan juga berperanan sebagai suatu organisasi yang membimbang anak-anak mereka untuk menghadapi kehidupan yang luas dan mempunyai pelbagai cabaran dan konflik yang sukar untuk diramal (Maizatul, 2007). Dalam konteks budaya masyarakat di Malaysia, rata-rata amalan gaya keibubapaan adalah berbentuk terbuka dan bertoleransi dalam mendidik dan mengasah potensi anak-anak mereka bermula daripada kecil sehingga dewasa (Zarinah, Rozumah, Rumaya & Rozana, 2002).

Media massa sering mendedahkan laporan mengenai belia Malaysia yang kurang kompeten dalam pelbagai aspek khususnya dari segi kompetensi komunikasi interpersonal apabila ingin menceburii bidang kerjaya, sedangkan dalam kajian lepas banyak mengatakan ibu bapa di Malaysia lebih mengamalkan gaya keibubapaan demokratik seperti bersikap terbuka, bertoleransi, lemah lembut dan tegas semasa membimbang anak-anak mereka. Seperti mana yang dinyatakan oleh Abdillah dan Suriani (2011), belia khususnya pelajar daripada universiti kebanyakannya lemah dalam menguasai kemahiran generik terutama kemahiran komunikasi.

### Penyataan Masalah

Isu kurang memiliki kompetensi dalam pelbagai aspek dalam kalangan belia yang berlaku pada masa kini sering dikaitkan dengan kegagalan institusi keluarga dalam mendidik dan menggilap perkembangan anak-anak mereka dengan berkesan (Hasnizah dan Fatimah, 2011). Kenyataan ini disokong oleh Zarinah & Rozumah (2011) yang menyatakan keluarga banyak mempengaruhi setiap perkembangan

sikap dan kesejahteraan hidup seseorang terutamanya dari segi emosi, rohani dan jasmani secara berterusan. Namun begitu, sejauh mana kesan didikan yang diperolehi daripada keluarga dalam membantu memperkasakan nilai-nilai positif dalam diri seseorang adalah bergantung dengan gaya keibubapaan semasa membimbing anak-anak mereka. Cabaran untuk menjadikan anak-anak dalam sebuah keluarga itu cemerlang dari segi sahsiah, peribadi dan memiliki daya kompeten sememangnya tidak dapat dinafikan.

Menyedari masalah yang dihadapi ini, ia telah menuntut keluarga khususnya ibu bapa untuk memainkan peranan yang paling efektif dan efesien bagi menjamin kesejahteraan anak-anak dan keluarga dalam suatu jangka masa yang panjang di samping pelbagai usaha telah dimainkan oleh ibu bapa bagi mengukuhkan hubungan sesama ahli keluarga. Seperti mana yang dinyatakan oleh Aziyah (2008), antara usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ialah dengan merangka pelbagai program yang bertujuan membantu meningkatkan kesejahteraan institusi kekeluargaan. Namun begitu, menjadi persoalan kajian ini, apakah amalan keibubapaan yang dipraktikkan oleh itu bapa mempunyai kaitan yang ketara terhadap perkembangan anak-anak khususnya dari segi kompetensi komunikasi interpersonal anak-anak mereka terutama kepada belia di sekitar Lembah Klang.

### **Persoalan Kajian**

- i) Apakah bentuk amalan gaya keibubapaan ibu bapa belia di Lembah Klang ?
- ii) Apakah terdapat hubungan antara amalan gaya keibubapaan terhadap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia ?

### **Objektif Khusus**

- i) Mengenal pasti amalan gaya keibubapaan ibu bapa belia di sekitar Lembah Klang.
- ii) Mengenal pasti hubungan antara amalan gaya keibubapaan terhadap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia di Lembah Klang.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Gaya Keibubapaan**

Berdasarkan kepada Azizi dan Yusof (2008), gaya keibubapaan merupakan suatu agen penyumbang kepada pencapaian anak-anak terutamanya dari segi tingkahlaku dan akademiknya. Perkara ini sememangnya tidak dapat dinafikan kerana ibu bapa membesarakan anak-anaknya bermula daripada bayi sehingga dewasa. Selain itu, Brahim (2002) menyatakan bahawa anak-anak akan meniru dan bertindak balas dengan tingkahlaku dan arahan yang diberikan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka dan sekali gus akan memberikan impak terhadap diri mereka. Oleh itu, berdasarkan kepada keterangan di atas mengenai gaya keibubapaan terhadap perkembangan anak-anak. Beberapa kajian lepas dinyatakan di bawah mengenai

bentuk amalan gaya keibubapaan dalam konteks masyarakat di Malaysia.

Hairi, Manaf dan Shazli (2012) menyatakan ibu bapa di Bandar Bangi lebih mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif berbanding autoritarian. Selain itu, ibu bapa sekitar Bandar Bangi lebih mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif bagi membantu anak-anak mereka dalam pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, ujian perkaitan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik anak-anak adalah lemah.

Kajian yang dilakukan oleh Nooraini dan Salasiah (2013) mendapati bahawa gaya keibubapaan jenis demokratik adalah sederhana diamalkan dan gaya keibubapaan authoritarian pula adalah tinggi diamalkan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Batu Pahat Johor. Selain itu, ujian korelasi menunjukkan kedua-dua dimensi gaya keibubapaan mempunyai perkaitan yang positif terhadap pembentukan personaliti islamik anak-anak.

Kajian Norhaniyanti (2011) mendapati bahawa ibu bapa pelajar di Sekolah Menengah Padang Terap Kedah mengamalkan gaya keibubapaan jenis demokratik pada tahap tinggi dan rendah untuk gaya keibubapaan jenis authoritarian. Selain itu, ujian korelasi antara gaya keibubapaan dengan masalah sosial remaja menunjukkan perkaitan yang sederhana.

### ***Kompetensi Komunikasi Interpersonal***

Spencer & Spencer (1993) menyatakan bahawa kompetensi komunikasi interpersonal merupakan suatu set kemampuan (pengetahuan, motivasi dan kemahiran) yang dimiliki oleh individu agar boleh berjaya dalam bidang yang ingin diceburi. Menguasai kompetensi komunikasi adalah penting kerana ia merupakan suatu set kemahiran yang paling dikehendaki oleh majikan pada masa kini. Kompetensi komunikasi interpersonal merupakan salah satu kriteria yang perlu dikuasai oleh individu sebelum melangkah ke dunia pekerjaan. Seperti kenyataan Afkalia dan Anita (2009) kompetensi komunikasi interpersonal adalah suatu yang harus dikuasai bagi memudahkan seseorang itu mudah untuk menyampaikan buah fikiranya dan senang untuk diterima oleh penerima buah fikiran. Selain itu, kompetensi komunikasi interpersonal juga boleh diertikan sebagai kemahiran komunikasi seseorang, seperti mana yang dinyatakan oleh Danny dan Anne (2002), kompetensi komunikasi interpersonal adalah keupayaan seseorang dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan berkesan. Oleh itu, beberapa kajian terkini berkaitan kompetensi komunikasi interpersonal dinyatakan di bawah.

Kajian Sani, Saedah dan Hadiyanto (2008) mengenai perbandingan penguasaan kompetensi utama pelajar Universiti Kebangsaan di Malaysia dan Indonesia. Dalam kajian ini mereka mendapati bahawa kemahiran generik seperti kemahiran komunikasi, IT, menyelesaikan masalah dan kemampuan bekerja dengan orang lain adalah lebih dikuasai oleh pelajar daripada Universiti

Kebangsaan Malaysia berbanding Universiti Nasional Indonesia. Selain itu, kajian Zaid, Yahya, Khairol, Rizal dan Mirdaa (2011) pula mengenai penerapan dan penguasaan kompetensi interpersonal pelajar selepas mengikuti pelbagai program di universiti. Dalam kajian ini, mereka mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penerapan kompetensi interpersonal dengan penguasaan kompetensi interpersonal terhadap pelajar. Seterusnya dalam kajian Maidatulakmal (2012) terhadap pelajar universiti mendapati bahawa faktor jantina tidak memainkan apa-apa peranan dalam penguasaan kompetensi komunikasi. Selain itu, keseluruhan pelajar menunjukkan penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pada tahap yang tinggi.

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik 5 skala likert sebagai instrumen kajian yang mengandungi 50 item kesemuanya, iaitu 30 item diadaptasi untuk mengukur tahap kompetensi komunikasi interpersonal belia yang telah diadaptasikan daripada Spitzberg dan Cupach (1984) dan 20 item gaya keibubapaan yang diadaptasi daripada Baumrind (1991) dan Aziyah (2008). Seterusnya, dua orang pakar telah dirujuk untuk menilai kesahan intrumen kajian ini sebelum kajian sebenar dijalankan. Ujian penilaian Cronbach Alpha turut menunjukkan kesahihan yang tinggi iaitu melebihi 0.70 dan keatas, sekali gus membolehkan kajian ini diteruskan. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan untuk memilih responden yang memenuhi kriteria kajian ini, iaitu mereka yang masih mempunyai ibu bapa dan tinggal bersama-sama semenjak kecil. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 400 orang daripada 45419 populasi berdasarkan kepada formula Yamane (1967). Selain itu, sampel dipilih di sekitar Lembah Klang Selangor kerana kawasan ini merupakan kawasan yang memiliki jumlah populasi belia yang paling ramai berbanding kawasan lain di Selangor (Banci Penduduk, 2013). Di samping itu, aspek kekangan yang dihadapi oleh pengkaji dari faktor masa dan sumber juga diambil kira. Kesemua data daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS 21.0). Manakala interpretasi skor min dalam kajian ini ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 1: Skor Pengukuran Skor Min**

Pengukuran min	Skor Min
Rendah	1.00 - 2.33
Sederhana	2.34 – 3.67
Tinggi	3.68 - 5.00

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### **Demografi Responden**

Lebih daripada separuh belia yang terlibat dalam kajian ini ialah perempuan (65.5%). Kaum yang paling banyak terlibat dalam kajian ini pula ialah Melayu (38.8%), manakala majoriti umur belia yang terlibat dalam kajian ini ialah yang berumur 18-21 tahun.

**Jadual 2: Taburan Demografi Responden**

<b>n=400</b>	<b>Profil</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
A1	Jantina		
	Lelaki	138	34.5
	Perempuan	262	65.5
A2	Kaum		
	Melayu	155	38.8
	Cina	100	25.0
	India	83	20.8
	Lain-Lain	62	15.5
A3	Umur		
	18-21	283	70.8
	22-25	117	29.3

### **Amalan Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Responden**

Objektif pertama kajian ini ialah untuk menentukan amalan gaya keibubapaan ibu bapa belia berdasarkan kepada dimensi autoritarian dan dimensi demokratik. Kedua-dua dimensi gaya keibubapaan ini dibahagikan kepada tiga tahap seperti mana yang diterangkan dalam Jadual 1 iaitu tahap rendah (1.00 - 2.33), tahap sederhana (2.34 - 3.67) dan tahap tinggi (3.68 - 5.00). Tahap rendah bermaksud ibu bapa pelajar kurang mengamalkan gaya keibubapaan jenis authoritarian atau demokratik, tahap sederhana pula bermaksud mengamalkan dan tahap tinggi pula bermaksud ibu bapa responden amat mengamalkan gaya keibubapaan jenis authoritarian atau demokratik.

### **Gaya Keibubapaan Jenis Autoritarian**

Jadual 3 menunjukkan min keseluruhan bagi dimensi gaya keibubapaan jenis authoritarian ialah 2.84 iaitu berada dalam kategori sederhana mengamalkan dan ini bermaksud ibu bapa belia mengamalkan gaya keibubapaan authoritarian secara tidak mendesak.

Manakala skor min paling tinggi bagi setiap kenyataan untuk dimensi gaya keibubapaan authoritarian ialah “ibu bapa saya selalu meletakkan harapan yang tinggi dalam apa juga yang saya lakukan” (min: 3.76, Sp: 1.06). Hasil kajian ini adalah sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Hairi, Manaf dan Shazli (2012) iaitu ibu bapa jenis authoritarian lebih gemar untuk meletakkan harapan yang tinggi kepada anak-anak mereka namun kurang dalam memberikan tanggungjawab.

**Jadual 3: Skor Min Gaya Keibubapaan (Autoritarian)**

N=400	Item	Min	Sisihan piawai
B1	Ibu bapa saya menghukum anak-anaknya apabila melakukan kesalahan.	3.35	1.17
B2	Ibu bapa saya selalu meletakkan harapan yang tinggi dalam apa jua yang saya lakukan.	3.76	1.06
B3	Ibu bapa saya sering menyatakan ‘itu salah’ apabila saya ingin lakukan apa-apa perkara.	2.61	1.08
B4	Ibu bapa saya sering mencampuri hal berkaitan kehidupan saya.	2.26	1.07
B5	Ibu bapa saya tidak mendenda saya sekiranya saya melakukan kesalahan, sebaliknya memberikan alasan dahulu.	3.00	1.09
B6	Ibu bapa saya membiarkan anak-anaknya melakukan apa sahaja perkara yang disukai.	2.61	1.15
B7	Ibu bapa saya selalu merancang pelbagai perkara untuk kehidupan saya.	2.32	1.12
B8	Ibu bapa saya menetapkan beberapa peraturan tetap dalam keluarga.	3.21	1.13
B9	Ibu bapa saya akan mengenakan hukuman yang berat sekiranya saya melakukan kesalahan.	2.66	1.15
B10	Ibu bapa saya berasa penting untuk menjadi ketua.	2.62	1.17
<b>Skor Min Keseluruhan</b>		<b>2.84</b>	<b>0.04</b>

**Gaya Keibubapaan Jenis Demokratik**

Jadual 4 menunjukkan min keseluruhan bagi dimensi gaya keibubapaan jenis demokratik ialah 3.90 dengan sisihan piawai 0.07. Skor min ini berada dalam kategori tinggi (3.68 - 5.00) dan ini bermaksud ibu bapa belia sangat mengamalkan gaya keibubapaan jenis demokratik.

Manakala, skor min untuk kenyataan gaya keibubapaan dimensi demokratik yang paling tinggi diamalkan ialah “ibu bapa saya akan menasihatkan saya apabila saya melakukan kesalahan” iaitu dengan skor min 4.30 dan sisihan piawai 0.81. Penemuan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Badrulzaman dan Yahya (2006) iaitu ibu bapa sering menasihatkan anak-anaknya apabila melakukan perkara-perkara yang tidak baik, hal ini adalah untuk mencegah anak-anak daripada terjebak kepada perkara-perkara negatif.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan dalam dimensi autoritarian dan dimensi demokratik mendapati bahawa ibu bapa belia di Selangor lebih mengamalkan gaya keibubapaan jenis demokratik. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian Haikal, Fatimah dan Irwan (2014) iaitu ibu bapa yang terdapat di sekitar negeri Selangor mengamalkan gaya keibubapaan demokratik berbanding gaya keibubapaan authoritarian. Hal ini sesuai dengan konteks masyarakat yang terdapat di negara kita iaitu ibu bapa lebih mendidik anak-anak mereka dengan cara lemah lembut, kurang mendesak dan bertoleransi.

**Jadual 4: Skor Min Gaya Keibubapaan Responden (Demokratik)**

N=400	Item	Min	Sisihan piawai
B11	Ibu bapa saya memberi galakan untuk membuat keputusan bersama-sama.	3.93	0.96
B12	Ibu bapa saya memberi galakan untuk membuat perbincangan bersama.	3.94	0.95
B13	Ibu bapa saya membuat keputusan atas persetujuan anak-anak.	3.78	1.01
B14	Ibu bapa saya berasa penting mengenai pandangan saya tentang sesuatu perkara.	2.46	1.10
B15	Ibu bapa saya menggalakkan saya memberikan pandangan dalam menyelesaikan sesuatu masalah.	3.74	0.95
B16	Ibu bapa saya memberikan kebebasan membuat keputusan setelah berbincang dengan mereka.	3.86	0.99
B17	Ibu bapa saya sering memberikan tunjuk ajar yang baik dalam pelbagai perkara.	4.26	0.88
B18	Ibu bapa saya akan menerangkan kepada saya tentang sesuatu peraturan secara rasional.	4.11	0.89
B19	Ibu bapa saya akan menasihatkan saya apabila saya melakukan kesalahan.	4.30	0.81
B20	Ibu bapa saya memberi galakan supaya berani menyatakan pendapat walaupun pendapat tersebut bertentangan dengan pendapat orang lain.	3.91	0.96
<b>Skor Min Keseluruhan</b>		<b>3.90</b>	<b>0.07</b>

#### **Hubungan antara Amalan Gaya Keibubapaan dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar**

Objektif kedua dalam kajian ini adalah untuk mengetahui hubungan antara gaya keibubapaan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia. Namun, sebelum objektif ini dijawab, analisis secara deskriptif telah dilakukan

untuk mendapatkan skor tahap penguasaan kompetensi interpersonal belia. Oleh itu, tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia diterangkan seperti di bawah.

### **Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Belia**

Tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal telah dioperasionalkan bagi mendapatkan skor berdasarkan kepada setiap jawapan yang diberikan oleh responden dalam soalan tersebut. Tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal ini juga dibahagikan kepada tiga tahap seperti mana yang diterangkan dalam Jadual 1, iaitu 1.00 – 2.33 adalah rendah dan dikategorikan sebagai kurang menguasai. 2.34 – 3.67 pula adalah sederhana bermaksud menguasai dan 3.68 - 5.00 ialah tinggi bermaksud sangat menguasai.

Jadual 5 menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia adalah tinggi (min = 3.88; Sisihan Piawai = 0.09) dan ini bermaksud belia di sekitar Lembah Klang Selangor sangat menguasai kompetensi komunikasi interpersonal. Hasil Kajian ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Maidatulakmal (2012) yang menyatakan pelajar Politeknik menguasai kompetensi komunikasi pada tahap tinggi.

### **Jadual 5: Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Belia**

N=400	Pemboleh Ubah	Skor Min Keseluruhan	Sisihan Piawai Keseluruhan
	Kompetensi komunikasi interpersonal	3.88	0.09

Selepas skor dan tahap penguasaan bagi kompetensi komunikasi interpersonal diperolehi, ujian korelasi dijalankan bagi mengetahui kekuatan perkaitan antara gaya keibubapaan dengan penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia.

Berdasarkan kepada hasil ujian korelasi dalam Jadual 6, ia menunjukkan nilai perkaitan dimensi gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal adalah lemah iaitu  $r = 0.303$ . Manakala, nilai perkaitan untuk dimensi demokratik adalah  $r = 0.604$ . Dapatkan kajian ini telah jelas membuktikan bahawa amalan gaya keibubapaan authoritarian tidak memberikan apa-apa pengaruh kepada tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia. Sebaliknya, amalan gaya keibubapaan jenis demokratik memberikan pengaruh yang lebih signifikan terhadap tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa semakin tinggi amalan gaya keibubapaan jenis demokratik dipraktikkan, semakin baik tahap kompetensi komunikasi interpersonal seseorang itu.

Seterusnya, penemuan kajian ini bolehlah disokong oleh kajian yang

telah dijalankan oleh Nurshahizan (2014) yang menyatakan gaya keibubapaan demokratik mempunyai perkaitan terhadap perkembangan anak-anak terutamanya dari segi interaksi sosial dan psikologi. Hal ini kerana ibubapa merupakan golongan pendidik anak-anak mereka yang terawal, khususnya dari segi cara berfikir dan bersosial dengan orang-orang sekeliling mereka. Selain itu, Nurshahizan juga berpendapat bahawa didikan yang diperolehi daripada rumah akan dibawakan oleh anak-anak mereka sehingga mereka dewasa.

**Jadual 6: Ujian Korelasi antara Gaya Keibubapaan (Autoritari dan Demokratik) terhadap Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Belia (N=400)**

Gaya keibubapaan	Tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal	
	r	P
Autoritari	0.303	0.000
Demokratik	0.604	0.000

### KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil kajian secara keseluruhan, amalan gaya keibubapaan ibu bapa belia di sekitar Lembah Klang mendapat bahawa ibu bapa mereka lebih mengamalkan gaya keibubapaan jenis demokratik pada tahap tinggi dan mengamalkan gaya keibubapaan jenis autoritarian pada tahap sederhana. Manakala dari segi ujian perkaitan yang dijalankan, mendapat dimensi gaya keibubapaan jenis authoritarian tidak mempunyai perkaitan yang signifikan. Manakala, perkaitan antara gaya keibubapaan demokratik dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia pula menunjukkan perkaitan yang sederhana.

Selain itu, walaupun banyak kajian lepas membuktikan bahawa bentuk amalan gaya keibubapaan adalah sangat penting dalam mendidik anak-anak mereka namun, kajian terperinci dengan melihat perkaitan setiap dimensi gaya keibubapaan terhadap perkembangan kanak-kanak masih kurang ditemui. Oleh itu, kajian ini jelas menunjukkan bahawa tidak semua jenis gaya keibubapaan dalam mendidik itu adalah sesuai untuk diamalkan ke atas anak-anak mereka. Seperti mana hasil kajian yang telah diperolehi dalam kajian ini iaitu gaya didikan authoritarian adalah sangat tidak sesuai untuk diaplikasikan ke dalam sistem keluarga di Malaysia. Ini kerana, gaya keibubapaan authoritarian tidak mampu untuk mengembangkan apa-apa potensi anak-anak mereka, khususnya dari segi kompetensi komunikasi interpersonal.

## RUJUKAN

- Abdillah, R., & Suriani, M. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran komunikasi di kalangan pelajar tahun 4 perdana Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan(Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup) di Universiti Teknologi Malaysia. unspecified . pp. 1-9. (Unpublished). Diakses daripada <http://eprints.utm.my/11882/>, pada 28/03/2016.
- Afkalia & Anita, M. 2009. Faktor-faktor yang mempengaruhi kompetensi komunikasi interpersonal. *Jurnal Komunikasi*, 6, 25-44.
- Aziyah, A. B. 2008. Hubungan Pola Komunikasi Keluarga dengan Gaya Keibubapaan dan Kejelekitan dalam Keluarga (Master Thesis, Universiti Putra Malaysia).
- Aziyah, A. B. 2015. Komunikasi keluarga dan pengurusan konflik: dari persepektif remaja melayu. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 17, 11- 28.
- Aziyah, A. B., Saodah, W., & Hasnizah, C. H. 2011. Komunikasi keluarga dan hubungannya dengan sikap optimis remaja. In: International Conference on Media and Communication (MENTION 2011), 11-12 October 2011, Equatorial Hotel, Bangi. (Unpublished)
- Azizi, Y., & Yusof, B. 2008. Permasalahan, pengajaran dan pembelajaran di sekolah (edisi pertama). Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 12-25.
- Baumrind, D. 1991. The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. *Journal of Early Adolescence*, 11, 56-95.
- Brahim, I. 2002. Disiplin keluarga jadi penentu tingkah laku anak. Diakses daripada [www.bharian.my](http://www.bharian.my) pada 13/3/2016.
- Danny, G. L., & Anne, F. M. 2002 A new model for systematic competency identification. *Journal of international society for performance improvement*, 4, 16-23
- Haikal, A. A., Fatimah, Y., & Irwan, A. 2014. Gaya keibubapaan dan hubungannya dengan kemurungan dalam kalangan remaja. Conference: Seminar Psikologi Malaysia, At Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). 1-11.
- Hairi, O. H., Manaf ,A. A., & Shazli,A. A. 2012 Pengujian model gaya keibubapaan baumrind ke atas pencapaian akademik pelajar Sekolah Menengah. e-BANGI: *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7, 105-120.

- Hasnizah, C. N. C. 2006. Hubungan keluarga dari aspek komunikasi dan gaya keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 45-57.
- Hasnizah, C. N., & Fatimah, Y. 2011. Corak komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, 2, 45-62
- M. Sani, I., Saedah, S., & Hadiyanto. 2008. Pembangunan kompetensi utama pelajar-pelajar di universiti: satu kajian perbandingan antara Universiti Nasional di Malaysia dan Indonesia. (Unpublished). Diakses daripada umespert.um.my. pada 27/03/16.
- M. Zaid, M., Yahya, B., Khairol, M. S., Rizal, M., & Mirdaa, M. 2011 Kompetensi interpersonal dalam kalangan mahasiswa di universiti. *Journal of Human capital Development*, 2, 1-38
- Maidatulakmal, O. 2012. Tahap kompetensi pelajar melaksanakan kerja amamli berpandukan Domain Psikomotor Simpson. *Jurnal Kemanusiaan*, 3, 11-25.
- Maizatul,A. A. B. 2007. Perkaitan antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar. *Akademika*, 2, 109-118
- Nooraini, O., & Salasiah, K. 2013 Explorasi hubungan antara personaliti islamik dan gaya keibubapaan/exploring the relationship between islamic personality and parenting style. *International Journal Of Islamic Thought*, 4, 49-57.
- Norhaniyanti, M. 2011. Hubungkait Antara Gaya Asuhan dan Gaya Pembelajaran Terhadap Masalah Sosial dan Masalah Pembelajaran di Kalangan Remaja. Master Thesis, Universiti Utara Malaysia. Diakses daripada <http://etd.uum.edu.my/4004/>, pada 30/03/2016.
- Santi, M. R., & Ferry, K. 2015. Pola komunikasi anak-anak delinkuen pada keluarga broken home di kelurahan karombasan selatan kecamatan wanea kota manado.Jurnal Acta Diurna, 4(4).
- Sari, A., Hubeis, A. V. S., Mangkuprawira, S., & Saleh, A. 2010. Pengaruh pola komunikasi keluarga dalam fungsi sosialisasi keluarga terhadap perkembangan anak. *Jurnal Komunikasi Pembangunan*, 2, 8-20.
- Spencer, P. M., & Spencer, S. M. 1993. *Competence at work: models for superior performance*. New York: John Wiley & Sons.
- Spitzberg, B.H. and Cupach, W.R. 1984. *Interpersonal Communication Competence*. San Diego: Sage.

- Yamane, T. 1967. Statistics: An Introductory Analysis, 2nd Ed., New York: Harper and Row.
- Zarinah,A.,Rozumah,B.,Rumaya,J.,& Rozana,K. 2002. Tingkahlaku keibubapaan dan penyesuaian tingkahlaku anak dalam keluarga berisiko luar bandar. Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 10, 165-178.
- Zarinah,A., & Rozumah, B. 2011. Perkaitan antara faktor sosioekonomi dan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko. Jurnal Kemanusiaan, 17, 57-65.
- Zhang, Q. 2007. Family communication patterns and conflict styles in Chinese parent-child relationships. Communication Quarterly, 55, 113-128.

***Profil Penulis:***

***Arvin Lawrence Lampakas***

*Pelajar Sarjana Sains*

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi*

*Universiti Putra Malaysia*

*arvin\_lawrence@hotmail.com*

***Akmar Hayati Ahmad Ghazali, PhD***

*Pensyarah Kanan*

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi*

*Universiti Putra Malaysia*

*akmar@upm.edu.my*



## PANDUAN KEPADA PENYUMBANG

### SKOP

*Malaysian Journal of Youth Studies* ialah sebuah jurnal berwasit yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang menarik minat para sarjana, terutamanya daripada segi kandungan dan pendekatannya. Jurnal ini diterbitkan oleh sebuah Lembaga Editorial yang bebas, terdiri daripada Felo Adjung IYRES. Selain itu, para sarjana dari luar negara turut dilantik untuk menganggotai Lembaga Penasihat Jurnal ini.

### PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP

*Malaysian Journal of Youth Studies* menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Dua salinan manuskrip, ditaip selang dua baris di atas kertas bersaiz A4, hendaklah diserahkan kepada Ketua Editor, Malaysian Journal of Youth Studies, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Aras 10, Menara KBS, 62570, Putrajaya Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting berserta dengan salinan fail soft copy dan hard copy. Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat. Setiap artikel yang diterbitkan akan diberikan tiga (3) naskhah salinan *Malaysian Journal of Youth Studies*.

### FORMAT DAN GAYA

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150 hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang memerihalkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan.

Semasa ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman yang berasingan daripada teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah di tanda dengan jelas. Semua ilustrasi ini harus dirujuk dan di nombor secara berturutan sebagai rajah. Semua ilustrasi hendaklah sama ada dilukis dengan jelas menggunakan dakwat kekal, difotograf dalam bentuk hitam putih atau warna dan dicetak di atas kertas yang bermutu atau dalam bentuk imej digital dan disediakan dalam bentuk *camera-ready*.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan *The Chicago Manual of Style* (University of Chicago Press).

## **HAK CIPTA**

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta yang sedia ada. Penulis juga membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Para penulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

## **PROSES PEWASITAN**

Sesebuah manuskrip akan dinilai dan diwasitkan oleh Lembaga Editorial. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip didasarkan kepada saranan ahli-ahli lembaga ini. Sesebuah manuskrip akan dinilai berdasarkan kesesuaiannya dengan *Malaysian Journal of Youth Studies* sumbangannya kepada disiplin ilmu, kejituhan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identiti penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

## **GUIDE TO CONTRIBUTORS**

### **SCOPE**

*Malaysian Journal of Youth Studies* is refereed journal committed to the advancement of youth studies. The journal publishes articles whose content and approach are of interest to a wide range of scholars. *Malaysian Journal of Youth Studies* is published by an autonomous Editorial Board of Institute for Youth Research Malaysia. In addition, distinguished scholars from local and foreign universities have been appointed to serve on the Advisory Board of the journal.

### **SUBMISSION PROCEDURE**

The journal publishes manuscripts written in the Malay language, while submissions in English are also accepted. Manuscripts submitted to the journal for publication should be original contributions and must not have been previously published or be under consideration by any other publications.

*Two copies of the manuscript, typed with double spacing on A4 paper, should be submitted to the Editor-in-Chief, Malaysian Journal of Youth Studies, Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth & Sports Malaysia, Level 10, KBS Tower, 62570, Putrajaya Malaysia. The manuscript should be accompanied by a short biographical note about the authors.*

*An author(s) whose manuscript has been accepted for publication will be required to send a hard copy as well as a soft copy and hard copy of the final, edited version of the manuscript. While a manuscript is under consideration, be sure to inform the editor of any change in address. Three (3) hardcopies of the journal will be given to the corresponding author of the published manuscript.*

### **FORMAT AND STYLE**

*The title of a manuscript should be concise, descriptive and preferably not exceeding 15 words. The manuscript must include an abstract, describing its main points, in English and Malay of within 150-200 words including key word of at least five (5) words.*

*All illustrations, including figures, charts and graphs, must be labeled and supplied on pages separate from the texts. The desired placement in the text should be clearly indicated. These illustrations should be referred to and numbered serially as figures. All illustrations should be clearly drawn in permanent ink or photographed in sharp black and white or color and reproduced in the form of high-contrast glossy prints or digital images and provided in camera ready form.*

*References in the text should be denoted by giving the name(s) of the author(s) with the year of publications in parenthesis. All alphabetically ordered references list should be included at the end of the manuscript. All references cited in the text must appear in the reference list. Authors are responsible for the accuracy and completeness of all information in the reference. Manuscripts must conform to the references guidelines in The Chicago Manual of Style (University of Chicago Press). The reference style adopted should be consistent throughout the manuscript.*

### **COPYRIGHT**

*It is the author's responsibility to ensure that his or her submitted work does not infringe any existing copyright. Furthermore, the author indemnifies the editors and publisher against any breach of such a warranty. Authors should obtain permission to reproduce or adapt copyrighted material and provide evidence of approval upon submitting the final version of a manuscript.*

**REVIEW PROCESS**

*Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. Decisions regarding the publication of a manuscript will be based on the Board's recommendations. The manuscript will be evaluated based on its appropriateness for Malaysian Journal of Youth Studies, contribution to the discipline, cogency of analysis, conceptual breadth, clarity of presentation, and technical adequacy. To ensure that manuscripts are evaluated solely on their merit, the author's identity is concealed from referees during the review process. Manuscripts submitted by members of the journal's Editorial Board are subjected to the same review procedure.*

## BORANG PESANAN/ORDER FORM



**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA  
MALAYSIA (IYRES)**  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA  
ARAS 10, MENARA KBS  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62570 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
TEL: 03-8871 3705/3790  
FAKS: 03-8871 3342  
EMAIL: info@iyres.gov.my  
<http://www.iyres.gov.my>

Mohon bekalkan judul berikut kepada pihak kami.  
*Kindly supply Malaysian Journal of Youth Studies to us.*

Judul/Title	Kuantiti/ Quantity	Harga/ Price (RM)	Jumlah/ Total
Jurnal Pembangunan Belia Malaysia Bil. 1 2008		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 1 2009</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies (Edisi Khas: Belia dan 1Malaysia) Bil. 2 2010</i>		25.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 3 2010</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 4 2011</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 5 2011</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 6 2012</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 7 2012</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 8 2013</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 9 2013</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 10 2014</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 11 2014</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 12 2015</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 13 2015</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies Bil. 14 2016</i>		20.00	
<i>Malaysian Journal of Youth Studies (Edisi Khas: Indeks Belia Malaysia) Bil. 15 2016</i>		25.00	
	<b>RM</b>		

Bayar wang tunai/bank draf/wang kiriman atas nama/*Make your cash/bank draft/money orders payable to Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.*

Nama Pemesan/Customer : .....

Alamat/Address : .....

Jabatan/Syarikat/Department/Company : .....

Jawatan/Position : .....

Tandatangan/Signature : .....

Disertakan/Attached : wang tunai/bank draf/kiriman wang/cash/bank draft/money order no:

..... /RM .....







